




# **MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2012**







# **MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2012**



## MUKADIMAH

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) adalah sebuah organisasi yang bertanggungjawab berkaitan dengan hak asasi manusia di Malaysia. Setiap tahun pihak SUHAKAM akan menyediakan laporan tahunan yang akan menyentuh pelbagai isu, pemerhatian dan syor-syor berkaitan dengan hak asasi manusia. Laporan yang telah disiapkan itu kemudiannya diedarkan ke Parlimen dan seterusnya kepada umum. Tindakan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 21 (1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] yang menyatakan bahawa SUHAKAM perlu mengemukakan Laporan Tahunannya kepada Parlimen pada Mesyuarat Pertama Parlimen setiap tahun. Laporan Tahunan SUHAKAM 2012 telah diedarkan di Parlimen pada 9 Julai 2013 yang lalu.

Memandangkan kebanyakan isu-isu yang dibangkitkan melibatkan bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan maka Kerajaan berpandangan bahawa jawapan dan maklum balas patut diberikan bagi menjelaskan isu-isu berkaitan. Sejak tahun 2011, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), sebuah agensi yang membantu Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membantu menyelaras maklum balas berkaitan isu-isu yang dibangkitkan SUHAKAM dalam laporannya. Pengumpulan maklum balas-maklum balas berkenaan telah dibuat dari pelbagai kementerian/jabatan/agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap isu-isu terbabit. Kesemuanya dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam Maklum Balas Kerajaan Terhadap Isu-Isu Dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2012 ini.

Sesunguhnya dengan adanya jawapan serta maklum balas yang diterima dan dikumpulkan daripada agensi-agensi Kerajaan ini jelas terbukti bahawa Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap keperluan dan kepentingan setiap golongan masyarakat bagi memastikan hak asasi rakyat di Negara ini adalah terjamin dan terpelihara.

## ISI KANDUNGAN

---


<b>BAB 1</b>	I.	LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM	2 - 22
<b>BAB 2</b>	II.	LAPORAN KUMPULAN ADUAN PEMANTAUAN DAN INKUIRI	24 - 36
<b>BAB 3</b>	III.	LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR	38 - 71
<b>BAB 4</b>	IV.	LAPORAN PEJABAT SABAH	74 - 84
<b>BAB 5</b>	V.	LAPORAN PEJABAT SARAWAK	86 - 95
<b>BAB 6</b>	VI.	LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK KE ATAS TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA	98 - 103
SENARAI SINGKATAN			106 - 108

---

**BAB** **1**

---

**LAPORAN KUMPULAN  
PENDIDIKAN DAN  
PERHUBUNGAN AWAM**



## LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1. I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI		3
1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA		3
(a) Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM)		3
(b) Hak Kepada Pendidikan Orang Asli		4
Pengangkutan dan Akses Jalan Raya		4
Bekalan Air Bersih		5
Kanak-Kanak Tidak Bersekolah		5
Sikap Pengetua Dan Guru-Guru		6
Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)		6
Pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR)		8
Bantuan Kewangan		8
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)		10
Isu-isu lain dalam Pendidikan		12
2. LATIHAN HAK ASASI MANUSIA UNTUK AGENSI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG		13
(a) Jabatan Penjara		13
(b) Polis Diraja Malaysia		14
3. ISU-ISU YANG MELIBATKAN ORANG KURANG UPAYA		15
Warga Tua Kurang Upaya		15
Pekerjaan		17
Perkhidmatan Kesihatan		17
Pengangkutan Awam		18
2. II BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM		19
1. PELANCARAN LAPORAN TAHUNAN 2011		19
Pekerja Migran dan Pemerdagangan Orang		19
Hukuman Mati		19
2. JAWATANKUASA TETAP PEMILIH PARLIMEN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA (PSC)		20
3. FORUM KEBEBASAN MEDIA		21
4. HUBUNGAN MEDIA		22

## BAB 1

### LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

#### I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI

##### 1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

###### (a) Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM)

*Suruhanjaya dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meneruskan program ATHAM, yang dimulakan pada Jun 2009 untuk memupuk kesedaran dan amalan hak asasi manusia di 17 buah sekolah yang terlibat setakat ini. Suruhanjaya telah melawat sekolah-sekolah ini sebanyak dua kali untuk memantau perkembangan, serta memberi bimbingan dan nasihat mengenai pelaksanaan sekiranya perlu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu masih memerlukan perhatian*

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bersama pihak SUHAKAM melawat beberapa buah sekolah yang terlibat dengan program ATHAM dan telah memberi panduan dan bimbingan tentang bagaimana program ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh oleh pihak sekolah. KPM bersetuju dengan pihak SUHAKAM agar program ini diserap dan dikaitkan dengan semua aktiviti yang difikirkan sesuai oleh pihak sekolah serta satu latihan/bengkel diadakan kepada pentadbir sekolah-sekolah yang terlibat oleh SUHAKAM dan KPM pada bulan Ogos 2013.

Pertukaran pegawai di mana-mana bahagian berlaku dari semasa ke semasa. Namun, semua pihak yang dipertanggungjawabkan bagi program ATHAM ini telah diingatkan agar memberi kerjasama sepenuhnya dalam meneruskan kesinambungan program ini. KPM juga sentiasa bersedia untuk mengedarkan bahan-bahan program ATHAM yang disediakan oleh pihak SUHAKAM ke sekolah-sekolah yang terlibat.

Pemantauan telah dilakukan oleh KPM bersama SUHAKAM bagi membantu sekolah-sekolah yang terlibat dan telah memberi penerangan bahawa program ATHAM bukan satu beban tambahan pada guru dan pihak sekolah. KPM mendapati pihak pentadbir sekolah mula memahami dengan lebih jelas bahawa program ini tidak bertentangan dengan dasar dan peraturan KPM setelah beberapa siri bengkel dan pemantauan/bimbingan telah dijalankan oleh pihak SUHAKAM bersama KPM.

## (b) Hak Kepada Pendidikan

### Orang Asli

*Suruhanjaya telah melawat beberapa buah sekolah dan penempatan Orang Asli di Pahang, Perak, Selangor dan Johor. Meskipun terdapat beberapa perubahan positif dan perhatian terhadap kualiti pendidikan telah diberikan sejak kunjungan sebelumnya, beberapa isu yang dibangkitkan oleh Suruhanjaya pada tahun 2010 dan 2011 masih belum diselesaikan.*

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Konvensyen Kanak-Kanak (CRC) Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1/2013 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KPPM menyatakan bahawa salah satu fokus Jawatankuasa CRC 2013 ialah peluasan pelaksanaan Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di sekolah Orang Asli yang memfokuskan kepada pembangunan sahsiah. Elemen budaya Orang Asli yang sesuai boleh dimasukkan dalam pembentukan sahsiah sebagai satu pengiktirafan kepada masyarakat Orang Asli.

KPM bersama pihak SUHAKAM telah menyampaikan penerangan mengenai Program ATHAM kepada semua Guru Besar Sekolah Orang Asli di dalam Mesyuarat Penyelarasan BPSH bersama pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Guru Besar Sekolah Orang Asli pada 28 hingga 30 Mei 2013 di MH Hotel & Residences, Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan itu, satu Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Pelaksanaan Program ATHAM Di Sekolah Orang Asli telah diadakan oleh BPSH bersama SUHAKAM pada 3 hingga 5 Julai 2013 di Hotel Impian Morib, Banting, Selangor melibatkan 25 buah Sekolah Orang Asli. Setiap sekolah diminta mencalon seorang guru sebagai penyelaras program ATHAM di sekolah.

### Pengangkutan dan Akses Jalan Raya

*Agensi-agensi berkaitan telah cuba untuk memastikan langkah-langkah yang selamat dan selesa untuk menghantar kanak-kanak ke sekolah. Walau bagaimanapun, banyak akses jalan raya masih tidak dibaiki atau diselenggara. Pencerobohan oleh pembalak telah merosakkan keadaan jalan-jalan ini.*

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum akan kesukaran yang dialami. Melalui KPM, langkah telah diambil dengan menempatkan kanak-kanak Orang Asli di asrama sekolah bagi mempastikan keselamatan dan keselesaan mereka ke sekolah.

## Bekalan Air Bersih

*Beberapa buah sekolah dan asrama masih menggunakan air bukit sebagai sumber bekalan mereka, walaupun isu ini telah dibangkitkan dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2011 dan banyak surat telah dihantar ke KPM memaklumkan mengenai perkara ini.*

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pada masa ini, sebanyak 237 buah sekolah Luar Bandar Semenanjung Malaysia masih tidak mendapat akses bekalan air awam. Sungguhpun demikian, Kementerian telahpun dan sedang melaksanakan projek bekalan air bersih yang berpuncanya daripada air bawah tanah dan air bukit. Air mentah yang disalurkan ke tangki air sekolah akan melalui beberapa proses penyulingan seperti *carbon filter*, *micro filter* dan *UV filter* yang bertujuan untuk membasmikan bakteria dan mikroorganisma yang terdapat dalam air. Kini sebanyak 191 buah sekolah telah menikmati air bersih. Walau bagaimanapun, baki 46 buah sekolah lagi gagal disiapkan oleh kontraktor. Kementerian sedang mengambil langkah menamatkan kontrak dan melantik kontraktor penyiap.

## Kanak-Kanak Tidak Bersekolah

*Penempatan seperti Pos GOP, Pos Hau dan Pos Belatim di Gua Musang, Kelantan, hanya boleh diakses melalui laluan pembalakan. Perjalanan ini mengambil masa 5 hingga 6 jam menggunakan kenderaan pacuan empat roda. Setiap penempatan ini mempunyai kira-kira 300 hingga 400 orang penduduk, dan 35 hingga 40 daripadanya merupakan kanak-kanak berusia antara 6 dan 12 tahun. Jarak sekolah terdekat adalah kira-kira 5 hingga 6 jam melalui jalan raya. Oleh itu, kanak-kanak seawal usia enam tahun terpaksa tinggal di asrama jika mereka ingin menghadiri sekolah. Penafian hak kanak-kanak tersebut untuk tinggal dengan ibubapa mereka adalah bertentangan dengan Artikel 9 Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC), yang menyatakan: ‘Kanak-kanak mempunyai hak untuk tinggal dengan ibubapa mereka melainkan ia dianggap tidak sesuai untuk kemaslahatan kanak-kanak tersebut’.*

*Kebanyakan kanak-kanak tidak pergi ke sekolah walaupun ada antaranya yang telah didaftarkan. Di satu penempatan, Suruhanjaya mendapati kira-kira 35 orang kanak-kanak tidak lagi belajar di sekolah rendah kerana ibubapa mereka tidak sanggup berpisah dengan anak-anak mereka. Kanak-kanak ini sendiri tidak berminat untuk bersekolah. Kebanyakan ibubapa lebih memilih supaya pihak Kerajaan menyediakan sekolah Tahap 1 (Tahun 1-3) didirikan di dalam atau berhampiran penempatan mereka, supaya mereka boleh menjaga anak-anak mereka di rumah. Didapati kira-kira 20 buah penempatan memerlukan sekolah. Sekolah di Pos Gop dan Pos Hau yang diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli telah ditutup apabila KPM mengambil alih tanggungjawab untuk pendidikan masyarakat Orang Asli pada tahun 1996.*

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah menyediakan asrama bagi murid-murid Orang Asli yang tinggal jauh dari sekolah. Murid-murid dari penempatan Orang Asli di Pos Gob, Pos Hau, Pos Belatim, Gua

Musang merupakan *feeder* SK Bihai, SK Tohoi, SK Sri Permai, SK Blau, dan SK Kuala Betis di Gua Musang. Kebanyakan murid-murid dari kawasan penempatan ini bersekolah di sekolah-sekolah di atas dan tinggal di asrama. Walau bagaimanapun, ibubapa murid-murid tidak sanggup berpisah dengan anak-anak mereka yang tinggal di asrama terutama yang berada di Tahap Satu. Walau pun disebut dalam Artikel 9, CRC berkaitan penafian hak kanak-kanak, namun antara kaedah terbaik ialah dengan menempatkan mereka di asrama agar membolehkan mereka hadir ke sekolah bagi mengurangkan kadar keciciran kerana kesukaran jalan pengangkutan dan jarak yang jauh.

Bagi mengatasi isu kanak-kanak yang sebelumnya bersekolah kini tidak bersekolah, KPM sedang merangka untuk melaksanakan program Sekolah Cawangan seperti yang dipraktikkan di Perkampungan Orang Asli Sungai Kejar, Hulu Perak yang merupakan Sekolah Cawangan bagi SK Sungai Tiang, Gerik, Perak. Pelaksanaan program ini memerlukan pertimbangan yang sewajarnya kerana melibatkan aspek logistik, penyediaan tempat untuk belajar, pergerakan dan pengangkutan guru, serta aspek kebijakan guru dan murid.

Pihak JPN dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telah dimaklumkan agar melaksanakan pemantauan secara lebih kerap ke Sekolah Orang Asli dan sekolah-sekolah yang mempunyai murid Orang Asli bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar, dan aspek kebijakan murid diberikan perhatian yang sewajarnya. Di dalam Teras Pertama Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli, pemantapan tadbir urus di peringkat JPN, PPD, dan sekolah diberikan tumpuan yang utama.

### **Sikap Pengetua Dan Guru-Guru**

*Suruhanjaya telah menerima aduan tentang sikap kakitangan, terutama di kawasan pedalaman. Guru sering lewat ke sekolah atau ke kelas, atau terus tidak hadir; ada antaranya meninggalkan sekolah seawal jam 9 pagi pada hari Jumaat untuk cuti hujung minggu, meninggalkan kanak-kanak dalam jagaan pengawal sekolah; dan antara mereka didakwa telah menggunakan bahasa kesat bertujuan mendisiplinkan kanak-kanak. Ibubapa juga telah mengadu bahawa kanak-kanak Tahun 4 hingga 6 tidak boleh membaca dan menulis walaupun mereka menghadiri sekolah setiap hari.*

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Di dalam Mesyuarat Penyelarasan antara KPM bersama pihak JPN dan Guru Besar Sekolah Orang Asli pada 28 hingga 30 Mei 2013 di MH Hotel & Residences, Kuala Lumpur, KPM telah memaklum dan mengingatkan kepada semua Guru Besar agar mengambil tindakan yang proaktif di dalam urusan pentadbiran dan pengurusan pendidikan di sekolah bagi mengelakkan kes-kes yang melibatkan sikap kurang bertanggungjawab pentadbir dan guru-guru tidak berulang.

### **Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)**

*Ibubapa membuat aduan kepada Suruhanjaya mengenai pentadbiran bantuan kewangan*

*yang bertujuan untuk membantu pelajar yang memerlukan. Ada yang mendakwa mereka hanya menerima wang pada bulan Jun atau Julai. Dalam kes lain, wang KWAPM tidak diagihkan untuk sekolah yang layak menerima bantuan. Selain itu, pentadbir sekolah dikatakan telah membuat potongan wang untuk membayar lawatan sekolah dan yuran kelas tambahan.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Pembayaran bagi bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) adalah menggunakan senarai nama murid daripada 3 sumber/sistem data yang berlainan, iaitu sistem eKASIH daripada Unit Penyelarasian Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), sistem eDAMAK daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan senarai nama daripada Data Sedia Ada (DSA) (permohonan di peringkat sekolah).

Pembayaran bantuan dilakukan secara berfasa mengikut sumber data serta takwim pembayaran yang telah ditetapkan oleh Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pembayaran bantuan KWAPM dimulai dengan penerima di bawah data eKASIH, diikuti oleh data DSA dan seterusnya eDAMAK.

Semua peruntukan wang bantuan KWAPM adalah disalurkan terus ke akaun Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) bagi sekolah yang mempunyai akaun bank atau ke Akaun Khas di PPD bagi sekolah yang tidak mempunyai akaun bank (Sabah dan Sarawak). Bahagian Kewangan akan menghantar surat makluman berserta senarai nama penerima kepada JPN untuk dipanjangkan kepada PPD/Sekolah dan pihak PPD/Sekolah perlulah menyemak dengan bank sama ada peruntukan telah dimasukkan berdasarkan surat makluman tersebut.

Urusan pentadbiran bantuan KWAPM adalah dilaksanakan oleh Cawangan Bantuan, Bahagian Kewangan terus kepada JPN masing-masing. Pihak KPM telah menyediakan Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bilangan 5/2012 berkaitan Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin yang jelas menyatakan prosedur bagi pengurusan wang KWAPM kepada pentadbir sekolah. Pihak sekolah diminta menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah yang keahliannya terdiri daripada pentadbir sekolah, wakil PIBG, ketua kampung atau ketua masyarakat. Fungsi utama jawatankuasa ini ialah memastikan kelayakan murid penerima KWAPM, memastikan pembayaran KWAPM mengikut tatacara prosedur kewangan dan menetapkan cara pembayaran wang KWAPM sama ada secara tunai, cek atau pemberian dalam bentuk barang. Sebarang ketidakakuruan terhadap prosedur kewangan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 694.

Bagi dakwaan bantuan hanya diterima pada bulan Jun atau Julai, kelewatan pembayaran tersebut mungkin disebabkan oleh bayaran yang diagihkan kepada senarai nama permohonan data DSA/eDAMAK (Pelarasian) iaitu senarai nama pelajar yang tercicir disebabkan maklumat tidak lengkap atau permohonan lewat diterima.

Berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.5 Tahun 2012 – Bantuan KWAPM (para 13.8) jelas menyatakan bahawa “**Tiada sebarang potongan amaun yang dibenarkan daripada bantuan KWAPM**”. Oleh yang demikian, pentadbir sekolah perlulah mematuhi garis panduan dan SPK berkenaan tatacara perakaunan dan pembayaran wang bantuan

KWAPM. Sekiranya terdapat potongan amaun/tindakan yang tidak mematuhi tatacara, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pihak yang terlibat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694].

Semua bentuk bantuan terus tidak boleh dipotong dan ibubapa mesti menggunakan wang yang diberikan untuk bayaran pembelajaran anak-anak mereka. Sekiranya pihak SUHAKAM boleh memberikan senarai sekolah yang terlibat dalam kes-kes tersebut maka KPM akan menyiasat dengan lebih terperinci.

### **Pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR)**

*Lebih daripada 90 peratus sekolah-sekolah yang dilawati di Pahang dan Selangor menghadapi masalah berhubung pendaftaran. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah yang telah dilawati di Perak telah didaftarkan, memandangkan kerajaan negeri telah memulakan pendekatan ‘mesra-SAR’ pada tahun 2008.*

*Sekolah-sekolah tersebut mempunyai pilihan untuk mendaftar sama ada dengan KPM atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Meskipun kebanyakan sekolah telah mengemukakan permohonan, mereka masih belum menerima kelulusan. Ada di antaranya telah beroperasi menggunakan pendaftaran sementara bagi tempoh tiga tahun yang lalu atau sebelumnya. Tanpa pendaftaran, sekolah menghadapi risiko tindakan undang-undang serta tidak layak untuk mendapatkan bantuan kewangan, infrastruktur dan perkhidmatan guru terlatih.*

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Berdasarkan Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Negeri-negeri (EPSAI), mana-mana sekolah agama yang tidak termasuk sekolah-sekolah di bawah KPM hendaklah berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri. Menyedari bahawa sekolah menghadapi risiko sekiranya pendaftaran sekolah tidak disempurnakan dengan baik, maka bagi sekolah yang berdaftar dengan KPM sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), urusan perjawatan, gaji dan bantuan diselesaikan dalam tempoh 90 hari selepas MoU ditandatangani antara KPM dengan Lembaga Pengurus Sekolah (LPS). KPM tidak mengamalkan pendaftaran sementara atau bertempoh kepada sekolah-sekolah agama yang berdaftar dengan KPM.

### **Bantuan Kewangan**

*Semua sekolah yang dilawati telah menerima bantuan kewangan daripada KPM pada tahun 2011. Namun, sehingga bulan Oktober dalam tahun diteliti, sekolah-sekolah tersebut masih belum menerima sebarang bantuan kewangan. Geran peruntukan ini adalah untuk kemudahan pengurusan, prasarana, latihan kepada guru dan perpustakaan. Suruhanjaya telah dimaklumkan berkeraan arahan untuk menyerahkan geran peruntukan bagi latihan kepada guru, kepada Jabatan Pelajaran Negeri untuk diuruskan. Sesetengah sekolah tidak bersetuju dengan pelaksanaan ini, kerana berpendapat mereka sendiri yang lebih sesuai untuk menentukan jenis latihan yang diperlukan. Di Perak, Jabatan Pelajaran menentukan semua keperluan bagi latihan kepada guru tanpa berunding dengan sekolah.*

*Untuk menanggung perbelanjaan mengurus, sekolah-sekolah bergantung kepada yuran yang dibayar oleh pelajar dan derma. Beberapa buah sekolah - seperti Pusat Tahfiz Amal di Yan, Kedah telah menggunakan pelajar untuk meminta derma daripada orang awam. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa pembayaran gaji guru juga bergantung kepada kedudukan kewangan sekolah.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Bagi sekolah-sekolah agama yang tidak berdaftar dengan KPM, bantuan persekolahan, pembangunan dan perolehan adalah diuruskan oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas sekolah berkenaan. Begitu juga dengan perkhidmatan, perjawatan, latihan guru, kurikulum dan kokurikulum semuanya adalah di bawah kawalan dan perancangan pihak yang bertanggungjawab ke atas sekolah-sekolah agama tersebut. Walau bagaimanapun, KPM sentiasa bersedia untuk membantu sekolah-sekolah agama sekiranya dipohon, khususnya bantuan kepakaran dan penasihat.

KPM tidak mempunyai punca kuasa untuk memberikan bantuan secara tetap kepada sekolah-sekolah di luar KPM. Bantuan kewangan sebagai bantuan sumbangan secara 'one-off' yang diberikan kepada sekolah-sekolah agama adalah berdasarkan kepada bajet yang diumumkan setiap tahun selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 52 Akta Pelajaran 1996 [Akta 550].

Bagi sekolah-sekolah agama di bawah KPM, bantuan persekolahan, bantuan pembangunan dan perolehan dirancang, diurus dan dipantau dengan baik mengikut peraturan dan prosedur yang ada. KPM mencadangkan supaya pihak SUHAKAM membentangkan dapatan kepada pihak yang bertanggungjawab ke atas sekolah-sekolah berkenaan. KPM juga mencadangkan supaya pihak SUHAKAM membantu KPM dalam menggalakkan pihak berkuasa agama negeri dan LPS supaya mendaftarkan sekolah-sekolah sebagai SABK supaya bantuan yang lebih terancang dapat diberikan kepada sekolah-sekolah agama.

Kerajaan telah menyalurkan 9 jenis peruntukan bantuan asas persekolahan bagi sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan di bawah KPM pada setiap awal tahun semasa berdasarkan bilangan enrolmen murid pada 1 Oktober tahun sebelumnya. 9 jenis bantuan asas ini ialah seperti yang berikut:

- (i) Bantuan Geran Per Kapita;
- (ii) Yuran Khas Sekolah;
- (iii) Bantuan Kokurikulum Sekolah;
- (iv) Bantuan Kokurikulum Pra-Sekolah;
- (v) Bantuan Kokurikulum Asrama;
- (vi) Bantuan Sukan Sekolah;
- (vii) Bantuan Makanan Pra-Sekolah;
- (viii) Bantuan Makanan Asrama; dan
- (ix) Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan.

Bantuan-bantuan ini disalurkan kepada sekolah bagi pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran murid. Bagi sekolah-sekolah agama yang bukan di bawah KPM, sekolah

tersebut hendaklah berdaftar dengan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) sebagai SABK. Bantuan asas persekolahan akan disalurkan ke sekolah tersebut selepas pendaftaran dilakukan dan permohonan peruntukan bantuan persekolahan diterima daripada pihak BPI.

### **Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)**

#### **Pemerhatian Suruhanjaya**

- (i) *Kebanyakan sekolah kekurangan kerusi, meja, komputer, telefon dan akses kepada Internet.*
- (ii) *Terdapat sebuah sekolah telah ditempatkan di sebuah kilang getah yang terbiar, manakala sekolah lain mengalami kekurangan bekalan air.*
- (iii) *Kebanyakan sekolah ini menggunakan meja dan kerusi yang diperolehi dari sekolah bantuan kerajaan atau melalui derma daripada NGO atau individu.*
- (iv) *Pengangkutan ke sekolah merupakan satu isu penting memandangkan tiada perkhidmatan bas dari estet. Terdapat satu estet yang mana pihak pengurusannya menyediakan pengangkutan untuk kanak-kanak.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah dan lokasi. Agenda utama Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah untuk:

- (i) membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh;
- (ii) merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; dan
- (iii) memperbaiki sekolah daif serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

Kerajaan juga memandang serius akan keperluan prasarana serta kebajikan murid dan guru sekolah dalam merealisasikan dasar hak pendidikan untuk semua. Sehubungan dengan itu, KPM pada setiap tahun melalui Jawatankuasa *Task Force Persediaan Penggal Persekolahan* telah membuat pemantauan ke semua sekolah bagi memastikan peralatan dan kelengkapan persekolahan lengkap sebagai persediaan menghadapi sesi persekolahan. Semua murid dipastikan mempunyai meja, kerusi dan 1 set buku teks.

JPN dan PPD telah diarahkan untuk mengenal pasti segala isu dan masalah yang memerlukan tindakan penyelesaian segera dan melapkannya dalam Mesyuarat Penyelaras Penpersediaan Penggal Persekolahan yang diadakan secara mingguan serta kepada YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan. Keperluan perabot (kerusi, meja dan buku teks) merupakan salah satu *touch point* KPM yang diberi perhatian

utama. Kerajaan juga sentiasa berusaha menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi membiayai pembinaan dan menaik taraf semua sekolah di seluruh Negara sama ada di kawasan bandar maupun di luar bandar tanpa meminggirkan kawasan estet.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan semasa dan pemberian bantuan kewangan tersebut adalah tertakluk kepada keperluan sekolah melalui permohonan yang dikemukakan. Keutamaan adalah kepada perkara yang melibatkan keselamatan dan keselesaan kepada pengajaran dan pembelajaran. Selain peruntukan daripada KPM, sekolah-sekolah bantuan turut menerima peruntukan daripada pelbagai sumber lain seperti melalui Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Perdana Menteri dan pelbagai agensi bukan kerajaan.

Jika dilihat dari aspek peruntukan ini, di bawah RMK9, sebanyak RM999.2juta telah dibelanjakan untuk menaik taraf sekolah-sekolah di seluruh negara. Di bawah RMK10 sehingga kini, peruntukan sebanyak RM515.1juta bagi menaik taraf sekolah-sekolah di seluruh negara telah disalurkan. Selain daripada itu, sebanyak RM900juta telah diluluskan dalam Pakej Ransangan Khas (PRK) 2012 untuk menaik taraf sekolah-sekolah usang yang perlu dibaiki. Kerosakan fizikal yang dikenal pasti melibatkan kerosakan struktur dan bukan struktur. Lawatan pemeriksaan fizikal terhadap bangunan rosak teruk telah pun dimulakan sejak tahun 2011 melibatkan blok sekolah, asrama, rumah guru dan kawasan sekolah. Langkah untuk membaik pulih akan dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan peruntukan yang ada.

Sebanyak RM100juta telah diperuntukkan kepada SJKT seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012. Secara keseluruhan sebanyak 224 buah SJKT telah mendapat manfaat melalui Pakej Ransangan Khas (PRK) 2012. Pelaksanaan projek pembinaan SJKT melibatkan 2 skop kerja iaitu Ubah Suai Naik Taraf (USNT) untuk 184 buah sekolah serta pembinaan blok tambahan dan blok bangunan baru untuk 40 buah sekolah. ICU, JPM diberi tanggungjawab untuk menyenaraikan kontraktor pelaksana.

Projek SJKT dilaksanakan melalui 3 kaedah iaitu:

- (i) Tender bagi nilai kerja melebihi RM500,000;
- (ii) Sebut Harga bagi nilai kerja RM100,000 ke RM500,000; dan
- (iii) Rekuisisi bagi nilai kerja di bawah RM100,000.

Kerajaan amat berharap agar pihak SUHAKAM dapat memberikan nama serta lokasi sebenar sekolah yang ditempatkan di sebuah kilang getah terbiar bagi membolehkan siasatan terhadap status sekolah berkenaan dan pemantauan oleh KPM. Secara dasarnya, Kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya mengambil tanah tapak sekolah yang bukan kepunyaan Kerajaan. Banyak aspek lain diberikan perhatian terhadap dasar mengambil alih sekolah seperti persetujuan semua ibubapa, Lembaga Pengelola Sekolah dan PIBG, proses pengambilalihan tanah, penyediaan tapak, pemilihan lokasi yang sesuai serta kos pembinaan infrastruktur. Perkara yang lebih utama adalah kemampuan kewangan Kerajaan untuk melaksanakan semua perkara tersebut.

Kerajaan amat menggalakkan kerjasama pihak PIBG, Lembaga Pengelola Sekolah, JKR dan lain-lain agensi serta komuniti dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan murid dari rumah ke sekolah kerana tidak ekonomikal sekiranya pihak KPM terpaksa menyediakan kemudahan bas serta pemandu di setiap estet memandangkan enrolmen murid di kawasan estet adalah tidak ramai. Sehubungan dengan itu, Anjakan ke-9 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 iaitu Kerjasama Ibubapa, Komuniti dan Sektor Swasta Secara Meluas merupakan inisiatif yang terpenting dalam agenda Transformasi Pendidikan Negara.

### **Isu-isu lain dalam Pendidikan**

*Suruhanjaya pernah memajukan isu kepada perhatian KPM mengenai keperluan untuk memasukkan pendidikan hak asasi manusia dalam sistem persekolahan, memandangkan tahap kesedaran masih sangat rendah ataupun langsung tiada.*

*Suruhanjaya berharap agar dapat bekerjasama dengan KPM untuk mengintegrasikan hak asasi manusia dalam kurikulum, bagi membolehkan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar. Pada 12 September, Yayasan Guru Malaysia Bhd. dan Majlis Pemuafakatan Persatuan Ibubapa dan Guru Putrajaya telah menerbitkan panduan bagi mengesan ‘simptom-simptom homoseksualiti’ di kalangan pelajar. KPM sejak awal memaklumkan mereka tidak menyokong garis panduan tersebut. Namun, Suruhanjaya bimbang beberapa buah sekolah akan menerima pakai garis panduan tersebut, yang mana mampu menjerumus kepada diskriminasi terhadap kanak-kanak yang dilihat sebagai gay atau lesbian. Berdasarkan CRC, negara-negara ahli mempunyai tanggungjawab untuk menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi. Garis panduan sedemikian mampu melanggar kebebasan asasi kanak-kanak seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 2 CRC.*

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Terdapat 26 siri Seminar Keibubapaan yang telah dianjurkan oleh Yayasan Guru Malaysia Bhd. bagi mengesan simptom-simptom awal homoseksual di kalangan pelajar. Seminar tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada guru-guru dan ibubapa dalam membimbing anak-anak mereka. Bahan cetakan tersebut hanya diberikan kepada individu yang hadir ke seminar berkenaan dan tidak dijadikan garis panduan kepada guru-guru di sekolah.

## 2. LATIHAN HAK ASASI MANUSIA UNTUK AGENSI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG

*Suruhanjaya percaya bahawa semua pihak yang bertanggungjawab terutamanya kerajaan dan agensi penguatkuasa undang-undang perlu meningkatkan lagi usaha untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Walaupun Suruhanjaya berpuas hati dengan kemajuan dan kerjasama oleh agensi yang terlibat setakat ini, perhatian juga diberikan terhadap kemajuan pendidikan mengenai hak asasi manusia di agensi lain. Pada tahun sebelum ini, agensi seperti Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia telah menjemput Suruhanjaya untuk mengendalikan latihan bagi kakitangan mereka. Namun, sejak agensi-agensi ini memendekkan tempoh masa program latihan daripada tujuh hari kepada lima hari, Suruhanjaya tidak lagi terlibat dalam sesi tersebut.*

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) telah ditubuhkan melalui Akta (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1964-Peraturan-Peraturan Perlu (Ikatan Relawan Rakyat) (Pindaan) 2005 yang telah termansuh pada 2011 bersama dengan Ordinan Darurat. RELA bukan sebuah agensi penguatkuasa. Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 [Akta 752] yang berkuat kuasa pada 22 Jun 2012 memperuntukkan bahawa RELA hanya membantu agensi penguatkuasa lain jika diperlukan.

Merujuk Seksyen 5(1)(a) Akta 752, peranan RELA sekarang lebih kepada membantu pihak berkuasa dalam menjalankan tugas apabila diminta dan tidak lagi terlibat secara langsung dalam menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63. RELA tidak lagi menjalankan penguatkuasaan secara bersendirian. Kuasa RELA untuk menahan, menangkap, memasuki premis dan menggari telah digugurkan. Justeru itu, tugas utama RELA sekarang adalah berpaksi kepada 5K1P (keselamatan, keamanan, kesejahteraan, keharmonian, kesatuan dan perpaduan) yang lebih menjurus kepada tugas-tugas kemasyarakatan seperti gotong royong, membantu dalam bencana alam, menggerakkan gelombang kesukarelawan dan khidmat komuniti. Oleh yang demikian, tiada lagi keperluan mendesak bagi pihak SUHAKAM meneruskan latihan untuk pegawai dan anggota RELA.

#### (a) Jabatan Penjara

*Suruhanjaya dengan kerjasama Jabatan Penjara sedang merangka kurikulum hak asasi manusia yang tetap bagi pegawai-pegawai yang melibatkan semua pangkat. Ianya sedang dimuktamadkan, dan disyorkan dilaksanakan pada suku pertama 2013. Jabatan Penjara akan melaksanakannya melalui pusat latihan mereka.*

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kurikulum hak asasi manusia yang dimuktamadkan telah digunakan semasa kursus asas pegawai penjara pada 18 Ogos 2013 melibatkan 48 orang Inspektor Penjara dan seterusnya kepada 260 orang anggota lain pada September 2013. Kursus ini akan diteruskan melalui pusat latihan pegawai penjara yang mengendalikan kursus asas bagi pegawai yang baru dilantik atau dinaikkan pangkat.

### (b) Polis Diraja Malaysia

Pendedahan dan pendidikan mengenai hak asasi manusia untuk anggota polis masih menjadi fokus utama terutamanya sejak dakwaan mengenai pelanggaran hak asasi manusia ketika kejadian seperti perhimpunan awam Bersih 2.0 dan 3.0. Menyedari keberkesanan untuk memupuk kesedaran di peringkat permulaan kerjaya profesional mereka, Kumpulan Pendidikan dan Perhubungan Awam (EPRG) telah menganjurkan tujuh sesi latihan bagi rekrut baru di Pusat Latihan Polis, termasuk di Kota Kinabalu dan Kuching. Latihan ini mengambil kira isu-isu yang dibangkitkan melalui aduan kepada Suruhanjaya terhadap pihak polis. Meskipun kebanyakan rekrut baru kurang pengetahuan mengenai hak asasi manusia, ada dalam kalangan mereka menunjukkan yang mereka mempunyai pengetahuan yang luas dan bersemangat untuk mengambil bahagian dalam latihan. Suruhanjaya berharap latihan tersebut akan menjadi pemangkin kepada rekrut polis untuk meningkatkan minat dalam hak asasi manusia dan menegakkan maruah pasukan polis sebagai agensi penguatkuasa undang-undang yang utama.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Bahagian Latihan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan arahan kepada semua Pusat Latihan Polis yang menjalankan latihan asas kepolisan bagi semua pangkat untuk memberi pendedahan mengenai hak asasi manusia kepada semua pelatih. Slot ceramah ini dimasukkan dalam modul latihan dan penceramah yang dijemput sama ada dari SUHAKAM ataupun pensyarah dari universiti tempatan.

Modul latihan asas kepolisan juga merangkumi syarahan mengenai integriti, kaunseling, pengendalian mangsa, saksi-saksi yang berurusan dengan pihak polis, pendedahan kepada undang-undang yang sedang berkuat kuasa serta peraturan semasa dan terkini. Di samping itu, semua kursus/LDP yang dianjurkan sama ada di dalam atau luar negara yang ada hubung kait dengan undang-undang akan menyentuh mengenai hak asasi manusia.

Berikut merupakan jadual slot ceramah hak asasi manusia yang telah dijalankan bagi tahun 2012:

BIL	PULAPOL	TARIKH
1	MUAR	7/9/2012
2	KOTA KINABALU	29 - 30/9/2012
3	KUCHING	2/10/2012
4	LANGKAWI	28 - 31/10/2012
5	PUSASDA	3/11/2012
6	KUALA LUMPUR	7/11/2012
7	AIR HITAM	12/11/2012

### 3. ISU-ISU YANG MELIBATKAN ORANG KURANG UPAYA

*Setelah meratifikasi Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) pada 6 Julai 2012, Kerajaan dipertanggungjawabkan untuk menaik taraf dasar dan undang-undang bagi menjadikan persekitaran awam yang mesra OKU. Isu-isu berkaitan telah dibangkitkan oleh Gerakan Bersama Kebangkitan OKU 2012 dalam memorandum yang dikemukakan kepada Suruhanjaya, yang bertujuan untuk menarik perhatian sektor awam dan swasta untuk memenuhi keperluan khusus Orang Kurang Upaya (OKU).*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sememangnya mengambil kira keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) semasa merancang sesebuah fasiliti kesihatan seperti ruang tandas. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa meneliti keperluan OKU dan memasukkannya dalam garis panduan merancang sesebuah fasiliti kesihatan pada masa akan datang.

Dasar 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 tidak mengehadkan kuota hanya 1% OKU boleh berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Sebaliknya, dasar tersebut menjelaskan bahawa setiap agensi hendaklah memastikan pengambilan OKU dibuat sekurang-kurangnya 1% daripada jumlah pegawai dalam agensi tersebut dan diperluas meliputi pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa.

Dasar pelantikan calon ke dalam perkhidmatan awam adalah mengikut syarat-syarat skim perkhidmatan dan kaedah tapisan calon yang sesuai. Walau bagaimanapun, bagi calon OKU, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) memberi beberapa kelonggaran seperti tahap Purata Nilai Gred Kumulatif (*Cumulative Grade Point Average – CGPA*) dan pengecualian daripada menduduki peperiksaan khas bagi calon yang cacat penglihatan.

Berdasarkan urusan pengambilan yang telah dijalankan, didapati jumlah calon OKU yang dipanggil temu duga adalah rendah berbanding jumlah permohonan. Ini adalah disebabkan terdapat calon OKU yang tidak memenuhi syarat skim perkhidmatan. Tidak semua calon OKU yang hadir temu duga dilantik kerana ada calon yang kurang sesuai mengikut keperluan sesuatu jawatan yang ditemu duga. Bagi jawatan-jawatan kelayakan di peringkat PMR dan ke bawah, SPA telah mewakilkan kuasa pelantikan kepada Ketua Jabatan yang berkenaan. Dalam hal ini, SPA sentiasa meminta agar Kementerian/Jabatan mematuhi pelaksanaan Dasar 1% Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya.

#### **Warga Tua Kurang Upaya**

*Dengan peningkatan jumlah rakyat Malaysia yang dapat hidup sehingga usia tua, mereka lebih memerlukan bantuan untuk meneruskan rutin harian. Permintaan juga meningkat bagi rawatan perubatan dan rumah jagaan, sementara keluarga dibebani dengan kos yang tinggi untuk ahli keluarga yang sudah tua.*

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap kesihatan dan kebajikan warga emas, perkhidmatan kesihatan untuk warga emas telah pun disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di seluruh negara. Klinik-klinik kesihatan Kerajaan menyediakan perkhidmatan yang merangkumi pendidikan dan promosi kesihatan, pengesanan awal penyakit melalui saringan dan penilaian tahap kesihatan, pemeriksaan perubatan, kaunseling, khidmat rawatan serta rujukan juga perkhidmatan rehabilitasi iaitu fisioterapi dan terapi cara kerja (*occupational therapy*).

Bagi meringankan bebanan kewangan warga emas terutamanya dalam aspek penjagaan kesihatan, Kerajaan telah memutuskan untuk memberi rawatan percuma kepada semua warga emas yang menerima rawatan sebagai pesakit luar di klinik Kerajaan dan caj maksima RM250 bagi warga emas yang mendapat rawatan di wad kelas 3 hospital Kerajaan.

Dalam pada itu, melalui inisiatif *National Blue-Ocean Strategy 7 (NBOS 7): 1Malaysia Family Care*, KKM telah melaksanakan perkhidmatan saringan kesihatan, rawatan dan rujukan untuk warga emas yang menginap di institusi jagaan serta yang terlantar di rumah. Latihan juga diberikan kepada penjaga dalam usaha Kementerian untuk memperkasakan komuniti dalam penjagaan kesihatan.

Selain daripada itu, Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan skim Bantuan Orang Tua (BOT) sebanyak RM300 sebulan kepada warga emas yang memerlukan dan berkelayakan. BOT merupakan skim bantuan kebajikan yang terbesar pada tahun 2012, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM519.2juta bagi membantu sejumlah 152,138 kes di seluruh negara. Ini merupakan 35.3% daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan masyarakat pada tahun 2012. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan skim Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) sebanyak RM300 sebulan kepada penjaga sepenuh masa yang merupakan ahli keluarga kepada pesakit kronik terlantar seperti warga emas dan OKU. Pada tahun 2012, seramai 29,445 orang telah menerima BPT yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM102juta.

Sebanyak 22 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah ditubuhkan menerusi kerjasama strategik dengan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memberi manfaat kepada sejumlah 20,040 orang warga emas di seluruh negara. Pusat ini menyediakan kemudahan kepada warga emas termasuk yang tinggal bersendirian dan kesunyian untuk menjalani aktiviti sosial dan riadah bersama rakan sebaya dan ahli masyarakat.

Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) juga diwujudkan bagi memberi kemudahan pengangkutan kepada warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik kesihatan. Hingga Disember 2012, seramai 3,405 orang warga emas telah menggunakan perkhidmatan ini.

Di samping itu, JKM telah mewujudkan Perkhidmatan Bantu di Rumah atau *Home Help Services* yang bercorak *outreach* kepada warga emas dan OKU. Para sukarelawan membantu atau menemani warga emas dan OKU menjalani kehidupan sehari-hari mereka seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal; menemani warga emas dan OKU

membeli belah dan membayar bil; membawa mereka ke hospital; menatarias (groom) warga emas dan OKU seperti membersihkan diri, menyikat/mendandanan rambut, memotong kuku dan sebagainya di samping sebagai sahabat kepada warga emas dan OKU tersebut. Setakat bulan Mei 2013, seramai 451 orang sukarelawan terlibat dengan perkhidmatan *Home Help* di seluruh negara manakala seramai 1,769 orang warga emas dan OKU telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini.

Pada 2011, pelepasan sedia ada cukai sebanyak RM5,000 bagi perbelanjaan perubatan ibu bapa diperluaskan untuk meliputi perbelanjaan penjagaan ibu bapa.

### **Pekerjaan**

*Dasar sedia ada kerajaan untuk mengambil sekurang-kurangnya satu peratus daripada OKU dalam pekerjaan telah dinafikan berdasarkan cabaran dalam pelaksanaan. Kebanyakannya tidak mempunyai akses kepada persekolahan pada peringkat awal. Kebanyakannya gagal memenuhi syarat asas untuk menyediakan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mendapatkan pekerjaan, meskipun ada antara mereka yang merupakan pemegang diploma dan ijazah. Oleh itu, ramai OKU terpaksa memilih pekerjaan yang bergaji rendah, iaitu sebagai tukang urut dan operator telefon*

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Berhubung aspek pekerjaan khususnya dalam perkhidmatan awam, KPWKM sering mengadakan sesi konsultasi dengan kementerian/agensi kerajaan berhubung langkah yang perlu diambil bagi mencapai kuota 1% OKU seperti yang ditetapkan dalam Dasar 1% Peluang Pekerjaan Kepada OKU di Sektor Awam (“Dasar 1%”) seperti yang telah diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008. Untuk langkah jangka masa pendek, Jabatan Pembangunan OKU, JKM kini bertindak sebagai *clearing house* calon-calon OKU yang berkelayakan dan berminat untuk bekerja di sektor awam. Di samping itu, KPWKM juga sedang membuat semakan semula ke atas pelaksanaan Dasar 1% tersebut bagi memastikan sasaran yang ditetapkan tercapai.

### **Perkhidmatan Kesihatan**

*Akses dan kemudahan perkhidmatan kesihatan yang mencukupi adalah perkara utama yang diberi perhatian. Memandangkan mereka kurang diambil bekerja, mereka tidak dapat menikmati faedah kesihatan yang biasanya ditawarkan dengan pekerjaan.*

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Bagi membolehkan golongan OKU menikmati kemudahan dan mendapatkan perkhidmatan di fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah KKM, mereka perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan memperolehi kad OKU yang memperakukan diri mereka sebagai OKU. Terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan dan antaranya ialah:

- (i) pengecualian bayaran rawatan hospital/klinik sebagai pesakit luar dan pesakit dalam wad kelas 3 (termasuk kos ubat-ubatan, rawatan pakar dan sebagainya);
- (ii) pemberian peralatan perubatan implan/prostesis secara percuma kepada semua OKU yang berdaftar dengan JKM dan pesakit kelas tiga yang dimasukkan ke hospital-hospital di bawah KKM;
- (iii) bantuan kewangan bagi mendapatkan peralatan perubatan seperti prostesis, ortosis dan sebagainya sama ada melalui hospital (Jabatan Perubatan Rehabilitasi, Jabatan Kerja Sosial Perubatan dan lain-lain) ataupun melalui Tabung Bantuan Perubatan;
- (iv) kemudahan pendaftaran di hospital/klinik tertentu melalui laluan keutamaan atau laluan hijau (green lane);
- (v) kemudahan-kemudahan yang mesra OKU yang disediakan di fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah KKM seperti kerusi roda, tanjakan (ramp), tandas mesra OKU dan lain-lain;
- (vi) penstrukturran semula Jabatan Perubatan Rehabilitasi bagi mempertingkatkan perkhidmatan yang diberikan khususnya kepada golongan OKU. Terdapat juga beberapa buah hospital yang mempunyai wad/katil khusus bagi disiplin ini seperti Hospital Serdang, Hospital Klang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Kota Bharu, Hospital Seremban, Hospital Ipoh dan Hospital Umum Sarawak bagi memberikan rawatan yang diperlukan oleh golongan OKU;
- (vii) perkhidmatan *Home Based Nursing* juga disediakan oleh beberapa hospital yang mempunyai kepakaran ini bagi meneruskan kesinambungan rawatan yang diberikan setelah mereka di discaj dari hospital serta dapat meringankan bebanan dan memberikan pengetahuan kepada ahli keluarga lain yang bertanggungjawab menjaga pesakit di rumah; dan
- (viii) penubuhan Hospital Rehabilitasi Cheras yang akan berfungsi sebagai pusat rujukan kebangsaan dan pusat kecemerlangan (Centre of Excellence) untuk Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi.

## Pengangkutan Awam

*Kesukaran harian untuk menggunakan pengangkutan awam di Malaysia amat membebangkan OKU. Sebagai contoh, tidak semua terminal atau perhentian bas/teksi dilengkapi dengan papan tanda Braille, manakala laluan pejalan kaki dan laluan akses tidak mesra kerusi roda. OKU yang memiliki kereta mendapati adalah sukar untuk mendapatkan ruang letak kereta, kerana kebanyakan parkir yang dikhaskan untuk mereka disalah guna oleh individu normal.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Keperluan OKU adalah sebahagian penemuan kajian terhadap terminal pengangkutan awam darat. Kerjasama dari jabatan dan pihak berkepentingan adalah perlu untuk sebarang naik taraf bagi penyediaan papan tanda braille dan akses laluan yang mesra kerusi roda. Keperihatinan dan kesedaran orang ramai adalah perlu untuk tidak menggunakan petak yang disediakan khas untuk OKU di mana-mana premis/lokasi.

## **II. BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM**

### **1. PELANCARAN LAPORAN TAHUNAN 2011**

#### **Pekerja Migran dan Pemerdagangan Orang**

*Seorang peserta membangkitkan kes-kes yang mana pekerja migran tidak dibenarkan bekerja dengan majikan baru sementara menunggu kes mereka disebut di mahkamah. Terdapat banyak kes, pekerja-pekerja ini dihantar pulang tanpa sebarang pendapatan untuk keluarganya. Penangguhan penyelesaian dalam kes-kes mahkamah juga menyebabkan mangsa berasa tertekan. Para peserta melahirkan harapan agar pekerja-pekerja ini akan diberi peluang untuk memperoleh pendapatan atau bekerja dengan majikan baru sementara menunggu keputusan kes atau untuk dihantar pulang dengan segera. Suruhanjaya mengambil maklum perkara ini, serta memberi jaminan kepada para peserta bahawa ia telahpun membangkitkan isu ini kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Ia mengakui bahawa mekanisme sedia ada berkenaan pekerja migran mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dengan segera. Suruhanjaya berpandangan bahawa hak pekerja seharusnya dihormati tanpa mengambil kira kewarganegaraan mereka.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan melalui Majlis Anti Pemerdagangan Orang (MAPO) telah memutuskan bahawa mana-mana pekerja asing yang merupakan mangsa pemerdagangan manusia bagi eksloitasi buruh paksa boleh ditempatkan bagi tujuan bekerja dengan majikan yang baru dan ini telahpun dilakukan melibatkan 5 orang pekerja warganegara India yang merupakan mangsa di dalam kes GSS News. Walau bagaimanapun, bagi tujuan melicinkan lagi proses tersebut, jawatankuasa perundangan diminta untuk mengkaji dari aspek undang-undang yang sedia ada samada pindaan perlu dilakukan bagi membolehkan mangsa-mangsa tersebut bukan sahaja diberi peluang bekerja tetapi juga ditempatkan diluar dari pusat perlindungan yang sedia ada.

#### **Hukuman Mati**

*Suruhanjaya menekankan keperluan untuk memansuhkan hukuman mati dengan mengambil kira Artikel 3 Perisyntiaran Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Artikel 6 Perjanjian*

*Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik. Suruhanjaya juga telah menjalankan beberapa aktiviti yang dianjurkan bersama Majlis Peguam, Kesatuan Eropah dan International Amnesty untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu ini. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah perbincangan meja bulat dan pertandingan debat antara universiti. Suruhanjaya juga secara berterusan telah menggesa Kerajaan untuk mengenakan moratorium hukuman mati atau mengenakan hukuman penjara seumur hidup terutamanya kepada mereka yang telah dijatuhi hukuman mati melebihi lima tahun.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Sehingga kini, pelaksanaan hukuman mati masih diteruskan. Walau bagaimanapun, beberapa kajian mengenai pelaksanaan hukuman mati di Malaysia yang melibatkan Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta-akta lain sedang dijalankan. Kajian ini melibatkan beberapa agensi termasuk Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara. Walaupun setakat ini, Kerajaan belum membuat apa-apa keputusan dasar berhubung pemansuhan hukuman mati, kerajaan sedia membuka ruang perbincangan mengenai isu sebagai contoh antara wakil European Union dan ahli parlimen akan diadakan pada November 2013 untuk membincangkan isu ini.

## **2. JAWATANKUASA TETAP PEMILIH PARLIMEN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA (PSC)**

*Sejak 13 tahun yang lalu, Suruhanjaya telah mengemukakan Laporan Tahunannya ke Parlimen tepat pada masanya untuk sesi pertama persidangan; telah berulangkali menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporannya untuk dibahaskan oleh Ahli Parlimen. Sehingga kini, perkara ini masih belum dilaksanakan. Walaupun demikian, Suruhanjaya mengalukan pengumuman pada 23 Oktober oleh Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membentuk satu Jawatankuasa Tetap Pemilih Parlimen Mengenai Hak Asasi Manusia (PSC). Ini sekaligus dapat memberikan ruang kepada Ahli Parlimen untuk membincangkan Laporan Tahunan dan untuk menangani isu-isu hak asasi manusia yang dibangkitkan oleh Suruhanjaya. Suruhanjaya melihat perkara ini sebagai langkah positif untuk memperbaiki situasi hak asasi manusia. Ia juga berharap agar PSC ini dapat dibentuk secepat mungkin bagi membolehkannya membincangkan laporan tahunan akan datang. Namun begitu Suruhanjaya akan terus memohon agar Kerajaan membentangkan Laporan Tahunannya untuk perbahasan di Parlimen, selaras dengan amalan di kebanyakan negara NHRI lain.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Pihak Kerajaan mengambil maklum akan cadangan agar laporan SUHAKAM dibahaskan melalui penubuhan sebuah Jawatankuasa Tetap Pemilih Parlimen Mengenai Hak Asasi Manusia. Perkara ini memerlukan kajian dan penelitian yang menyeluruh sebelum suatu keputusan mengenainya dibuat. Berdasarkan amalan sedia ada, Laporan Tahunan SUHAKAM diedarkan di Parlimen setiap tahun seperti mana diperuntukkan dalam Akta SUHAKAM 2009. Maklum balas terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan berkenaan dikemukakan oleh pihak Kerajaan melalui penyediaan risalah Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.

### 3. FORUM KEBEBASAN MEDIA

Pada 31 Mei, SUHAKAM telah menganjurkan satu forum mengenai kebebasan media sempena sambutan Hari Kebebasan Media Sedunia dengan tema ‘Suara Baru: Kebebasan Media dalam Mentransformasi Masyarakat’. Forum yang diadakan di Kuala Lumpur menarik perhatian seramai 60 orang peserta termasuklah profesional di kalangan media, wakil-wakil agensi kerajaan dan NGO.

Berdasarkan pembentangan oleh ahli-ahli panel dan sesi soal jawab, forum mencadangkan:

- (i) Majlis Media seharusnya dikawal selia di bawah Akta Parlimen dan diiktiraf sebagai badan berkanun. Majlis Media seharusnya bertindak dalam mengawal dan melindungi wartawan;
- (ii) melindungi kepentingan awam; mendefinaskan hak bersuara; mendisiplinkan wartawan; dan menyediakan ruang bagi aduan awam;
- (iii) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) perlu dimansuhkan;
- (iv) Akta Kebebasan Memperoleh Maklumat seharusnya digubal ke arah memupuk pentadbiran yang kurang berahsia dan lebih bersifat terbuka; dan
- (v) dana perlulah disalurkan bagi menggalakkan komuniti media yang lebih bersifat bebas.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) berpandangan bahawa Majlis Media wajar ditubuhkan dengan anggota-anggota yang dilantik bertanggungjawab terhadap hal-hal yang berkaitan dengan majlis tersebut. Segala paparan akan dipastikan secara berhemah, neutral dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] telah dipinda pada 2012 supaya menjadi lebih komprehensif dan bersesuaian dengan keadaan dan keperluan semasa. Pindaan itu termasuk meneliti dan melakukan penambahbaikan agar tidak ada pihak yang mempertikaikan akta itu. Langkah itu diharap dapat memajukan industri percetakan negara agar dapat terus bersaing di peringkat global. Pada masa sekarang, cadangan penghapusan akta tersebut dilihat tidak wajar kerana ia memberi kebebasan kepada media untuk menyiaran berita tanpa lagi takut lesen akhbar digantung atau ditarik balik.

Kebebasan memperoleh maklumat telahpun diamalkan di Malaysia namun berada dalam keadaan terkawal. Ini disebabkan masih terdapat sesetengah perkara yang tidak boleh didedahkan kepada umum dan menjadi rahsia kerajaan. Mengikut Kementerian Dalam Negeri, Akta 301 digubal bagi mengawal selia dan memantau aktiviti percetakan dan penerbitan sama ada yang diterbitkan di dalam negara ataupun di luar negara. Akta ini tidak menyekat hak kebebasan bersuara dan menyuarakan pendapat. Walau bagaimanapun, kebebasan tersebut hendaklah tidak memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam

atau yang boleh menjelaskan keharmonian rakyat Negara ini yang berbilang bangsa dan agama. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah berbincang dengan pengamal media bagi cadangan penubuhan sebuah badan kawalselia kendiri media yang bebas tanpa campur tangan Kerajaan.

Kerajaan menyedari bahawa dana diperlukan bagi menggerakkan sesuatu organisasi dengan lebih efisien. Walau bagaimanapun, dana yang disalurkan perlulah dari saluran yang betul, bukan dari dana-dana asing yang mungkin mempunyai agenda di sebaliknya.

#### **4. HUBUNGAN MEDIA**

*SUHAKAM berharap media akan terus memberikan sokongan dalam menarik perhatian umum terhadap isu-isu hak asasi manusia.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**


KKMM sememangnya terbuka dan sentiasa memberi kerjasama kepada SUHAKAM untuk mempromosikan sebarang aktiviti terutamanya yang memberikan manfaat kepada rakyat. Bahagian Perhubungan Awam SUHAKAM boleh mengenal pasti atau mendapatkan nasihat tentang slot-slot rancangan yang bersesuaian di RTM dan BERNAMA, seterusnya menghubungi pihak-pihak ini untuk tujuan mempromosi atau memberi penjelasan tentang isu-isu yang melibatkan hak asasi manusia. Media akan terus memberikan sokongan kepada SUHAKAM sekiranya mempunyai topik yang ingin diperjelaskan kepada rakyat.

---

**BAB** 2

**LAPORAN KUMPULAN  
ADUAN, PEMANTAUAN  
DAN INKUIRI**

---



## LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1. I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN		25
1. ISU-ISU YANG BERBANGKIT DARIPADA ADUAN		25
(a) Pelaksanaan Kuasa Polis		25
(b) Kematian Dalam Tahanan Polis		26
(c) Undang-undang Penahanan Pencegahan		27
(i) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA)		27
(ii) Perisyntiharhan Darurat		27
(d) Hak untuk Berhimpun Secara Aman		28
(e) Layanan Terhadap Tahanan		28
(i) Tahanan ISA di Kem Tahanan Kamunting (KEMTA)		28
(ii) Banduan yang Mempunyai Masalah Kesihatan di Penjara Kajang		29
(iii) Warganegara Asing Yang Ditahan di Malaysia		30
2. PELARIAN/PENCARI SUAKA		30
3. KANAK-KANAK DI PUSAT TAHANAN IMIGRESEN		32
4. AKTIVITI PEMANTAUAN		32
(a) Perhimpunan Awam		32
2. II. BAHAGIAN INKUIRI		33
1. SIASATAN KE ATAS DAKWAAN PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA SEBELUM DAN SEMASA PERHIMPUNAN PADA 9 JULAI 2011		33
(a) Dakwaan Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa Perhimpunan Bersih 2.0		33
(b) Insiden di Luar Hospital Tung Shin (TSH) dan Hospital Bersalin Cina		34
(c) Penggunaan Gas Pemedih Mata di Terminal Bas KL Sentral		35
2. SIASATAN AWAM BERKENAAN PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN 28 APRIL 2012		36

## BAB 2

### LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

#### I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

##### ISU-ISU YANG BERBANGKIT DARIPADA ADUAN

###### (a) Pelaksanaan Kuasa Polis

*Aduan melibatkan dakwaan penggunaan kekasaran oleh pihak polis, penyalahgunaan kuasa dan kelewatan tindakan ke atas laporan yang dibuat masih di antara jumlah tertinggi aduan yang diterima. Antara dakwaan yang diterima adalah orang yang ditangkap telah dipukul semasa dalam tahanan, penyalahgunaan kuasa termasuk aduan tentang penahanan yang salah di sisi undang-undang, di mana polis menahan semula orang-orang yang telah dibebaskan oleh mahkamah atau pusat tahanan; lanjutan tempoh reman dibuat dengan membawa tahanan ke Mahkamah Majistret di beberapa daerah; ugutan terhadap pengadu supaya menarik balik laporan yang dibuat terhadap pasukan polis; bertindak berat sebelah terhadap pihak-pihak tertentu dan kegagalan untuk mengambil tindakan ke atas laporan yang dibuat.*

*Suruhanjaya, dalam menegaskan semula syor-syor yang dibuat dalam Laporan Tahunan 2011, menambah beberapa cadangan seperti berikut:*

- (i) *bagi mengelak daripada membuat sentuhan secara fizikal dengan orang yang ditahan terutama semasa soal siasat, polis perlu menggunakan sains forensic bagi menyokong siasatan mereka;*
- (ii) *tiada tekanan-sama ada fizikal atau mental- harus dikenakan ke atas suspek, saksi atau mangsa dalam usaha untuk mendapatkan maklumat daripada mereka;*
- (iii) *pihak polis harus menjalankan siasatan awal sebelum membuat penahanan hanya boleh dibuat di mana terdapat kesangsian yang munasabah bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan atau apabila ia dianggap perlu untuk menghalang seseorang daripada melakukan sesuatu kesalahan atau mlarikan diri dan*
- (iv) *latihan berterusan perlu diberikan kepada semua pegawai mengenai prosedur penahanan, hak-hak mereka yang ditahan, dan teknik bagi melaksanakan penangkapan secara selamat dan berperikemanusiaan.*

##### MAKLUM BALAS KERAJAAN

PDRM mengambil pendekatan tiada tolak ansur ke atas warganya yang melakukan kesalahan tatatertib dan tindakan yang tegas dikenakan terhadap mereka jika didapati melakukan apa-apa perlanggaran.

## (b) Kematian Dalam Tahanan Polis

*Suruhanjaya memandang serius berhubung kes kematian dalam tahanan. Hak untuk hidup mesti dilindungi oleh semua pihak. Keselamatan tahanan tidak boleh dikompromi oleh pihak berkuasa. Sehubungan itu, Suruhanjaya mengesyorkan supaya pihak berkuasa melaksanakan prosedur berikut sebagai amalan standard:*

- (i) menjalankan pemeriksaan kesihatan apabila seseorang itu ditahan dan ditangkap;
- (ii) hubungi ahli keluarga tahanan bagi mendapatkan maklumat mengenai ubat ubatan atau rawatan yang sedang dijalani; dan
- (iii) merujuk tahanan yang sakit kepada pengamal perubatan dengan kadar segera.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Arahan mengenai isu-isu yang dibangkitkan telah dikeluarkan berkenaan garis panduan pengendalian orang-orang yang ditangkap dan semasa soal siasat. Arahan dikeluarkan rentetan daripada beberapa insiden kematian atau kecederaan orang tahanan semasa berada dalam jagaan polis akibat daripada perlakunya perlanggaran prosedur termasuklah larangan penggunaan kekerasan semasa menjalankan soal siasat.

Sepanjang tempoh tahun 2000 sehingga 17 Jun 2013, sebanyak 232 kematian dalam tahanan polis telah dilaporkan. Laporan bedah siasat antara lain menyatakan punca kematian adalah HIV, sakit asma, sakit jantung, lain-lain penyakit (usus, hati, penyakit kuning, ulser, paru-paru dan kerongkong), gantung diri, gaduh sesama suspek, pendarahan dalam otak, tergelincir di bilik air lokap dan dicederakan oleh polis. Daripada jumlah tersebut hanya 2 kes sahaja dikaitkan dengan kekerasan yang telah diakibatkan oleh pihak polis. Justeru itu, siasatan telah dijalankan dan tindakan telah diambil terhadap anggota/pegawai polis yang terlibat di mana satu kes telah dijatuhi hukuman manakala satu kes lagi telah dituduh baru-baru ini iaitu pada 5 Jun 2013 di bawah Seksyen 302 Kanun Kesekeamanan.

Di samping itu, semua kematian dalam tahanan akan dirujuk kepada Yang Arif Timbalan Pendakwaraya dengan cadangan inkues. Apabila kes dirujuk untuk proses inkues di Mahkamah, maka Yang Arif Koroner di bawah peruntukan Seksyen 337 Kanun Tatacara Jenayah akan mengadakan siasatan tentang bagaimana si mati menemui ajalnya dan sama ada terdapat sebarang unsur-unsur jenayah dalam kematian si mati semasa berada dalam tahanan pihak polis. Jika ada bukti nyata maka pihak polis akan menyiasat keputusan Yang Arif Koroner berkenaan. Ini bermakna tiada sesiapa pun boleh terlepas dari tindakan undang-undang jika ada bukti yang mengaitkan penglibatan pihak polis dengan kematian suspek dalam tahanan sama ada melalui siasatan polis secara rasmi (seperti yang berlaku dalam kes Kugan dan Dharmaendra) atau melalui keputusan inkues.

Tuduhan bahawa majoriti tahanan yang mati dalam jagaan polis adalah di kalangan mereka yang berketurunan India merupakan suatu tohmahan yang tidak berasas. Statistik menunjukkan kematian dalam tahanan polis bagi keturunan Melayu adalah sebanyak 41.8%, Cina (21.1%), India (28%), lain-lain (3.9%) dan warganegara asing (11.2%). Oleh yang demikian, isu ini tidak wajar dilihat dari aspek perkauman. Dalam menangani perkara ini beberapa usaha telah dijalankan, antaranya:

- (i) cadangan penambahbaikan SOP sedia ada di mana satu jawatankuasa khas telah dibentuk diketuai oleh Yang Dihormati Tan Sri Ketua Polis Negara. Penyediaan SOP ini tertumpu kepada isu keselamatan tahanan, kesihatan dan tahanan dari agensi lain. Penyediaannya adalah dalam fasa terakhir dan dijangka siap dalam masa terdekat ini;
- (ii) penubuhan lokap berpusat di semua Kontingen polis;
- (iii) usaha untuk memantapkan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua lokap berpusat serta laluan ke bilik soal siasat dan penyelenggaran secara berkala juga telah dicadangkan; dan
- (iv) cadangan penempatan seorang Pegawai Perubatan di semua lokap berpusat.

**(c) Undang-undang Penahanan Pencegahan**

**(i) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA)**

*Pihak berkuasa telah bertindak balas kepada pemansuhan ISA dengan membebaskan 19 tahanan sebelum tamat tempoh perintah tahanan mereka. Mereka telah dibebaskan pada bulan Ogos, Oktober, November dan Disember. Sehingga 31 Disember, masih terdapat 23 orang tahanan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak, yang mana 8 adalah warganegara Malaysia. Selebihnya adalah warganegara asing.*

**(ii) Perisytiharan Darurat**

*Selaras dengan pembatalan tiga Perisytiharan iaitu Perisytiharan Darurat 1966, Perisytiharan Darurat 1969 dan Perisytiharan Darurat 1977, pihak berkuasa telah membebaskan mereka yang ditahan di bawah undang-undang darurat yang berkaitan termasuk Akta Kediaman Terhad 1933 dan Akta Buang Negeri 1959.*

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Sehingga 21 Oktober 2013, seramai 16 orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) telah dibebaskan sebelum tamat tempoh tahanan mereka. Daripada jumlah tersebut, seramai 5 orang adalah warganegara Malaysia dan 11 orang adalah warganegara asing. Manakala selebihnya masih ditahan sehingga tamat tempoh Perintah Tahanan mereka melainkan Perintah tersebut dibatalkan terlebih dahulu oleh YB Menteri berdasarkan kepada seksyen 32(2), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Kesemua orang tahanan dan orang sekatan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Kediaman Terhad 1933 telah dibebaskan.

#### (d) Hak untuk Berhimpun Secara Aman

*Akta Perhimpunan Aman 2012 [Akta 736] telah berkuat kuasa pada 23 April 2012. Ia digubal berikutan seksyen 27 Akta Polis 1967 yang menetapkan keperluan untuk mendapatkan permit polis sebelum sebarang perhimpunan awam diadakan. Akta 736 memerlukan pemberitahuan kepada polis 10 hari menjelang acara yang dirancang. Akta 736 juga mengenakan syarat-syarat lain pada penganjuran perhimpunan awam, di mana pihak ketiga yang terjejas dibenarkan membuat bantahan terhadap perhimpunan yang dirancang.*

*Sejak penguatkuasaan Akta 736, SUHAKAM telah memerhatikan bahawa pihak polis telah mengawal daripada mengambil sebarang tindakan semasa perhimpunan besar-besaran seperti Himpunan Hijau di Pahang; di Pengerang, Johor; dan pada Perhimpunan 1 Mei di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pihak polis turut mengenakan beberapa syarat kepada penganjur termasuk melarang penyertaan kanak-kanak di bawah 15 tahun dan melarang perarakan. Namun begitu, tiada insiden berlaku kepada mereka yang menghadiri perhimpunan bersama-sama dengan anak-anak. SUHAKAM berpendapat bahawa sekatan-sekatan tertentu dalam Akta dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak polis adalah tidak praktikal dan menyekat kebebasan berhimpun.*

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum hak kebebasan untuk bercakap dan bersuara, hak untuk berhimpun secara aman tanpa senjata atau hak untuk membentuk persatuan seperti mana termaktub di dalam Artikel 10(1) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, hak kebebasan tersebut ada had dan batasannya di mana berhimpun secara aman tanpa senjata juga boleh dikenakan apa-apa sekatan yang didapati perlu atau suai manfaatnya demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau keselamatan ketenteraman awam sebagaimana di peruntukkan di bawah Artikel 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan.

#### (e) Layanan terhadap Tahanan

##### (i) Tahanan ISA di Kem Tahanan Kamunting (KEMTA)

*Walaupun Kerajaan telah menggantikan ISA dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, sebarang perintah tahanan di bawah ISA sebelum pemansuhan itu masih berkuat kuasa, kecuali dibatalkan oleh Menteri Dalam Negeri. Akibatnya, beberapa tahanan yang masih di bawah perintah tahanan yang tidak dibatalkan telah mengadakan mogok lapar dalam bulan Mei sebagai meluahkan rasa tidak puas hati dan menuntut pembebasan segera dari Kem Tahanan Kamunting.*

*Pada 2 Julai, Gerakan Mansuhkan ISA telah menyerahkan memorandum kepada SUHAKAM menggesa supaya menyiasat dakwaan bahawa tahanan yang mengadakan mogok lapar diganggu oleh pihak berkuasa di KEMTA. Sepasukan pegawai daripada SUHAKAM telah melawat kem tahanan dan merakamkan temu bual tahanan yang terlibat. SUHAKAM juga memohon bantuan Kementerian Kesihatan untuk menghantar pakar forensik untuk memeriksa kesihatan tahanan berkenaan. Lawatan ke KEMTA telah dijalankan oleh*

*SUHAKAM dan Pasukan Forensik Hospital Pulau Pinang pada 6 Julai.*

*Berdasarkan kepada siasatan tersebut, SUHAKAM telah menulis kepada Komisioner Jeneral Penjara berkenaan syor-syor seperti berikut:*

- (i) *Garis Panduan Standard atau satu SOP perlu diwujudkan bagi mengendalikan tahanan/banduan yang melancarkan mogok lapar;*
- (ii) *pemantauan berterusan dan pemeriksaan kesihatan untuk tahanan yang membuat mogok lapar perlu diadakan. Tahanan perlu dirujuk ke hospital sekiranya tahap kesihatan mereka merosot; dan*
- (iii) *pasukan perubatan perlu dibentuk di hospital terdekat untuk menyediakan rawatan sekiranya mogok lapar berlaku.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Dalam melaksanakan tanggungjawab pemulihan, keselamatan, kesihatan, kebajikan serta lain-lain pengurusan semua tahanan yang ditempatkan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, pegawai penjara perlu pada setiap masa menemui, memantau dan mengawal tahanan. Oleh itu, pelaksanaan tugas tersebut tidak boleh dianggap sebagai mengganggu tahanan. Walaupun berasaskan prosedur yang ditetapkan, menolak catuan makanan yang dibekalkan merupakan satu pelanggaran tatatertib. Kemudahan pemeriksaan dan rawatan kesihatan tahanan terlibat diberikan keutamaan.

Jabatan Penjara telah mempunyai Perintah Tetap atau SOP untuk Tempat Tahanan tersebut serta lain-lain institusi penjara bagi mengendalikan setiap insiden yang berlaku termasuklah mogok lapar. Malah bagi meningkatkan keberkesanannya SOP berkenaan sentiasa ditambah baik. Di samping itu, arahan atau penjelasan yang selaras dengan SOP berkenaan turut dikeluarkan bagi meningkatkan keberkesanannya pengurusan.

Pemantauan kesihatan dilakukan oleh doktor panel penjara dengan kerjasama dari hospital berdekatan. Mana-mana tahanan yang memerlukan rawatan lanjut tidak pernah dihalang malah tindakan telah diambil untuk memastikan rawatan diberikan dengan segera.

Tempat Tahanan serta penjara-penjara yang lain sentiasa bekerjasama dengan hospital terdekat bagi kepentingan kesihatan semua tahanan dan penghuni penjara yang lain.

## **(ii) Banduan Yang Mempunyai Masalah Kesihatan Di Penjara Kajang**

*Pada 17 Julai, isteri salah seorang banduan di Penjara Kajang membuat aduan kepada SUHAKAM mengenai keadaan kesihatan suaminya. SUHAKAM telah melawat banduan tersebut pada 19 September. Kesihatan beliau didapati merosot selepas beliau dikenakan sebatan sebanyak lapan kali oleh pihak berkuasa penjara sebagai sebahagian daripada hukumannya. SUHAKAM telah membuat syor-syor berikut kepada pihak berkuasa penjara:*

- (i) *banduan perlu sentiasa menerima rawatan perubatan dan fisioterapi di hospital;*

- (ii) *pihak penjara perlu berusaha untuk menyediakan kerusi roda untuk memudahkan pergerakan supaya banduan tidak perlu bergantung kepada banduan lain ataupun warden penjara;*
- (iii) *banduan perlu diletakkan di dalam sel yang mempunyai sistem pengudaraan yang baik untuk mengelakkan jangkitan kudis; dan*
- (iv) *banduan perlu menjalani pemeriksaan bagi mengenalpasti punca masalah kesihatan yang dihadapi.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Banduan berkenaan telah diberikan pemeriksaan dan rawatan kesihatan berterusan berasaskan keperluan serta jadual yang ditetapkan oleh pegawai perubatan. Begitu juga penempatan serta peralatan bantuan yang diberikan adalah bersesuaian dengan pengesyoran pegawai perubatan dan keperluannya. Kesihatan banduan menunjukkan peningkatan yang baik. Walau bagaimanapun, beliau terus ditempatkan di *sick bay* untuk rawatan dan pemerhatian berterusan.

### **(iii) Warganegara Asing Yang Ditahan Di Malaysia**

*SUHAKAM turut membantu dalam beberapa kes yang melibatkan penahanan warga asing, atas permintaan sama ada ahli keluarga mereka atau institusi hak asasi manusia nasional. Sebagai satu contoh, terdapat permohonan daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Mexico mengenai tiga rakyat Mexico yang telah dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di bawah Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Mexico menyuarakan kebimbangan berkenaan lokasi dan layanan ketiga-tiga mereka. Setelah menghubungi pihak berkuasa, SUHAKAM dibenarkan bertemu dengan ketiga-tiga tahanan di Penjara Kajang pada 19 September, mereka ditemui bual dan hasil lawatan telah dipanjangkan kepada rakan sekutu yang berada di Mexico.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Semua penghuni penjara diberikan layanan dan hak yang sama tanpa sebarang diskriminasi walaupun berbeza warganegara, kaum, agama atau status. Layanan, hak dan juga penempatan mereka adalah berasaskan ketetapan Akta dan Peraturan Penjara yang selaras dengan ketetapan *United Nations Standard Minimum Rules*. Pihak SUHAKAM atau wakil kedutaan Mexico tidak pernah dihalang daripada menemui penghuni berkaitan.

## **2. PELARIAN/PENCARI SUAKA**

*SUHAKAM menerima 50 aduan dari komuniti pelarian/pencari suaka di Malaysia, terutamanya warga pelarian dari Myanmar dan Sri Lanka. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah kelewatan mendapatkan dokumentasi dari Pesuruhjaya Tinggi bagi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) yang sepatutnya menguruskan pengiktirafan mereka*

*sebagai pelarian. Di antara isu yang membimbangkan adalah kesukaran untuk dipilih bagi program penempatan semula oleh UNHCR. SUHAKAM lazimnya memanjangkan permohonan sebegini kepada UNHCR untuk tindakan selanjutnya. UNHCR turut menyediakan statistik bulanan pada kes-kes yang diterima termasuk program penempatan semula.*

*Kebanyakan pelarian/pencari suaka mendakwa berada dalam kesusahan akibat gangguan oleh pihak berkuasa, ketidakupayaan untuk bekerja, dan kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan untuk kanak-kanak.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan berpandangan bahawa belum sampai masanya bagi Malaysia menandatangani Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Atas dasar kemanusiaan, Kerajaan Malaysia membenarkan “pelarian” yang merupakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) pemegang kad UNHCR yang sah untuk tinggal sementara sehingga dihantar pulang ke negara ketiga atau pulang secara sukarela ke negara asal. Berdasarkan kepada rekod UNHCR sehingga 30 Jun 2013, terdapat 90,688 “pelarian” dan 15,066 pemohon suaka. Manakala sejak Januari hingga Jun 2013, hanya 4,889 telah ditempatkan ke negara ketiga. Ini menunjukkan hanya 5.49% daripada jumlah “pelarian” ditempatkan ke negara ketiga. Jumlah “pelarian” dan pemohon suaka ini semakin meningkat dan ianya bercanggah dengan tujuan asal pewujudan UNHCR iaitu bagi penempatan semula dan bukannya “menempatkan” secara kekal ke negara transit.

“Pelarian” yang memiliki kad UNHCR yang sah tidak akan ditahan oleh pihak berkuasa kecuali jika mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang melanggar perundangan negara. Walaupun undang-undang dan peraturan imigresen tidak membenarkan “pelarian” untuk bekerja di negara ini, namun di dalam aspek penguatkuasaan, agensi-agensi penguatkuasaan mengambil pendekatan yang bersesuaian.

Dari segi pendidikan, dasar sedia ada tidak membenarkan “pelarian” ini mendapat pendidikan di sekolah Kerajaan. Walau bagaimanapun, “pelarian” ini tidak disekat untuk mendapatkan pendidikan di sekolah yang dikendalikan oleh golongan “pelarian” di bawah badan-badan swasta/NGO dan korporat.

Kerajaan juga tidak menafikan hak “pelarian” untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberikan potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas warganegara asing bagi rawatan pesakit dalam atau pesakit luar. Rawatan percuma di wad kelas tiga juga diberikan bagi kes bila mana seseorang “pelarian” mengidap penyakit berjangkit di bawah senarai Kementerian Kesihatan Malaysia. Pemberian vaksinasi secara percuma juga diberikan kepada kanak-kanak “pelarian”. Sejak 2009 hingga 2011, sejumlah 17,386 “pelarian” telah mendapat perkhidmatan perubatan di hospital/klinik Kerajaan dengan bayaran tunggakan berjumlah RM8,554,398.75.

### **3. KANAK-KANAK DI PUSAT TAHANAN IMIGRESEN**

*Kempen Global Tamatkan Tahanan Imigresen Kanak-Kanak telah dilancarkan pada 21 Mac pada sesi ke-19 Majlis Hak Asasi Manusia PBB di Geneva. Di Malaysia, kempen berkenaan dilancarkan secara bersama oleh sekumpulan NGO dan SUHAKAM pada 2 April. Lanjutan daripada kempen tersebut, SUHAKAM dan NGO telah bertemu dengan Jabatan Imigresen dan Kementerian Dalam Negeri untuk mendapatkan kerjasama pihak berkuasa dalam menangani isu kanak-kanak di pusat-pusat tahanan Imigresen. Dalam mesyuarat tersebut, telah dipersetujui bahawa sebuah Kumpulan Kerja akan ditubuhkan dan ia akan terdiri daripada beberapa pihak berkepentingan yang berkaitan.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kumpulan Kerja berkenaan belum lagi diwujudkan. Walau bagaimanapun, dalam menangani isu ini Jabatan Depot telah mengambil langkah mengasingkan tahanan kanak-kanak lelaki dengan tahanan dewasa. Kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun akan ditahan bersama pengiringnya (ibu). Memandangkan ketiadaan kemudahan yang sesuai bagi tahanan kanak-kanak di Depot, dicadangkan supaya NGO menyedia dan menguruskan rumah perlindungan.

### **4. AKTIVITI PEMANTAUAN**

#### **(a) Perhimpunan Awam**

*NGO, kumpulan pelajar, masyarakat terpinggir dan parti-parti politik menganjurkan perhimpunan awam bagi menyuarakan pendapat serta perasaan tidak puas hati, dalam melaksanakan kebebasan asasi dan hak-hak mereka seperti yang dijamin oleh Artikel 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan yang termaktub dalam Artikel 20(1) Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. SUHAKAM turut dijemput untuk memantau perhimpunan-perhimpunan yang diadakan.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa memastikan undang-undang dan peruntukan yang sedia ada diguna pakai terutamanya dalam pelaksanaan operasi keselamatan ketenteraman awam sebagaimana yang peruntukan di bawah Artikel 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan.

## II. BAHAGIAN INKUIRI

### 1. SIASATAN AWAM KE ATAS DAKWAAN PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA SEBELUM DAN SEMASA PERHIMPUNAN PADA 9 JULAI 2011

#### (a) Dakwaan Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa Perhimpunan Bersih 2.0

##### (i) Keterangan

*Beberapa peserta telah ditahan semasa perhimpunan dan kecederaan yang dialami didakwa berpunca dari tindakan anggota polis. Ini berdasarkan keterangan saksi-saksi seperti Hanafi Hawari, Yap Jee Kit, Fayyadh Afiq Akbakqry dan Muhammad Sabu disokong oleh saksi-saksi lain, gambar dan keterangan pakar dari pegawai perubatan.*

##### (ii) Penemuan

*Setelah membuat pertimbangan yang teliti, Panel berpendapat bahawa kecederaan yang dialami berlaku semasa proses tangkapan atau semasa perhimpunan. Panel berpendapat kecederaan yang dialami oleh Muhammad Sabu berlaku semasa beliau ditangkap. Walaupun tiada bukti secara langsung bahawa penangkapan oleh polis telah menyebabkan kecederaan, namun Panel ambil maklum bahawa kaedah yang digunakan sepatutnya setimpal dengan atau berkadar dengan tahap risiko pada ketika itu.*

*Walaupun Panel menyadari sepenuhnya tugas pasukan polis untuk melindungi keselamatan, Panel berpendapat bahawa anggota polis juga perlu mengambil kira hak-hak individu. Pihak polis harus memastikan bahawa mereka yang ditahan boleh melaksanakan hak-hak yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain. Sepertimana saksi telah menjelaskan tahap kecederaan yang dialami semasa mereka ditangkap, Panel menyatakan polis perlu memastikan rawatan perubatan disediakan bagi mereka yang memerlukan dan ia seharusnya dijadikan satu amalan. Selepas membuat penilaian secara objektif bahawa kecederaan tersebut memerlukan rawatan perubatan, pegawai atau kakitangan polis harus memastikan bantuan diberi serta merta.*

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Semakan mendapati bahawa penama yang dimaksudkan telah disahkan hadir semasa perhimpunan Bersih 2.0. Apabila situasi persekitaran memudaratkan ketenteraman awam, pihak polis tiada pilihan kecuali memerintahkan peserta perhimpunan bersurai. Keengganan untuk bersurai telah mengundang tindakan melepaskan air dan gas pemedih mata. Dalam situasi perhimpunan yang menyalahi undang-undang pihak yang tercedera bukanlah akibat secara langsung malah ianya adalah sebahagian daripada tindakan penyuraian semata-mata.

Peserta perhimpunan yang ditahan merangkumi 2 tempat iaitu di Lokap Polis Jinjang dan di Pusat Latihan Polis Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Saksi yang mendakwa dicederakan akibat tindakan anggota polis telah membuat laporan polis dan perkara ini telahpun disiasat. Namun demikian beberapa saksi gagal mengecam anggota yang menyebabkan kecederaan terhadap mereka.

Undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu ialah seksyen 27 Akta Polis 1967 (kini dimansuhkan). Pihak polis tidak akan sesekali menahan mana-mana orang sewenang-wenangnya. Malah penahanan setiap individu adalah kerana mereka telah menyertai perhimpunan yang menyalahi undang-undang serta menjadi ahli perhimpunan yang menyalahi undang-undang setelah perhimpunan tersebut diperintahkan bersurai. Semasa berada dalam penahanan, pihak polis telah menyediakan segala kemudahan seperti pusat rawatan yang terdiri dari pegawai perubatan, tempat untuk solat, makan minum kemudahan untuk menghubungi keluarga dan kemudahan akses peguam sepetimana seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah. (Bagi mereka yang ditahan di Pusat Latihan Polis Jalan Semarak, Kuala Lumpur) akses kepada peguam tidak sempat diberi kerana mereka dibawa untuk proses dokumentasi dan telah dibebaskan dalam masa yang menasabah sejurus selesai proses tersebut.

**(b) Insiden di luar Hospital Tung Shin (TSH) dan Hospital Bersalin Cina**

**(i) Keterangan**

*Panel meneliti dakwaan bahawa air campuran bahan kimia dan gas pemedih mata telah disembur ke arah peserta yang mencari perlindungan di pekarangan dua hospital. Saksi-saksi termasuk seorang wakil ‘Siasatan Dalaman Kementerian Kesihatan Malaysia-Tuduhan Menembak Gas Pemedih Mata dan Meriam Air di Hospital Tung Shin, Kuala Lumpur’ (TSH); anggota polis dan kakitangan hospital.*

*Pegawai bertugas dan krew sebuah trak meriam air mengakui bahawa air semburan daripada kenderaan tersebut telah disembur ke arah kompaun TSH, tetapi mendakwa tidak disengajakan disebabkan oleh beberapa faktor:*

- (i) *Terdapat kekeliruan berlaku semasa peserta sedang berlari masuk ke dalam kawasan hospital.*
- (ii) *Salah seorang anggota mengatakan beliau tidak mengetahui bahawa terdapat hospital di kawasan tersebut kerana beliau tidak biasa dengan kawasan di Kuala Lumpur.*
- (iii) *Keadaan trak meriam air serta bahan Perspex yang digunakan untuk cermin hadapan menyukarkan anggota mengendalikan peralatan atau menilai dengan betul keadaan di luar kenderaan tersebut*

**(ii) Penemuan**

*Keterangan dari saksi meyakinkan Panel bahawa penggunaan meriam air, gas pemedih mata dan peralatan lain yang boleh mendatangkan risiko keselamatan kepada individu tidak harus digunakan dalam dan sekitar tempat-tempat awam seperti hospital dan sekolah.*

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Sepanjang penugasan menangani perhimpunan dan rusuhan, pihak Polis amat menitik beratkan keselamatan orang awam dan juga pihak pegawai dan anggotanya. Penggunaan

gas pemedih mata dan cecair semburan tidak akan berlaku kecuali dalam keadaan terpaksa bila mana kaedah *Restrain, Restrain, Restrain, Caution and Enforcement* telah gagal. Penggunaan kedua-duanya tidak akan berterusan dan ia hanya bersifat sementara. Penggunaan gas pemedih mata dan cecair semburan dilakukan dalam keadaan terkawal dan mengikut garis panduan tertentu seperti Arahan Ketua Polis Negara No.90 yang menggariskan penggunaan gas pemedih mata. Mengikut arahan berkenaan, penggunaan gas itu adalah dilarang di tempat dan kawasan seperti berikut:

- (i) rumah ibadat;
- (ii) sekolah-sekolah termasuk Tadika dan Taska;
- (iii) hospital;
- (iv) stadium dan stadium tertutup;
- (v) taman-taman perumahan;
- (vi) stesen-stesen minyak;
- (vii) depoh simpanan dan pusat pemprosesan bahan-bahan letupan dan mudah terbakar;
- (viii) premis-premis tertutup; dan
- (ix) tempat-tempat atau kawasan-kawasan yang pada ketika itu difikirkan atau ditafsirkan membahayakan atau menyebabkan kegusaran dan kemudaratkan kepada penduduk atau orang-orang di sekitar kawasan tersebut.

Semasa perhimpunan BERSIH 2.0 usaha berkenaan didapati berkesan bila mana perusu bersurai sepenuhnya dalam tempoh 2 jam.

**(c) Penggunaan Gas Pemedih Mata di Terminal Bas KL Sentral**

**(ii) Keterangan**

*Beberapa saksi berkata gas pemedih mata telah ditembak ke arah peserta yang berkumpul di terminal bas di KL Sentral. Disebabkan sebahagian daripada kawasan itu ditutup, insiden itu telah mencetuskan huru-hara dalam ruang yang terhad. Ditambah dengan keadaan yang agak gelap dan kekurangan laluan keluar, ia menyukarkan peserta untuk bersurai.*

*Panel telah mendengar testimoni yang disokong oleh rakaman video bahawa kanister gas pemedih mata telah ditembak oleh anggota polis dari hujung bertentangan dengan terminal bas. Ini boleh menyebabkan kematian atau kecederaan kepada peserta. Seorang anggota polis telah dilihat menembak kanister gas pemedih mata terus ke arah peserta, bukan ke bawah seperti yang diarahkan.*

**(iii) Penemuan**

*Selepas meneliti bukti-bukti, Panel berpendapat bahawa kaedah yang digunakan untuk menyuraikan orang ramai di terminal bas tidak sesuai disebabkan lokasi dan keadaan kawasan tersebut. Kaedah yang digunakan dalam penyuraian peserta perhimpunan perlu mengambil kira risiko kepada peserta dan anggota polis sendiri.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan telah mengambil maklum akan Laporan Inkiri Siasatan Awam SUHAKAM berhubung perhimpunan pada 9 Julai 2011. Pada masa yang sama, justifikasi terhadap insiden ini telahpun dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

### **2. SIASATAN AWAM BERKENAAN PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN 28 APRIL 2012**


*Suruhanjaya telah menerima sejumlah aduan dan memorandum mengenai dakwaan pencabulan hak asasi manusia. Berdasarkan laporan oleh pasukan pemantauan Suruhanjaya dan aduan-aduan yang dikemukakan, Suruhanjaya telah mengumumkan pada 21 Mei untuk mengadakan satu Siasatan Awam Berkanaan Dakwaan Perlanggaran Hak Asasi Manusia Semasa dan Selepas Perhimpunan pada 28 April 2012.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan telah mengambil maklum akan Laporan Inkiri Siasatan Awam SUHAKAM berhubung perhimpunan pada 28 April 2012. Pada masa yang sama, Kementerian juga telah menyediakan Laporan Panel Penasihat Bebas Berkanaan Perhimpunan Di Dataran Merdeka Pada 28 April 2012 yang mana Panel tersebut mendapati bahawa Polis Diraja Malaysia telah mengikut SOP yang ditetapkan. Laporan tersebut turut mengemukakan beberapa syor penambahbaikan kepada pihak-pihak yang terlibat termasuk PDRM, Pihak Berkuasa Tempatan, penganjur dan peserta perhimpunan.

# **BAB** 3

## **LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR**



## LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

BIL.	PERKARA	
1.	I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN	40
1.	PEMANTAUAN BAGI PELAKSANAAN KONVENSYEN MENGENAI PENGHAPUSAN SEGALA BENTUK DISKRIMINASI TERHADAP WANITA (CEDAW)	40
(a)	Laporan Bebas kepada Jawatankuasa CEDAW	40
(i)	Ketiadaan Akta Kesaksamaan Jantina	40
(ii)	Perbezaan Peruntukan Kewarganegaraan Dalam Perlembagaan Persekutuan	41
(iii)	Hak Bagi Penjagaan Kesihatan	41
(iv)	Pengabungan Peraturan-Peraturan Mengenai Gangguan Seksual ke Dalam Akta Pekerja	45
(v)	Cuti Bersalin	47
(vi)	Penglibatan Wanita Dalam Tenaga Kerja	48
(vii)	Pemerdagangan Wanita Dan Kanak-Kanak Perempuan	50
(viii)	Hak-Hak Ibu Tunggal	52
(ix)	Konflik Di Antara Undang-Undang Syariah Dan Sivil Berkenaan Perkahwinan	53
(x)	Pembantu Rumah Migran	54
(xi)	Pelarian/Pencari Suaka Wanita	55
(xii)	Protokol Pilihan Kepada CEDAW	56
2.	MEMANTAU PELAKSANAAN KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK (CRC)	56
3.	KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG	57
(a)	Pemansuhan ISA dan Penggubalan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012	57
(b)	Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (Pindaan) 2012	58
(c)	Cadangan Pemansuhan Akta Hasutan 1948 dan Penggubalan Akta Harmoni Negara	59
4.	CADANGAN PINDAAN TERHADAP AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999 [AKTA 597]	59

---

2.	<b>II. BAHAGIAN PEMBANGUNAN DASAR</b>	60
1.	HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN	60
(a)	Kesan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) ke atas Hak Asasi Manusia di Malaysia	60
(i)	Akses Kepada Ubat-Ubatan Yang Mampu Dibeli	60
(ii)	Perlindungan Hak Intelek	61
2.	HAK PERUMAHAN WAJAR DAN MENCUKUPI	62
(a)	Akses Kepada Perumahan Mampu Secara Pemilikan Atau Sewaan	62
(b)	Kekurangan Unit Rumah Mampu Milik	63
(c)	Sistem Pengagihan Rumah Kos Rendah Yang Tidak Efisien	65
(d)	Peraturan dan Perundangan Negara	65
(i)	Kelemahan Dalam Mekanisme Mengawal, Memantau Dan Penguatkuasaan	65
(ii)	Sistem Polisi, Undang-Undang, Peraturan Dan Garis Panduan Yang Kompleks	66
(iii)	Kekurangan Pengetahuan Mengenai Polisi Perumahan	66
3.	ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG	67
(a)	Taklimat Berkenaan <i>US Trafficking in Persons</i> (TIP) Report terhadap Malaysia	67
(i)	Penyeludupan Buruh	68
(ii)	Kekurangan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan	68
(iii)	Peranan MAPO	68
(iv)	Perlindungan Mangsa	69
4.	HAK ASASI ORANG ASAL/ASLI	70
(a)	Perbincangan Meja Bulat (PMB) Mengenai Sistem Perundangan Orang Asal/Asli	70
3.	<b>III. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA</b>	71
1.	PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)	71

---

## BAB 3

### LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

#### I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN

##### 1. PEMANTAUAN BAGI PELAKSANAAN KONVENSYEN MENGENAI PENGHAPUSAN SEGALA BENTUK DISKRIMINASI TERHADAP WANITA (CEDAW)

###### (a) Laporan Bebas kepada Jawatankuasa CEDAW

Memandangkan Kerajaan akan mengemukakan Laporan Berkala ke 3 dan ke 4 mengenai CEDAW kepada PBB, SUHAKAM telah menyediakan satu Laporan Bebas untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa CEDAW (Laporan CEDAW). Laporan CEDAW ini menekankan beberapa isu iaitu:

###### (i) Ketiadaan Akta Kesaksamaan Jantina

Walaupun Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan telah dipinda pada 2001 dengan memasukkan perkataan ‘jantina’ sebagai satu asas larangan diskriminasi, Malaysia masih belum mempunyai satu Akta Kesaksamaan Jantina. SUHAKAM menyeru Kerajaan untuk mempercepatkan proses merangka undang-undang tersebut melalui konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan. Adalah menjadi harapan SUHAKAM agar undang-undang yang dicadangkan itu dapat mempromosi dan melindungi hak wanita sekaligus mengangkat dan memperkasakan martabat mereka.

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah meneliti cadangan untuk menggubal Akta Kesaksamaan Gender. Satu Perbincangan Meja Bulat Mengenai Penggubalan Akta Kesaksamaan Gender telah diadakan pada 7 September 2010. Seramai 49 orang peserta yang terdiri daripada wakil Kementerian dan jabatan kerajaan, ahli akademik serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan telah menghadiri perbincangan meja bulat ini. Hasil daripada perbincangan tersebut rata-ratanya berpandangan bahawa penggubalan Akta Kesaksamaan Gender adalah tidak perlu buat masa ini memandangkan undang-undang sedia ada boleh dikaji semula bagi memastikan tiada unsur diskriminasi terhadap wanita selaras dengan peruntukan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan. Berikut dari itu, undang-undang tertentu telah pun dikaji semula dan dipinda untuk memastikan pematuhan kepada prinsip tiada-diskriminasi dan kesaksamaan gender. Antara undang-undang tersebut ialah Kanun Keseksaan, Akta Pencen 1980, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Peraturan Immigresen 1963, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan juga Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

## (ii) Perbezaan Peruntukan Kewarganegaraan Dalam Perlembagaan Persekutuan

Anak-anak kepada wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki asing tidak diberikan taraf warganegara secara automatik. Anak-anak ini hanya layak mendapat taraf warganegara jika mereka dilahirkan di Malaysia. Manakala, anak-anak kepada lelaki warga Malaysia yang berkahwin dengan wanita asing layak mendapat taraf warganegara tanpa mengambil kira tempat lahir anak-anak tersebut, dengan syarat kelahiran mereka didaftarkan dengan Kedutaan Malaysia dalam tempoh yang telah ditetapkan, seperti mana yang termaktub dalam Artikel 14 Perlembagaan Persekutuan. Dari sudut Perlembagaan, masih wujud diskriminasi ke atas wanita yang bersuamikan warga asing.

Artikel 15 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa taraf warganegara boleh diberikan kepada isteri berwarga asing kepada seorang lelaki warga Malaysia melalui permohonan kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan serupa bagi suami kepada wanita Malaysia.

SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula peruntukan undang-undang secara amnya, dan Perlembagaan Persekutuan secara khususnya bagi memastikan ianya konsisten dengan prinsip tiada-diskriminasi dan selari dengan tanggungjawab triti Malaysia.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan kewarganegaraan atas alasan seperti berikut:

- (i) untuk kes melibatkan anak-anak yang dilahirkan di luar negara bagi ibu warganegara Malaysia dan bapa bertaraf warganegara asing, permohonan boleh dikemukakan di bawah Perkara 15(2) di pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara; dan
- (ii) bagi lelaki warganegara asing yang berkahwin dengan wanita bertaraf warganegara Malaysia, permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia boleh dikemukakan di bawah Perkara 19(1).

## (iii) Hak Bagi Penjagaan Kesihatan

Penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan semakin bertambah baik. Wanita (termasuk golongan terpinggir seperti orang miskin), Orang Asal/Asli dan migran adalah tidak terkecuali daripada mendapat akses yang adil dan sama rata terhadap perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, kekurangan akses dari segi fizikal dan ekonomi untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan masih berterusan di beberapa kawasan pedalaman, sementara penyediaan perkhidmatan kesihatan ke kawasan tersebut ada kalanya tidak menentu.

Penduduk di kawasan pedalaman juga kurang akses kepada maklumat berkenaan dengan langkah pencegahan penyakit, terutama yang berpotensi menjangkiti golongan wanita.

*SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk menggandakan usaha dalam menyediakan maklumat supaya dapat mendidik masyarakat mengenai isu-isu kesihatan.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesihatan dan kebajikan warga emas. Perkhidmatan kesihatan untuk warga emas telahpun disediakan di seluruh negara. Klinik-klinik kesihatan Kerajaan menyediakan perkhidmatan yang merangkumi pendidikan dan promosi kesihatan, pengesanan awal penyakit melalui saringan dan penilaian tahap kesihatan, pemeriksaan perubatan, kaunseling, khidmat rawatan serta rujukan juga perkhidmatan rehabilitasi iaitu fisioterapi dan terapi cara kerja (occupational therapy),

Bagi meringankan bebanan kewangan warga emas terutamanya dalam aspek penjagaan kesihatan, Kerajaan telah memutuskan untuk memberi rawatan percuma kepada semua warga emas yang menerima rawatan sebagai pesakit luar di klinik-klinik Kerajaan dan caj maksima RM250 bagi warga emas yang mendapat rawatan di wad kelas 3 hospital-hospital Kerajaan.

Melalui inisiatif *National Blue-Ocean Strategy 7 (NBOS 7): 1Malaysia Family Care*, Kerajaan telah melaksanakan perkhidmatan saringan kesihatan, rawatan dan rujukan untuk warga emas yang menginap di institusi jagaan serta yang terlantar di rumah. Latihan juga diberikan kepada penjaganya dalam usaha Kerajaan untuk memperkasakan komuniti dalam penjagaan kesihatan.

Bagi membolehkan golongan OKU menikmati kemudahan dan mendapatkan perkhidmatan di fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah KKM, mereka perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan memperolehi kad OKU yang memperakarkan diri mereka sebagai OKU. Terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan dan antaranya ialah:

- (a) pengecualian bayaran rawatan hospital/klinik sebagai pesakit luar dan pesakit dalam wad kelas 3 (termasuk kos ubat-ubatan, rawatan pakar dan sebagainya);
- (b) pemberian peralatan perubatan implan/prostesis secara percuma kepada semua OKU yang berdaftar dengan JKM dan pesakit kelas tiga yang dimasukkan ke hospital-hospital di bawah KKM;
- (c) bantuan kewangan bagi mendapatkan peralatan perubatan seperti prostesis, ortosis dan sebagainya sama ada melalui hospital (Jabatan Perubatan Rehabilitasi, Jabatan Kerja Sosial Perubatan dan lain-lain) ataupun melalui Tabung Bantuan Perubatan;
- (d) kemudahan pendaftaran di hospital/klinik tertentu melalui laluan keutamaan atau *green lane*;
- (e) kemudahan-kemudahan yang mesra OKU disediakan di fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah KKM seperti kerusi roda, ramp, tandas mesra OKU dan lain-lain;

- (f) penstrukturian semula Jabatan Perubatan Rehabilitasi bagi mempertingkatkan perkhidmatan yang diberikan khususnya kepada golongan OKU. Terdapat juga beberapa buah hospital yang mempunyai wad/katil khusus bagi disiplin ini seperti Hospital Serdang, Hospital Klang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Kota Bharu, Hospital Seremban, Hospital Ipoh dan Hospital Umum Sarawak bagi memberikan rawatan yang diperlukan oleh golongan OKU;
- (g) perkhidmatan *Home Based Nursing* juga disediakan oleh beberapa hospital yang mempunyai kepakaran ini bagi meneruskan kesinambungan rawatan yang diberikan setelah mereka dibenarkan keluar dari hospital serta dapat meringankan bebanan dan memberikan pengetahuan kepada ahli keluarga lain yang bertanggungjawab menjaga pesakit di rumah; dan
- (h) penubuhan Hospital Rehabilitasi Cheras yang berfungsi sebagai pusat rujukan kebangsaan dan *Centre of Excellence* untuk Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi.

Antara aspek utama yang diberi penekanan semasa Kerajaan merancang dan menyediakan perkhidmatan kesihatan di negara ini ialah memperluaskan akses dan kesaksamaan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan primer yang komprehensif dan berkualiti. Oleh yang demikian, untuk mencapai kesaksamaan dalam pembinaan fasiliti kesihatan primer yang statik seperti klinik kesihatan dan klinik desa, norma 1 fasiliti bagi setiap 4,000 penduduk untuk pembinaan klinik desa dan 1 fasiliti bagi setiap 20,000 penduduk untuk pembinaan klinik kesihatan dilonggarkan untuk kawasan pedalaman. Pada masa ini, 81.5% fasiliti kesihatan yang dibina oleh Kerajaan terletak di kawasan luar bandar dan terdapat 44 fasiliti kesihatan berada di kawasan kepulauan.

Dengan kelonggaran ini, masih terdapat penduduk di kawasan pedalaman dan terpencil yang menghadapi kesukaran mencapai perkhidmatan kesihatan dari klinik terdekat disebabkan oleh faktor geografi dan pengangkutan. Untuk mengatasi masalah ini, perkhidmatan klinik bergerak melalui air, darat dan udara juga diwujudkan. Sehingga kini, terdapat 222 pasukan klinik bergerak termasuk 12 pasukan perkhidmatan doktor udara menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk 471,467 penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman di seluruh negara. Usaha terkini Kerajaan ialah penyediaan Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) di mana 5 bas ditempatkan di Perak, Selangor, Johor dan Pahang serta 1 bot di Sarawak bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk 108 lokasi yang meliputi 168,403 penduduk.

Kerajaan juga telah menggunakan teknologi maklumat untuk membawa perkhidmatan kepakaran lebih dekat kepada mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Sehingga kini, sebanyak 85 buah klinik telah dijaringkan dengan klinik dan hospital berpakar melalui sistem *teleprimary care* (TPC) yang dibangunkan oleh KKM khusus untuk fasiliti kesihatan primer yang mengandungi sistem maklumat klinikal bagi membolehkan petugas kesihatan di klinik pedalaman mendapat sokongan perkhidmatan kepakaran tanpa perlu merujuk pesakit secara fizikal.

Kerajaan juga telah meningkatkan akses perkhidmatan kesihatan di kalangan masyarakat Orang Asli melalui inisiatif berikut:

- (a) perkhidmatan doktor udara telah dimulakan pada 4 Mac 2013 dan melibatkan 30 lokasi pendaratan di 4 daerah iaitu Gua Musang, Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Cameron Highland. Kerajaan merancang agar setiap lokasi tersebut dapat dilawati sebulan sekali apabila penerbangan dilakukan setiap hari berkerja;
- (b) Kerajaan juga telah meningkatkan dan menaik taraf perkhidmatan kesihatan bergerak orang asli dengan membekalkan 14 kenderaan pacuan 4 roda, 4 buah ambulans pacuan 4 roda dan sebuah bot dengan nilai sebanyak RM4.2juta. Kesemua kenderaan ini diguna untuk melawat kawasan pedalaman mengikut jadual yang disediakan oleh daerah masing-masing;
- (c) mewujudkan Klinik Kesihatan (KK) sementara di Lojing dan Klinik Desa (KD) sementara di Brooke (sementara menunggu persiapan bangunan KK Brooke jenis 6 yang telah dilaksanakan dalam *Rolling Plan Ke-3 RMK10*); dan
- (d) memasukkan senarai projek pembinaan KK/KD di kawasan orang asli pedalaman ke dalam projek-projek pembangunan di KKM.

Kerajaan sentiasa peka terhadap tahap kesihatan rakyat. Pelbagai langkah proaktif telah diambil bagi memastikan masyarakat di semua peringkat dapat menerima mesej/maklumat kesihatan dengan cepat dan berkesan. Perubahan teknologi yang drastik dengan limpahan maklumat dihujung jari telah mendorong kepada pembangunan portal-portal kesihatan termasuklah Portal *MyHealth*. Portal ini telah dibangunkan pada tahun 2005 bertujuan menyediakan maklumat kesihatan berkualiti bagi rakyat Malaysia melalui internet yang meliputi pelbagai aspek kesihatan. Sehingga kini, portal ini menyediakan perkhidmatan:

- (i) Topik Kesihatan mengikut kumpulan;
- (ii) Tanya Pakar;
- (iii) Penilaian Risiko Kesihatan;
- (iv) Berita/Artikel Kesihatan;
- (v) Amaran Kesihatan;
- (vi) Aktiviti kesihatan;
- (vii) Direktori Perkhidmatan Kesihatan;
- (viii) Undian;
- (ix) Soalan Lazim;
- (x) Permainan kesihatan; dan
- (xi) Kuiz Kesihatan.

Selain itu, bagi mengukuhkan aktiviti pendidikan kesihatan di peringkat komuniti dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu kesihatan, kempen media telahpun dimulakan sejak 2006 lagi. Antara kempen media yang dijalankan ialah:

- (i) Kempen Media Tak Nak Merokok;
- (ii) Kempen Media Cara Hidup Sihat;
- (iii) Kempen Media Pencegahan HIV/AIDS;
- (iv) Kempen Media Pencegahan Denggi;
- (v) Kempen Media HPV; dan
- (vi) Kempen Media Talasemia.

Kempen-kempen ini disiarkan melalui pelbagai saluran media elektronik, media cetak dan media luar bagi mendapat liputan yang luas. Sebagai contoh, KKM menerusi Bahagian Pendidikan Kesihatan (BPK) bersama Bahagian Kawalan Penyakit telah mengadakan Kempen Promosi Kesihatan Pencegahan HIV/AIDS (2008–2012). Kempen Promosi Kesihatan Pencegahan HIV/AIDS bagi tahun 2009–2010 memberi fokus kepada usaha menggalakkan kumpulan sasar yang mengamalkan tingkah laku berisiko bertindak menjalani ujian saringan HIV bagi mengetahui status kesihatan mereka dan pada masa yang sama dapat mencegah penularan jangkitan kepada mereka yang tersayang.

Di samping itu, di peringkat daerah terdapat program-program yang dikendalikan oleh anggota kesihatan melalui aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, pameran, khidmat nasihat dan tunjuk cara dalam menyampaikan informasi berkaitan kesihatan termasuk aspek pencegahan penyakit-penyakit berjangkit. Aktiviti ini dijalankan secara berterusan sama ada di peringkat klinik, hospital dan di dalam komuniti.

Tidak ketinggalan aktiviti pendidikan kesihatan yang berbentuk *outreach* turut dijalankan. Anggota kesihatan akan pergi ke kawasan masyarakat dan sekolah-sekolah bagi menjayakan kempen atau program. Untuk tujuan tersebut, Unit Bergerak Promosi Kesihatan digunakan sebagai satu lagi kemudahan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Unit bergerak ini akan mengadakan aktiviti ceramah, hebahan awam, pameran dan pengedaran bahan-bahan pendidikan kesihatan di kawasan-kawasan yang dilawati.

Kerajaan juga giat menghasilkan bahan-bahan pendidikan kesihatan untuk diedarkan kepada kumpulan sasar. Pelbagai tajuk risalah, poster dan buku kecil diterbitkan setiap tahun. Bahan-bahan tersebut dibekalkan kepada setiap negeri untuk diedarkan ke daerah-daerah bagi kegunaan semasa aktiviti pendidikan kesihatan.

Kerajaan yakin melalui pelaksanaan kempen media, pembangunan portal *MyHealth*, aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan yang dijalankan oleh anggota kesihatan, peranan Unit Bergerak Promosi Kesihatan dan penerbitan bahan-bahan pendidikan kesihatan, masyarakat mampu mendapat akses kepada maklumat-maklumat penting kesihatan. Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan dan menyeragamkan pelaksanaan aktiviti pendidikan kesihatan di semua peringkat terutamanya di kawasan pedalaman bagi memastikan informasi sampai kepada kumpulan sasar.

#### **(iv) Penggabungan Peraturan-Peraturan Mengenai Gangguan Seksual Ke Dalam Akta Pekerja**

*Pada 2011, Kerajaan telah memasukkan definisi ‘gangguan seksual’ dan peruntukan-peruntukan yang berkaitan ke dalam Akta Pekerja 1955 untuk menangani isu gangguan seksual di tempat kerja. SUHAKAM berpandangan bahawa definisi ‘gangguan seksual’ adalah tidak cukup menyeluruh. Pertama, ia memperuntukkan bahawa majikan, dan bukan pekerja yang menentukan sama ada gangguan seksual terjadi atau tidak. Kedua, definisinya hanya terbatas bagi kejadian yang didakwa berlaku di tempat kerja. Pada masa yang sama, proses aduan dan hukuman tidak dinyatakan dengan secukupnya.*

*Berkaitan prosedur aduan berhubung dakwaan gangguan seksual oleh majikan, Ketua Pengarah Tenaga Kerja diberi kuasa mengarahkan majikan untuk menyiasat aduan yang dikemukakan, yang mana ini boleh menyebabkan sikap berat sebelah. SUHAKAM mengesyorkan supaya Kerajaan dapat mengkaji semula peraturan semasa dan mempertimbangkan satu undang-undang berasingan dan yang komprehensif terhadap gangguan seksual.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Bermula 1 April 2012, Pindaan Akta Kerja 1955 telah memasukkan satu bahagian baru untuk gangguan seksual iaitu Bahagian XVA Seksyen 81A sehingga 81G. Definisi ‘gangguan seksual’ yang dimasukkan dalam Akta Kerja 1955 memperuntukkan beberapa keadaan di mana suatu bentuk gangguan itu boleh ditafsirkan sebagai ‘gangguan seksual’ berdasarkan bentuk-bentuk gangguan yang dinyatakan. Definisi ini membolehkan seseorang pekerja itu memfailkan aduan jika dia berpendapat bahawa gangguan ke atasnya bersifat ‘gangguan seksual’.

Berikutan daripada aduan yang difailkan oleh pekerja tersebut, majikan dikehendaki untuk menyediakan mekanisma mengendalikan siasatan sama ada wujud atau tidak gangguan seksual tersebut. Sekiranya pekerja tidak berpuas hati dengan keputusan majikan, pekerja masih boleh membuat aduan kepada Ketua Pengarah.

Skop kes-kes gangguan seksual di bawah Akta Kerja 1955 hanya melibatkan gangguan seksual yang berlaku di tempat pekerjaan ataupun yang terbit daripada pekerjaannya. Sekiranya gangguan seksual tersebut berlaku di luar skop penggajian tersebut, perkara ini adalah diluar bidang kuasa Jabatan Tenaga Kerja dan ia perlu dilaporkan kepada Pihak Berkuasa.

Pada masa ini, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sedang menggubal peraturan-peraturan yang berkaitan dengan prosedur siasatan aduan gangguan seksual di tempat kerja. Peruntukan berhubung hukuman adalah sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta dan juga peraturan yang sedang digubal.

Seterusnya, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama beberapa agensi kerajaan terbabit seperti Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia serta pihak-pihak berkepentingan lain seperti pertubuhan bukan kerajaan, kesatuan yang mewakili kepentingan pekerja dan majikan serta ahli-ahli akademik untuk mendapatkan pandangan mereka berhubung keperluan penggubalan Akta Gangguan Seksual. Setelah meneliti pandangan semua pihak, adalah didapati peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) boleh diguna pakai bagi menangani gangguan seksual iaitu:

- i. Seksyen 354 yang berkaitan dengan kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan;

- ii. Seksyen 355 yang berkaitan dengan kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak menjatuhkan kehormatan seseorang kecuali atas bangkitan marah;
- iii. Seksyen 377D yang berkaitan dengan kesalahan melanggar kesopanan sama ada di tempat awam atau persendirian; dan
- iv. Seksyen 509 yang berkaitan dengan kesalahan yang bermaksud untuk mengaibkan kehormatan seseorang, sama ada dengan perkataan atau isyarat.

Bagi mengukuhkan lagi usaha menangani kes gangguan seksual, Akta Kerja 1955 [Akta 265] telah dipinda oleh Kementerian Sumber Manusia pada 1 April 2012 melalui P.U.(B) 85/2012 yang mana pindaan telah menambah peruntukan khas iaitu seksyen 81A,B,C,D,E,F dan G bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja. Pindaan ini menekankan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja boleh mengambil tindakan kepada mana-mana majikan yang gagal menjalankan siasatan yang melibatkan kes gangguan seksual di tempat kerja yang diajukan kepadanya.

#### (v) Cuti Bersalin

*Kerajaan telah melanjutkan cuti bersalin dari 60 ke 90 hari, berkuat kuasa mulai 15 Oktober 2010. Hal ini adalah selari dengan semangat yang terkandung dalam CEDAW dan telah memberikan para ibu peluang untuk menjalinkan hubungan dengan anak mereka yang mana ia adalah amat penting di peringkat awal kelahiran. Kerajaan telah mengehadkan kelayakan jumlah cuti sebanyak 300 hari, dan wanita diberikan fleksibiliti dalam merancang tempoh bercuti antara 60 dan 90 hari bagi setiap kelahiran.*

*SUHAKAM berpendapat bahawa cuti bersalin yang telah dihadkan boleh menyekat hak reproduktif seseorang wanita. Tambahan pula, kebanyakan majikan di sektor swasta masih mengekalkan tempoh cuti selama 60 hari. SUHAKAM menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan semula jumlah bilangan hari cuti bersalin yang telah dihadkan dan memastikan tempoh 90 hari bercuti dilanjutkan kepada golongan wanita yang bekerja di sektor swasta.*

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Saranan supaya cuti bersalin bagi pekerja wanita sektor swasta dinaikkan daripada 60 hari kepada 90 hari memerlukan pindaan kepada Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76). Maklum balas awal yang diperoleh daripada pihak majikan mendapati bahawa mereka tidak bersetuju jika cuti bersalin di sektor swasta ditambah daripada 60 hari kepada 90 hari kerana akan meningkatkan kos menjalankan perniagaan. Pihak pekerja pula memang bersetuju dengan cadangan tersebut dengan syarat penambahan tersebut adalah berbayar dan bukannya ‘cuti bersalin tidak berbayar’. Berikutan maklum balas itu, beberapa opsyen perlu dipertimbangkan termasuklah dari segi tanggungan kos elau bersalin bagi penambahan tempoh cuti bersalin tersebut.

Selain itu, kelayakan cuti bersalin sebagaimana yang dinikmati oleh pekerja di sektor awam sekarang (maksimum 90 hari bagi setiap kelahiran/maksimum 300 hari sepanjang perkhidmatan) boleh juga dipanjangkan kepada pekerja sektor swasta jika mendapat persepakatan di antara majikan dan pekerja dari segi mekanisme pelaksanaannya.

#### (vi) Penglibatan Wanita Dalam Tenaga Kerja

*SUHAKAM mengambil maklum mengenai peningkatan jumlah golongan profesional di kalangan wanita, namun begitu SUHAKAM berpendapat bahawa usaha perlu dipergiatkan bagi memastikan penglibatan mereka adalah saksama dan adil terutamanya dalam bidang ekonomi, politik dan kehakiman. Usaha-usaha juga perlu dipertingkatkan bagi memastikan jumlah wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam dan swasta adalah munasabah.*

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam adalah:

- (i) menetapkan Dasar Sekurang-kurangnya 30% Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Awam yang diumumkan pada bulan Ogos 2004;
- (ii) melantik dan melatih *Gender Focal Point* (GFP) untuk menyelaras isu-isu berkaitan gender serta mempengaruhi keputusan dasar yang dibuat di kementerian dan agensi supaya mengambil kira perspektif gender dan pengumpulan *gender disaggregated data*; dan
- (iii) meningkatkan pelaksanaan program dan aktiviti peka gender atau *gender sensitization* yang melibatkan lelaki bagi membantu meningkatkan kepekaan gender di kalangan masyarakat secara keseluruhannya.

Menyedari kepentingan penyertaan aktif wanita dalam agenda pembangunan negara, pada 24 Ogos 2004 YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Penyertaan Wanita di Semua Peringkat Pembuat Keputusan. Ini diikuti pula dengan pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Penyertaan Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat pada 27 Jun 2011. Dasar-dasar ini adalah selaras dengan aspirasi yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang mana salah satu daripada 4 program utama ialah memberikan penumpuan kepada penambahan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Susulan daripada pengumuman kedua-dua dasar ini, terdapat peningkatan penyertaan wanita yang memberangsangkan di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam dan sektor korporat. Di sektor awam, bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) telah meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 25.2% pada tahun 2006 dan terus melonjak kepada 31.7% pada penghujung 2012. Di sektor awam pula, berdasarkan maklumat Kementerian Kewangan, penglibatan wanita sebagai Ahli

Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah meningkat kepada 15.3% pada April 2013 berbanding 13.25% pada tahun 2011.

Di samping itu, hingga Julai 2013, 11.9% daripada barisan Lembaga Pengarah 17 buah GLC terbesar di bawah Program Transformasi GLC (G17) terdiri daripada golongan wanita. Dalam sektor perbankan pula, setakat tahun 2012, 5.6% Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wanita berbanding 5.9% pada tahun 2011.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), hingga 1 Julai 2013, terdapat seramai 441,587 orang pengarah syarikat wanita dalam syarikat persendirian (*Private Companies*) manakala seramai 3,687 orang pengarah syarikat wanita dalam syarikat awam (*Public Companies*). Daripada jumlah pengarah wanita dalam syarikat awam tersebut, seramai 505 orang adalah pengarah wanita dalam syarikat tersenarai awam (*Public Listed Companies - PLCs*) bagi tahun 2013 berbanding 496 orang bagi tahun 2011 (peningkatan sebanyak 1.81%). Seramai 3,182 orang pula adalah pengarah wanita dalam syarikat awam tidak tersenarai (*Public Non-Listed Companies*).

Sebagai inisiatif untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Korporat, KPWKM melalui agensinya iaitu *NAM Institute for the Empowerment of Women* (NIEW) melaksanakan Program Pengarah Wanita atau *Women Directors Programme* bermula tahun 2012. Hingga 3 September 2013, seramai 520 orang wanita yang berkelayakan telah melalui latihan di bawah Program Pengarah Wanita. Selain itu, pada bulan Mac 2012, NIEW telah membangunkan satu pangkalan data khusus bagi calon pengarah wanita yang berkelayakan untuk dilantik sebagai ahli lembaga pengarah iaitu *Women Directors Registry* melalui laman web [www.wcdregistry.com](http://www.wcdregistry.com). Sehubungan dengan itu, syarikat-syarikat boleh mendapatkan calon-calon berpotensi sebagai ahli lembaga pengarah wanita daripada pangkalan data ini. Hingga 3 September 2013, sejumlah 790 orang wanita telah didaftarkan dalam *Women Directors Registry*.

Kerajaan turut mendapat kerjasama daripada Suruhanjaya Sekuriti bagi menjayakan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Korporat. Dalam hal ini, Suruhanjaya Sekuriti pada 8 Julai 2011, telah melancarkan *Corporate Governance Blueprint 2011* yang menggariskan beberapa keperluan yang perlu dipatuhi oleh syarikat awam tersenarai. Antara perkara yang dinyatakan dalam dokumen ini ialah pendedahan mengenai *board diversity* dari segi pengalaman, gender, kompetensi, kaum, budaya dan kewarganegaraan. Selain itu, pihak lembaga pengarah perlu melaporkan secara terperinci dalam laporan tahunan mengenai pelaksanaan dasar kepelbagai gender serta sasarannya dan langkah yang diambil untuk mencapai sasaran tersebut.

Saranan dan keperluan yang digariskan dalam *Corporate Governance Blueprint 2011* seterusnya diperkuuhkan menerusi Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 yang dilancarkan pada 29 Mac 2012 dan mula berkuat kuasa pada bulan Disember 2012. Antara lain, *Corporate Governance Blueprint 2011* memperuntukkan tempoh peralihan yang munasabah, iaitu selama 5 tahun, kepada syarikat-syarikat awam tersenarai di Bursa Malaysia bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

Penyertaan lebih ramai wanita dalam peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat turut diberi penekanan oleh YAB Perdana Menteri semasa program *1 Million Women Purple Walk* pada 17 Mac 2013. Beliau menyarankan supaya setiap syarikat berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*-GLCs) melantik sekurang-kurangnya seorang wanita sebagai ahli lembaga pengarah.

Selain itu, bagi meningkatkan penyertaan calon pengarah wanita dan permohonan senarai calon pengarah wanita (sourcing) bagi tujuan *placement* daripada *Public Listed Companies* (PLCs) dan GLCs, program-program khas seperti *Women Directors Mini Lab*, *Roadshow On Women Directors Programme*, *Breakfast Talk On Women Directors Programme* turut diadakan di samping merangka pelan media bagi tujuan promosi Program Pengarah Wanita serta program-program lain bagi tujuan mendapatkan *buy-in* daripada PLCs.

#### **(vii) Pemerdagangan Wanita Dan Kanak-Kanak Perempuan**

*Pelan Tindakan Nasional (2010-2015) mengenai pemerdagangan orang telah memperlihatkan penubuhan Majlis Anti-Pemerdagangan Orang di bawah Kementerian Dalam Negeri. Majlis ini meneruskan usaha untuk menyelaras pelaksanaan Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007; dan merangka dasar dan program-program bagi mencegah dan memerangi kesalahan-kesalahan yang berkaitan.*

*SUHAKAM mengesyorkan supaya tahap kesedaran di kalangan semua peringkat masyarakat khususnya golongan wanita dan kanak-kanak dipertingkatkan lagi. Memandangkan jenayah pemerdagangan orang adalah merentasi sempadan, kerjasama antarabangsa, serantau dan antara pelbagai agensi harus diperkuuhkan dan diperluaskan. SUHAKAM mengharapkan agar hak-hak mangsa yang diselamatkan dari jenayah ini dijamin mulai saat mereka diselamatkan dan seterusnya semasa proses pemulihan sehingga saat mereka diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.*

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan melalui Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) telah menyalurkan peruntukan kepada Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) bagi melaksanakan program-program kesedaran di peringkat negeri, daerah dan sekolah mengenai jenayah ini. Malahan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang mengetuai Jawatankuasa Media dan Publisiti di bawah MAPO telah melaksanakan hebahan menerusi media cetak dan elektronik.

Bagi aspek kerjasama antarabangsa dan serantau, Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang merupakan peneraju kepada isu-isu berkaitan jenayah rentas sempadan telah mengadakan kerjasama di peringkat antarabangsa dengan negara-negara antaranya United Kingdom, Amerika Syarikat, Republik Rakyat Cina, Arab Saudi dan Bangladesh dengan memuktamadkan perjanjian dalam membanteras jenayah rentas sempadan yang mana elemen kerjasama turut merangkumi jenayah pemerdagangan orang. Kerjasama serupa akan diteruskan dengan negara lain yang dikenal pasti sebagai rakan strategik Malaysia dalam bidang keselamatan.

Dalam aspek perlindungan mangsa, Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan kepada mangsa-mangsa agar ia selaras dengan amalan dan standard antarabangsa. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah bekerjasama dengan *International Organization for Migration* (IOM) bagi penambahbaikan kepada pengurusan Rumah Perlindungan serta pengurusan kes. Selain itu, *Coalition for Anti-Modern Slavery in Asia* (CAMSA) turut menawarkan perkhidmatan pengurusan kes (*case management*) termasuk khidmat penterjemah bagi mangsa warga Vietnam dan Cambodia.

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sentiasa melaksanakan promosi berhubung isu-isu pemerdagangan wanita dan kanak-kanak melalui aktiviti-aktiviti dialog bulanan di setiap Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Malaysia. Aktiviti dialog ini melibatkan golongan majikan, pekerja dan juga kesatuan pekerja. Selain itu, aktiviti pemeriksaan pembangunan juga dilaksanakan bagi memantau pematuhan ke atas undang-undang perburuhan. Semasa pemeriksaan dilaksanakan, pegawai Jabatan Tenaga Kerja juga memainkan peranan di dalam memberikan kesedaran berhubung isu-isu pemerdagangan orang.

JTK sentiasa mengambil perhatian berhubung hak-hak mangsa yang diselamatkan. Pegawai yang menjalankan tugas berkaitan penyelamatan kerap kali diperingatkan mengenai kepentingan keselamatan mangsa dan hak mereka.

Kerajaan menyedari bahawa penyediaan pusat pemulihan/rumah perlindungan yang mempunyai perkhidmatan berdasarkan amalan terbaik adalah signifikan untuk membantu kestabilan emosi dan mental mangsa di rumah perlindungan supaya dapat membantu dari aspek siasatan dan pendakwaan berkaitan.

Sesi kaunseling di rumah-rumah perlindungan ditambah baik dengan penugasan kaunselor secara berjadual daripada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Selain itu, bantuan kaunselor daripada NGO turut diterima terutamanya untuk mengadakan sesi tambahan kepada mangsa berdasarkan keperluan. Bermula tahun 2013, KPWKM telah mengenal pasti tambahan kaunselor bantuan daripada universiti dan institusi berkaitan untuk bekerjasama dengan KPWKM untuk tujuan perkhidmatan kaunseling ini.

Sebagai penambahbaikan dari sesi bantuan perundangan, bermula bulan Mei 2013, *Coalition to Abolish Modern-Day Slavery in Asia* (CAMSA) telah dibenarkan untuk melaksanakan projek percubaan pengurusan kes di Rumah Perlindungan 5 yang menumpukan perkhidmatan nasihat perundangan kepada mangsa. Ini dapat membantu mangsa dalam memperoleh dan memahami maklumat berkaitan dengan hak mereka melalui perundangan. Sekiranya projek ini berjaya maka pengurusan kes ini akan diperluaskan ke rumah-rumah perlindungan yang lain.

Malaysia mempunyai rumah perlindungan yang terhad untuk menempatkan mangsa yang diselamatkan oleh agensi penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan prihatian terhadap keperluan rumah perlindungan di mana pada awal tahun 2013, 3 buah rumah baru telah dibuka iaitu 2 rumah perlindungan untuk kanak-kanak dan 1 rumah perlindungan

Wanita. Kini, Kerajaan dalam proses membuka sebuah lagi rumah perlindungan di bawah pengurusan NGO sepenuhnya. Pembukaan 4 buah rumah perlindungan ini dapat memberi keselesaan di samping pegawai pelindung dapat memberi lebih tumpuan kepada kesejahteraan dan keperluan mangsa.

#### **(viii) Hak-Hak Ibu Tunggal**

*Semasa seminar mengenai ibu tunggal pada 20 Oktober 2010, SUHAKAM telah mengambil maklum akan kesukaran yang dihadapi oleh ibu tunggal dalam proses pemindahnilikan rumah yang dibina di bawah Projek Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat selepas kematian suami. SUHAKAM mencadangkan agar polisi ini dikaji semula. Kerajaan juga perlu memastikan penambahan pembinaan unit rumah awam di seluruh negara, termasuk di kawasan luar bandar dan pedalaman di negeri Sabah dan Sarawak.*

*Kerajaan juga perlu menubuhkan kemudahan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan dan boleh diakses bagi ibubapa yang bekerja, termasuk golongan ibu tunggal, terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Selain itu, terdapat kekurangan pusat jagaan harian kanak-kanak khususnya untuk kanak-kanak kurang upaya di tempat kerja.*

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif bagi memenuhi keperluan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan dan boleh diakses oleh ibu bapa yang bekerja, golongan ibu tunggal dan yang berpendapatan rendah. Antaranya termasuk penyediaan pusat penjagaan kanak-kanak seperti TASKA. Hingga bulan Ogos 2013:

- i. sebanyak 2,693 TASKA ditubuhkan dan berdaftar dengan JKM;
- ii. sebanyak 96 TASKA ditubuhkan di tempat kerja dalam sektor awam;
- iii. sebanyak 26 TASKA ditubuhkan di tempat kerja dalam sektor swasta;
- iv. sebanyak 44 buah TASKA 1Malaysia telah ditubuhkan;
- v. sejumlah RM3.708 juta telah disalurkan kepada 260 buah TASKA baru yang layak di bawah Program GTP 2.0;
- vi. seramai 710 orang kanak-kanak telah layak mendapat subsidi yuran pengasuhan TASKA yang melibatkan jumlah penyaluran sebanyak RM1,672,402.40 di bawah Program GTP 2.0; dan
- vii. sebanyak 6 NGO telah dilantik untuk mengusahakan projek perintis TASKA OKU untuk 6 kategori kurang upaya dan sejumlah RM2 juta telah disalurkan kepada 5 NGO berkaitan bagi kos penubuhan dan sebahagian kos operasi TASKA OKU. TASKA OKU – *Sindrom Down* di Putrajaya telah mula beroperasi pada bulan Julai 2013 dengan bilangan kanak-kanak *Sindrom Down* seramai 9 orang. Jumlah kanak-kanak dijangka meningkat dari semasa ke semasa.

Pelbagai insentif telah disediakan oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan bilangan TASKA, antaranya adalah:

- i. memberi geran pelancaran sebanyak RM200,000 kepada kementerian untuk menubuhkan TASKA di tempat kerja sektor awam; dan  
(nota: diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet Tahun 2010)
- ii. memberi pengecualian cukai 10% setahun bagi majikan di sektor swasta ke atas kos keseluruhan pembinaan atau pembelian bangunan untuk penubuhan TASKA bagi tempoh 10 tahun.

Dalam pembentangan bajet 2013 baru-baru ini, Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa insentif demi memastikan kanak-kanak mendapat penjagaan sempurna di samping membangunkan perkembangan minda yang positif. Antara insentif yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri adalah:

- i. penyediaan geran pelancaran sebanyak RM10,000 kepada penyediaan pusat pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) swasta untuk membantu mereka membuka TASKA baru yang berkualiti;
- ii. insentif kepada majikan melalui pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak; dan
- iii. pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun turut diberikan kepada pengusaha TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak swasta.

Selain itu, pihak kerajaan turut menyediakan subsidi yuran pengasuhan TASKA kepada ibu bapa yang berpendapatan rendah yang menghantar anak-anak mereka ke TASKA. Mereka layak untuk mendapat subsidi yuran pengasuhan TASKA sebanyak RM250 maksima berdasarkan kepada kadar kelayakan yang telah ditetapkan.

Golongan kurang upaya juga tidak terkecuali untuk mendapat asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti dan selamat. Dalam hal ini, kerajaan melalui KPWKM telah mengadakan kerjasama strategik dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam aspek penjagaan, pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak kurang upaya sebagai pengusaha TASKA OKU bagi kategori sindrom down, autisme, penglihatan, pekak, fizikal dan masalah pembelajaran. Setakat bulan Julai 2013, kerajaan telah meluluskan penubuhan 6 buah TASKA OKU kepada NGO.

#### **(ix) Konflik Di Antara Undang-Undang Syariah Dan Sivil Berkenaan Perkahwinan**

*Di bawah sistem kehakiman Malaysia, hak perundangan keluarga bagi Muslim dan bukan Muslim ditadbir oleh undang-undang yang berbeza. Dalam kes di mana terdapat salah*

*seorang pasangan menganut agama Islam, suatu keadaan pertelingkahan undang-undang mungkin akan timbul yang membawa kepada isu-isu bidang kuasa berhubung pertikaian penjagaan anak, nafkah bagi isteri dan anak-anak dan pengagihan harta perkahwinan.*

*SUHAKAM menggesa agar satu kajian semula dijalankan dalam usaha untuk menyediakan prosedur yang jelas dan komprehensif bagi isu penukaran agama Islam, yang seterusnya akan memberi pencerahan dalam menangani isu mengenai status perkahwinan, pembahagian harta perkahwinan, hak penjagaan anak dan pembayaran nafkah.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sedia maklum akan isu ini dan kajian lanjut sedang dijalankan sebelum sebarang tindakan susulan dibuat.

### **(x) Pembantu Rumah Migran**

*Secara umumnya, pekerja migran adalah dilindungi oleh Akta Pekerja 1955. Namun, Akta ini tidak memberi perlindungan sepenuhnya kepada pembantu rumah migran. Tiada kesatuan kerja untuk golongan ini. Kesatuan kerja yang sedia ada secara umumnya didominasi oleh lelaki, yang mewujudkan persekitaran di mana pembantu rumah migran tidak mempunyai pilihan lain jika hak mereka dicabuli oleh majikan. SUHAKAM mencadangkan agar pembantu rumah migran diberikan perlindungan dan remedi yang bersesuaian di atas penderaan yang dilakukan oleh majikan. Selain itu, mereka juga patut dibenarkan untuk kekal dan bekerja dalam negara sementara menunggu dan semasa proses perbicaraan kes. SUHAKAM turut mencadangkan agar Malaysia mewujudkan satu undang-undang atau meminda undang-undang sedia ada untuk melindungi pembantu rumah migran dan meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No.189 mengenai Kerja-kerja yang Bersesuaian dengan Pembantu Rumah.*

*SUHAKAM berasa kecewa apabila mendapati bahawa undang-undang berkenaan dengan gaji minimum adalah tidak terpakai kepada pembantu rumah, yang mana merupakan satu bidang kerja yang didominasikan oleh wanita.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Pindaan terakhir terhadap Akta Kerja 1955 yang dikuatkuasakan pada 1 April 2012 telah memperuntukkan kuasa Menteri untuk mewujudkan peraturan berhubung penggajian pekhidmat domestik. Selaras dengan peruntukan ini, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sedang menggubal satu peraturan khusus untuk pekhidmat domestik tempatan dan asing.

Berhubung cadangan agar pembantu rumah migran dibenarkan bekerja semasa proses perbicaraan kes, Kerajaan melalui Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) telah memutuskan bahawa mana-mana pekerja asing termasuk pekhidmat domestik yang merupakan mangsa pemerdagangan manusia bagi eksloitasi buruh paksa boleh ditempatkan bagi tujuan bekerja dengan majikan yang baru sementara menunggu selesainya proses perbicaraan kes.

Mengenai cadangan supaya Malaysia meratifikasi Konvensyen 189, ia memerlukan penelitian dan kajian yang menyeluruh berikutan beberapa peruntukan undang-undang buruh utama negara seperti Akta Kerja 1955 setakat ini tidak selaras dengan kehendak-kehendak Konvensyen 189. Untuk membolehkan pindaan dilaksanakan, Kerajaan perlu melaksanakan konsultasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan iaitu kesatuan sekerja dan pertubuhan majikan.

Pada masa ini, Kerajaan sedang menggubal peraturan berhubung penggajian pekhidmat domestik yang turut mengambil kira, setakat yang boleh, kehendak Konvensyen 189 dan Memorandum Persefahaman yang telah dimeterai oleh Malaysia dengan negara sumber bagi pembantu rumah khususnya Indonesia.

Gaji Minimum tidak terpakai ke atas pekhidmat domestik (termasuk pembantu rumah) berikutan *nature of work* pekhidmat domestik yang bekerja di rumah-rumah (*private dwelling house*) dan berbeza daripada pekerja-pekerja lain yang bekerja di premis-premis pekerjaan dan perniagaan majikan.

#### **(xi) Pelarian/Pencari Suaka Wanita**

*Malaysia tidak meratifikasi Konvensyen Berkенаan Status Orang Pelarian 1951 dan Protokol berkenaan Status Orang Pelarian 1967. Undang-undang kebangsaan tidak membezakan antara pelarian, pencari suaka atau imigran yang tidak berdokumen. Kebanyakan pelarian dan pencari suaka wanita tidak bekerja dan mereka bergantung kepada pasangan dan ahli keluarga untuk sokongan kewangan. Ketiadaan sumber kewangan merupakan dilema utama kepada mereka. Jika ditangkap, mereka akan ditahan di depot tahanan imigresen dan hanya dibebaskan setelah campur tangan daripada Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian. SUHAKAM menyeru kepada Kerajaan untuk menandatangani Konvensyen Berkenaan Status Orang Pelarian 1951.*

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Sehingga kini, Malaysia tidak berhasrat untuk menjadi negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Hanya Kemboja dan Filipina yang telah menjadi ahli kepada Konvensyen dan Protokol tersebut. Sesebuah negara yang menjadi negara ahli perlu memberikan perlindungan dan hak-hak sebagai mana yang diperuntukkan dalam Konvensyen/Protokol. Malaysia tidak mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk melaksanakan hak tanggungjawab tersebut. Terdapat juga negara-negara parti kepada Konvensyen/Protokol ini yang sepatutnya memberi perlindungan kepada “pelarian” tetapi sebaliknya menyekat kemasukan “pelarian” ke negara berkenaan. Tanggungjawab melindungi “pelarian” ini perlu dimainkan oleh negara tersebut dan bukannya meletakkan tanggungjawab kepada negara bukan ahli.

Walau bagaimanapun, atas dasar perikemanusiaan, Malaysia memberi kebenaran secara pentadbiran bagi “pelarian” yang merupakan pemegang kad UNHCR yang sah untuk tinggal sementara sehingga pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara-negara ketiga. Walaupun undang-undang dan peraturan Imigresen tidak membentarkan PATI yang

memegang kad UNHCR ini bekerja harian, namun di dalam penguatkuasaan, agensi-agensi penguatkuasaan mengambil pendekatan yang bersesuaian.

#### **(xii) Protokol Pilihan Kepada CEDAW**

*SUHAKAM sentiasa menyeru Kerajaan supaya meratifikasi Protokol Pilihan kepada CEDAW yang memperuntukkan dua prosedur dalam aduan – prosedur komunikasi dan prosedur inkirui. Individu berhak untuk membuat aduan di bawah Protokol Pilihan ini – jika ia diratifikasi – setelah menggunakan kesemua proses kehakiman domestik.*

*SUHAKAM berharap Kerajaan akan terus bekerjasama dengan Jawatankuasa CEDAW dalam melaksanakan cadangan daripada Komen Kesimpulan Jawatankuasa tersebut demi memastikan kesamarataan substantif untuk wanita, dan mencegah dikriminasi.*

*SUHAKAM menegaskan semula cadangannya agar Kerajaan menarik balik reservasi-reservasi CEDAW terhadap Artikel 9(2), 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g) dan meratifikasi Protokol Pilihan CEDAW.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Hasil sesi perbincangan yang telah diadakan oleh KPWKM serta maklum balas bertulis yang diterima daripada 26 buah kementerian/agensi kerajaan yang berkaitan bersama *The National Council of Women's Organisations Malaysia* (NCWO) dan SUHAKAM, terdapat pelbagai pendapat yang dikemukakan terhadap cadangan Malaysia meratifikasi Protokol Pilihan kepada CEDAW (OP-CEDAW). Secara keseluruhannya, agensi yang tidak bersetuju adalah agensi yang terlibat secara langsung dengan hal-hal perundangan, kehakiman dan keagamaan seperti Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Dalam usaha berterusan memastikan kesamarataan substantif untuk wanita, dan mencegah dikriminasi, KPWKM mengambil kira Komen Kesimpulan Jawatankuasa CEDAW dalam membuat keputusan dan program. Cadangan untuk menarik balik reservasi-reservasi CEDAW terhadap Artikel 9(2), 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g) masih dalam penelitian dan tindakan KPWKM.

#### **2. MEMANTAU PELAKSANAAN KONVENTSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK (CRC)**

*Dalam persediaan untuk penyerahan Laporan Bebas Suruhanjaya mengenai CRC 2012 kepada PBB, Suruhanjaya telah melawat 10 buah sekolah terpilih yang terdiri daripada lima buah sekolah rendah, lima sekolah menengah di Kuala Lumpur dan Selangor, untuk mengumpul pandangan kanak-kanak dalam isu hak asasi manusia. Lawatan berkenaan telah dijalankan dalam tempoh dua bulan setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Selangor dan Jabatan Pelajaran Kuala Lumpur.*

*Pegawai Suruhanjaya telah berjumpa dengan 10-15 pelajar daripada setiap sekolah. Soalan-soalan yang dikemukakan memfokuskan isu-isu yang memerlukan kerajaan mengambil lebih banyak langkah-langkah dalam memastikan semua kanak-kanak dapat menikmati sepenuhnya hak seperti yang dijamin oleh CRC:*

- *Sejauh mana kebebasan bersuara yang dinikmati oleh kanak-kanak*
- *Pandangan mereka terhadap sistem pendidikan kebangsaan*
- *Permerhatian mereka berkaitan hubungan antara kaum*
- *Isu pembuangan bayi*
- *Kebebasan media*
- *Keperluan hukuman rotan di sekolah*
- *Buli di sekolah*

*Respon daripada pelajar ini telah diserap ke dalam Laporan CRC 2012, sebagai tambahan terhadap pemerhatian-pemerhatian Suruhanjaya daripada lawatan-lawatan dan pandangannya berkenaan isu-isu yang terlibat. Maklumat dan penemuan daripada lawatan-lawatan ini turut digunakan oleh Suruhanjaya untuk tujuan pengesahan, kajian lanjut dan aktiviti-aktiviti lain yang dirasakan sesuai.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Pada masa ini, terdapat 3 pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang bergiat aktif untuk memberi kesedaran terhadap literasi CRC di Malaysia iaitu PS The Children, Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM) serta Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM).

Selain daripada itu, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Jabatan Perdana Menteri juga sering mengadakan kursus-kursus mengenai obligasi negara terhadap konvensyen antarabangsa kepada hakim dan pengamal undang-undang antaranya seperti Kursus Pematuhan Kepada Obligasi di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), Konvensyen Mengenai Penyingkiran Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) Dan Konvensyen Mengenai Orang Kurang Upaya (CRPD). Kursus tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan peserta mengenai obligasi negara terhadap konvensyen-konvensyen antarabangsa yang disertai oleh Malaysia. Pada masa yang sama juga, kursus tersebut menjadi platform kepada para hakim dan pengamal undang-undang untuk berbincang mengenai undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan hak asasi yang terkandung di dalam konvensyen antarabangsa tersebut.

### **3. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG**

#### **(a) Pemansuhan ISA dan Penggubalan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012**

*SUHAKAM berharap agar isu-isu seperti yang dinyatakan di bawah dapat diberi perhatian:*

- (i) *Kuasa penangkapan dan penahanan di bawah seksyen 4 Akta ini memperuntukkan bagi semakan kehakiman apabila tempoh penahanan dilanjutkan kepada 28 hari.*

- (ii) Walaupun seksyen 5 membenarkan notis makluman mengenai penahanan dan penangkapan seseorang individu diberikan kepada waris terdekat, polis masih mempunyai kuasa menafikan hak individu tersebut untuk mendapat akses kepada peguam selama 48 jam.
- (iii) Peruntukan yang membenarkan pihak berkuasa memintas komunikasi di bawah seksyen 6 melanggar kebebasan dan hak kepada privasi seseorang individu. SUHAKAM memahami keperluan polis dan pendakwa raya untuk bertindak mengikut perkembangan teknologi, dan mengakui bahawa pemintasan komunikasi dan penahanan maklumat bagi tujuan keselamatan negara dalam kes-kes tertentu adalah wajar. Namun demikian, penggunaan kuasa ini tanpa kawalan yang bersesuaian, akan mencabuli hak privasi seseorang individu. SUHAKAM mengesyorkan agar pemintasan komunikasi hanya dibuat atas perintah mahkamah bagi tujuan dan tempoh yang spesifik.
- (iv) Seksyen 30 mengkehendaki mahkamah, atas permohonan oleh pendakwa raya, untuk memerintahkan orang yang telah dibebaskan supaya direman di dalam penjara sementara menunggu notis rayuan difailkan terhadap pembebasannya. Hal ini akan melanggar kebebasan individu tersebut. Walaupun difahami bahawa ia dilakukan bagi mengelak tertuduh daripada mlarikan diri dan bagi memastikan kehadirannya ke mahkamah, SUHAKAM menegaskan bahawa seksyen tersebut melanggar kebebasan individu, lebih-lebih lagi apabila seseorang itu telah dibebaskan oleh mahkamah yang kompeten dan adil. Di atas ini, SUHAKAM menggesa agar seksyen 30 disemak semula dan mencadangkan agar prosedur serupa seperti dalam kes jenayah yang lain bagi memastikan kehadiran ke mahkamah diguna pakai, seperti penyerahan dokumen perjalanan dan pembayaran bon.

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pada masa sekarang, peruntukan sedia ada adalah memadai bagi tujuan *check and balance* di mana pemintasan komunikasi hanya boleh dibuat oleh pihak polis dengan kebenaran pendakwa raya. Pada masa yang sama apa-apa kebenaran pendakwa raya untuk pemintasan komunikasi mestilah diambil perhatian oleh pihak Mahkamah. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 digubal berdasarkan kepada Artikel 149 Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan undang-undang ini untuk digunakan walaupun bertentang dengan Artikel 9 Perlembagaan Persekutuan sekiranya orang yang disyaki tersebut terlibat dengan perbuatan subversif dan tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam. Ini bagi memastikan keselamatan dan keamanan negara sentiasa terpelihara dan rakyat secara keseluruhannya dapat hidup dengan sejahtera.

### (b) Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (Pindaan) 2012

SUHAKAM berharap Kerajaan akan mempertimbang untuk mengkaji semula seksyen 15D(1), 16C(2) dan 16B(3B). SUHAKAM yakin bahawa Kerajaan akan mengambil kira semua aspek dan piawaian hak asasi manusia apabila meminda AUKU, dalam usaha

*menjadikan Akta ini relevan dengan konteks pembangunan modal insan untuk menghadapi cabaran global.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Beberapa peruntukan di dalam AUKU yang diguna pakai pada hari ini dilihat dan ditafsirkan oleh sesetengah pihak sebagai “*inconformity*” dengan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, tidak sesuai dengan hak-hak asasi manusia serta mengongkong pergerakan dan kebebasan pelajar dan akademik. Keadaan ini memerlukan satu pindakan kepada AUKU bagi memastikan bahawa semangat dan kehendak perlembagaan diterjemahkan berdasarkan keluhuran undang-undang. Malah, dalam melaksanakan gerak kerja AUKU, Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 telah meneliti idea dan saranan yang dikemukakan oleh NGO seperti SUHAKAM.

Demi memastikan kebajikan pelajar di universiti dipelihara dan dilindungi dengan sewajarnya oleh pihak universiti, suatu peruntukan berkaitan Jawatankuasa Aduan Pelajar diwujudkan di mana dianggotai oleh kakitangan akademik dan bukan akademik, Unit Audit Dalam serta badan pelajar.

Sehubungan itu, Kerajaan buat masa ini tidak merancang untuk meminda atau mengkaji semula mana-mana seksyen di bawah AUKU 1971 setelah pindaan pada tahun 2012.

### **(c) Cadangan Pemansuhan Akta Hasutan 1948 dan Penggubalan Akta Harmoni Negara**

*SUHAKAM mengalu-alukan cadangan Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan mengalu-alukan cadangan mewujudkan Akta Harmoni Negara. Adalah diharap bahawa Akta ini akan digubal secara telus dan rundingan dibuat dengan pihak-pihak berkepentingan. Berikutnya ini, SUHAKAM berharap untuk melibatkan diri dengan Jabatan Peguam Negara dan pihak berkepentingan yang lain termasuk masyarakat sivil, dalam penggubalan undang-undang baru untuk menangani isu tertentu dan memastikan bahawa peruntukannya adalah konsisten dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia sejagat.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan memberikan kebebasan sivil kepada rakyat Malaysia tetapi pada masa yang sama keselamatan negara tetap diutamakan. KDN, Jabatan Peguam Negara dan pihak-pihak lain akan bekerjasama dalam penggubalan undang-undang baru iaitu Akta Harmoni Negara bagi menggantikan Akta Hasutan 1948.

## **4. CADANGAN PINDAAN TERHADAP AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999 [AKTA 597]**

*SUHAKAM berpendapat bahawa Akta 597 perlu dikaji dengan lebih mendalam bagi mempertingkatkan keberkesanan SUHAKAM dan memperjelaskan peruntukan-peruntukan*

*yang samar serta memastikan Akta ini selari sepenuhnya dengan Prinsip-prinsip Paris. Peruntukan sedia ada menghendaki SUHAKAM memaklumkan kepada pihak berkuasa berkaitan sebelum sesuatu lawatan diadakan. Dalam usaha SUHAKAM memastikan penjara dan pusat-pusat tahanan mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia, adalah penting supaya SUHAKAM diberikan kuasa untuk melawat tempat-tempat tersebut tanpa memberi notis awal. Cadangan-cadangan ini telah diserahkan kepada pihak Kerajaan pada bulan Disember.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Berhubung dengan cadangan lawatan SUHAKAM secara mengejut tanpa notis pemakluman awal, Jabatan Penjara berpendapat adalah wajar notis awal/pemakluman awal diteruskan kerana:

- (i) sehingga kini Jabatan Penjara telah memberikan kerjasama sepenuhnya serta tidak pernah menghalang pihak SUHAKAM melawat dan memeriksa penjara serta berjumpa dengan setiap penghuni penjara yang diperlukan;
- (ii) penjara juga merupakan kawasan keselamatan dan notis awal membolehkan kawalan keselamatan yang sempurna dapat dilaksana semasa lawatan;
- (iii) tanpa sebarang notis awal memungkin penghuni atau pegawai penjara yang ingin ditemui tidak berada di penjara kerana urusan di mahkamah atau hospital atau lain-lain tempat yang diluluskan. Keadaan ini boleh menyebabkan lawatan, perjumpaan atau inkuiри tidak dapat dilaksana dengan sempurna; dan
- (iv) manakala bagi Depot Tahanan adalah suatu kawasan keselamatan yang diwartakan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan. Sesuatu lawatan yang hendak dilakukan oleh pihak luar perlulah dimaklumkan supaya kebenaran dapat diberikan selaras dengan SOP yang ditetapkan. Bagi menjamin keselamatan Ahli SUHAKAM sendiri, eloklah lawatan itu dimaklumkan supaya tindakan sewajarnya boleh diambil oleh pihak Depot.

## **II. BAHAGIAN PEMBANGUNAN DASAR**

### **1. HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN**

#### **(a) Kesan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) ke atas Hak Asasi Manusia di Malaysia**

##### **(i) Akses Kepada Ubat-Ubatan Yang Mampu Dibeli**

*Individu yang menghidap penyakit HIV+ berasa gusar kerana ubat-ubatan yang mampu menyelamatkan nyawa mereka mungkin tidak akan mampu dibeli sekiranya perjanjian*

ini dimeterai. Harga semasa ubat-ubatan yang dipatenkan di Malaysia sememangnya mahal-sehingga mencecah 1,044% lebih tinggi daripada ubat-ubatan generik- sekaligus meningkatkan kos perubatan bagi penyakit-penyakit tertentu. Pada tahun 2003, Kerajaan telah mengeluarkan lesen wajib untuk mengimport ubat-ubatan yang dipatenkan bagi jenis generik kepada pesakit HIV+. Kesannya telah menyebabkan penurunan sebanyak 81% kos rawatan bagi seorang pesakit untuk sebulan, menyebabkan lebih ramai pesakit yang boleh dirawat. Kini, Kerajaan menyediakan Terapi ARV secara percuma kepada wanita hamil dan kanak-kanak yang menghidap penyakit HIV+. Adalah dibimbangi peningkatan perlindungan harta intelek dan peruntukan-peruntukan berkaitan yang terdapat dalam perjanjian, mungkin akan memberikan kesan kepada kemampuan Kerajaan dalam menyediakan bantuan perubatan kepadan pesakit yang menghidap HIV+.

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan akses ubat-ubatan termasuk ubat-ubatan rawatan HIV di fasiliti KKM dan mengoptimakan rawatan pesakit melalui perolehan kerajaan yang cekap, kompetitif, *cost effective* dan *value for money*. Dalam pada itu, dasar perolehan kerajaan juga menyokong penggunaan ubat generik untuk memastikan lebih ramai pesakit dapat dirawat pada kos yang lebih rendah tanpa menjaskam kualiti perawatan. Selain itu, Dasar Ubat Nasional turut menyokong polisi berkaitan penggunaan ubat generik untuk meningkatkan akses pesakit kepada ubat yang mampu dibeli.

Kerajaan kini sedang berusaha ke arah pengawalan harga ubat-ubatan terutama ubat-ubat paten yang sememangnya mahal. Pemantauan harga ubat yang berterusan sedang dijalankan bagi memastikan harga ubat-ubatan di Malaysia adalah setanding dengan negara-negara di rantau ini. Sebagai contoh, rawatan terapi ARV- *first line* kini telah diperluaskan kepada semua pesakit HIV+ tidak tertakluk kepada wanita hamil dan kanak-kanak sahaja memandangkan kos rawatan telah dapat dikurangkan.

Kerajaan juga menerima permohonan untuk pendaftaran ubat-ubatan yang masih dibawah perlindungan paten dengan menggunakan *Bolar Provision* supaya rakyat dapat menggunakan produk generik sebaik sahaja tempoh paten tamat. Kerajaan akan terus memastikan bahawa Malaysia mengekalkan hak mengeluarkan lesen wajib (*compulsory licence*) dan kebebasan untuk menentukan sebab-sebab lesen diberikan seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 4 hingga 6 dalam Deklarasi DOHA. Pelesenan wajib adalah keadaan di mana Kerajaan membenarkan syarikat menghasilkan produk yang dipaten tanpa keizinan pemilik paten.

### **(ii) Perlindungan Harta Intelek**

*TPPA memerlukan Kerajaan untuk mengukuhkan perlindungan harta intelek dengan memanjangkan tempoh masa untuk proses paten dan hak cipta. Perlindungan paten yang dipanjangkan akan menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lebih lama untuk mendapatkan ubat-ubatan generik. Statistik pada Disember 2010 menunjukkan sebanyak 91,362 kes yang dilaporkan melibatkan jangkitan HIV+ dan 16,352 kes AIDS di Malaysia. Tanpa akses kepada ubat-ubatan generik, NGO berpendapat bahawa hak kepada kesihatan akan terjejas. Mereka juga risau lebih banyak ubat-ubatan baru akan dipatenkan.*

*TPPA memperkenalkan satu peruntukan mengenai data exclusivity sebagai satu bentuk halangan administratif kepada pemasaran ubat-ubatan generik. Perkara ini akan menghalang dan melambatkan pendaftaran ubat-ubatan dengan Kementerian Kesihatan (KKM), sebagai badan utama yang melakukan eksperimen klinikal dan juga pembuktian data ke atas keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan yang dipaten sama ada boleh digunakan atau tidak, termasuklah tempoh luput ubatan tersebut.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) masih di dalam proses rundingan dan isu yang dibimbangkan oleh SUHAKAM dan badan NGO yang lain berhubung perlindungan hak harta intelek bagi ubatan dan penjagaan kesihatan juga merupakan antara perkara utama yang diambil berat oleh Kerajaan semasa proses rundingan agar hak rakyat untuk mendapat kualiti kesihatan yang baik akan terus terjamin.

## **2. HAK PERUMAHAN WAJAR DAN MENCUKUPI**

*Pada 31 Julai, Bahagian Pembangunan Dasar telah mengadakan mesyuarat bersama agensi kerajaan dan pihak berkuasa negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak mengenai isu hak asasi perumahan wajar dan mencukupi. Matlamat mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:*

- (i) *untuk mendapatkan maklum balas mengenai aduan dan memorandum yang diterima berkenaan isu-isu perumahan oleh SUHAKAM daripada pelbagai pihak berkepentingan, termasuklah individu dan juga NGO;*
- (ii) *mendapatkan maklum balas mengenai surat SUHAKAM kepada pelbagai wakil Kerajaan pada 16 Januari, mengenai maklumbalas bertulis tentang laporan SUHAKAM yang telah diterbitkan pada tahun 2004 bertajuk Adequate Housing: A Human Right, A Report of SUHAKAM's Seminar on Human Rights Pertaining to Basic Needs.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberikan maklum balas terhadap Laporan SUHAKAM bertajuk *Adequate Housing : A Human Right* semasa mesyuarat pada 31 Julai 2012.

### **(a) Akses Kepada Perumahan Mampu Secara Pemilikan Atau Sewaan**

*SUHAKAM mengesyorkan kepada Kerajaan untuk:*

- (i) *mengenal pasti bidang penyelidikan dan pembangunan yang bersetujuan bagi mencari penyelesaian agar kos pembinaan adalah rendah tanpa menjaskankan kualiti pembinaan;*

- (ii) *merangka polisi yang membenarkan fleksibiliti dalam pembayaran balik pinjaman agar golongan miskin dapat memiliki rumah, serta melaksanakan kajian semula kadar faedah; dan*
- (iii) *mempertimbangkan penyelesaian alternatif seperti menyewakan unit rumah kos rendah kepada golongan miskin.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan melalui KPKT telah melaksanakan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) bagi kemudahan bantuan pinjaman wang kepada golongan berpendapatan rendah bagi membina rumah sendiri. Skim ini menawarkan pinjaman sehingga RM45,000 kepada golongan sasar berpendapatan di antara RM750 hingga RM2,500 sebulan yang mempunyai tanah persendirian atau tanah keluarga terdekat untuk membina rumah. Caj perkhidmatan sebanyak 2% dikenakan bagi keseluruhan pinjaman dengan tempoh bayaran balik selama 30 tahun. Kemudahan pinjaman dua generasi turut disediakan. Selain itu, beberapa program lain yang turut menyediakan kemudahan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah untuk memiliki atau membina rumah adalah seperti Program Bantuan Rumah oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

KPKT juga melaksanakan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Disewa bagi membantu golongan setinggan dan berpendapatan rendah untuk menyewa rumah. Kadar sewa adalah RM124 sebulan untuk seluruh negara. Kadar sewa tersebut amat rendah berbanding kos penyelenggaraan PPR dan kadar sewa bagi rumah-rumah lain di kawasan yang berhampiran.

### **(b) Kekurangan Unit Rumah Mampu Milik**

*SUHAKAM bersetuju dengan cadangan yang telah dikemukakan di bawah Dasar Perumahan Negara (DRN) bahwasanya peranan, dan kolaborasi di antara agensi yang terlibat dalam pembinaan dan pengagihan rumah-rumah mampu milik hendaklah diperkuatkan agar sistem penyampaian menjadi lebih efektif.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Selaras dengan Dasar Perumahan Negara (DRN), KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan penyediaan rumah mampu milik seperti berikut:

### **(i) Projek Perumahan Rakyat (PPR )**

Pelaksanaan PPR kepada golongan setinggan serta berpendapatan rendah (pendapatan isi rumah di bawah RM2,500) di seluruh negara dengan sasaran membina 39,000 unit rumah PPR di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Dalam Bajet 2013 sebanyak RM543 juta diperuntukkan bagi pembinaan sebanyak 20,454 unit PPR Disewa dan PPR Dimiliki di seluruh negara. Kos pembinaan

seunit PPR termasuk kemudahan-kemudahan lain adalah dalam lingkungan RM80,000 hingga RM120,000. Walau bagaimanapun, PPR dijual pada harga RM35,000 di Semenanjung dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak. PPR juga disewakan dengan kadar RM124 sebulan.

**(ii) Skim Pinjaman Perumahan (SPP)**

KPKT turut menyediakan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) kepada golongan berpendapatan rendah bagi membina rumah di atas tanah sendiri. Skim ini menawarkan pinjaman sebanyak RM45 ribu dengan mensasarkan golongan berpendapatan di antara RM750 hingga RM2,500 yang mempunyai tanah persendirian atau tanah keluarga terdekat untuk membina rumah. Caj perkhidmatan sebanyak 2% dikenakan bagi keseluruhan pinjaman dengan tempoh bayaran balik selama 30 tahun.

Selain PPR dan SPP yang dilaksanakan oleh KPKT, Kerajaan turut menyediakan rumah mampu milik seperti berikut:

**(i) Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)**

Kerajaan telah melancarkan PR1MA yang berkonsepkan *Public Private Partnership* (PPP) dengan objektif untuk memastikan golongan berpendapatan sederhana (pendapatan isi rumah di antara RM2,500 hingga RM7,500 sebulan) mampu memiliki rumah sendiri dengan harga berpatutan di antara RM100,000 sehingga RM400,000 bergantung pada lokasi. Harga jualan rumah PR1MA adalah lebih murah berbanding harga pasaran kerana pembinaan PR1MA adalah di atas tanah milik Kerajaan dengan usahasama pemaju swasta.

**(ii) Lain-lain**

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan beberapa program bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki rumah sendiri. Antaranya ialah pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) kepada golongan miskin oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) bagi membantu rakyat membeli rumah pertama mereka dengan mendapatkan pembiayaan 100%. Terkini, Kerajaan telah melancarkan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) bagi membantu penjawat awam untuk memiliki rumah sendiri.

YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah juga menukuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh beliau sendiri yang dianggotai oleh PR1MA, SPNB, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) JPN serta Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) untuk memantau pelaksanaan pembinaan rumah mampu milik supaya mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### (c) Sistem Pengagihan Rumah Kos Rendah Yang Tidak Efisien

*Pengagihan rumah kos rendah yang tidak efisien telah dikenal pasti sebagai salah satu sebab kegagalan kumpulan sasar tidak mendapat rumah mampu milik. Terdapat dakwaan bahawa permasalahan ini timbul akibat data senarai pembeli yang layak, yang diuruskan oleh Kerajaan, tidak dikemas kini. Dalam kes-kes tertentu, hanya 10-20% pembeli berpotensi yang tersenarai mendapat rumah kos rendah yang ditawarkan. Sebagai maklum balas, Kerajaan menekankan bahawa pemohon untuk rumah kos rendah adalah berdasarkan pendapatan bulanan mereka, iaitu kurang daripada RM2,500, dan juga melalui maklumat yang diperolehi daripada data sistem e-Kasih.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Pada masa kini, pemohon daripada golongan berpendapatan rendah dikehendaki berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) bagi memudahkan pengagihan bantuan dilaksanakan. Pemohon perlu memenuhi syarat pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500 sebulan. Keutamaan diberikan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan ibu tunggal.

SPT digunakan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengenal pasti pemohon-pemohon yang layak untuk mendapatkan bantuan yang telah ditetapkan mengikut kategori masing-masing dan mengelakkan seorang pemohon mendapat lebih daripada 1 unit rumah kos rendah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri, PBT atau agensi yang akan mengagihkan bantuan perlu membuat semakan mengenai ketepatan data yang telah dikemukakan oleh pemohon bagi memastikan bantuan hanya diberikan kepada golongan yang disasarkan.

### (d) Peraturan dan perundangan Negara

#### (i) Kelemahan Dalam Mekanisme Mengawal, Memantau Dan Penguatkuasaan

*Pembeli rumah menyatakan masalah seperti pembinaan rumah yang tidak bermutu, kegagalan membetulkan kerosakan dan kecacatan serta projek perumahan yang terbengkalai. SUHAKAM mencadangkan pengawalan yang efektif ke atas projek perumahan untuk memastikan rumah yang dibina adalah berkualiti dan melindungi hak pembeli.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

KPKT melalui JPN sentiasa melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi mewujudkan industri perumahan yang sihat terutamanya melibatkan pemaju perumahan agar kepentingan pembeli rumah dilindungi. Tindakan utama yang dilaksanakan oleh JPN adalah pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] seperti berikut:

- (i) mewujudkan peruntukan baru bagi membolehkan tindakan pendakwaan diambil ke atas pemaju yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai;

- (ii) meningkatkan jumlah deposit Lesen Pemajuan Perumahan daripada RM200,000 kepada 3% daripada kos pembinaan;
- (iii) membenarkan penamatan Surat Perjanjian Jual Beli (SPJB) dengan pemaju sekiranya tiada kemajuan kerja di tapak secara berterusan bagi tempoh 6 bulan atau lebih selepas SPJB ditandatangani;
- (iv) meluaskan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) untuk mendengar kes-kes yang melibatkan pemajuan perumahan tanpa lesen;
- (v) meningkatkan denda bagi kesalahan ingkar award yang dikeluarkan oleh TTPR daripada RM5,000 hingga RM10,000 kepada RM10,000 hingga RM50,000; dan
- (vi) meningkatkan denda bagi kesalahan berkaitan pelanggaran Peraturan-Peraturan di bawah Akta 118 daripada RM20,000 kepada RM50,000.

## **(ii) Sistem Polisi, Undang-Undang, Peraturan Dan Garis Panduan Yang Kompleks**

*Industri perumahan dikelilingi oleh pelbagai peraturan dan melibatkan bidang tugas pelbagai agensi. Keperluan mematuhi pelbagai undang-undang dan peraturan telah menyebabkan birokrasi dan berkemungkinan meningkatkan kos pembinaan rumah. Selain itu, kekurangan undang-undang dan peraturan yang standard mungkin mempengaruhi kualiti rumah yang dibina. SUHAKAM mengesyorkan agar Kerajaan mengkaji semula sistem-kawal tersebut agar ia lebih mudah. Dalam masa sama, kualiti rumah, keselamatan pekerja dan hak-hak pembeli hendaklah dilindungi oleh undang-undang.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Dasar kerajaan, peraturan dan garis panduan akan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa bagi membuat penambahbaikan untuk memastikan industri perumahan dapat dikawal dengan sempurna di samping menjaga kepentingan dan hak pembeli-pembeli rumah. Selain itu, Kerajaan telah melaksanaan Pusat Setempat (OSC) di PBT bagi mempercepat dan mempermudahkan proses mendapatkan kelulusan pemajuan di PBT yang sekaligus dapat membantu mengurangkan kos pemajuan.

## **(iii) Kekurangan Pengetahuan Mengenai Polisi Perumahan**

*SUHAKAM mencadangkan agar masyarakat awam diberikan maklumat mengenai hak kepada perumahan wajar dan mencukupi supaya dapat mempertahankan hak mereka dengan efektif. Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri, serta golongan masyarakat sivil, hendaklah mempertimbang untuk meningkatkan kempen kesedaran mengenai prosedur dan kriteria dalam membuat pembelian rumah kos rendah.*

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah menganjurkan beberapa program pendidikan dan promosi bagi meningkatkan kefahaman mengenai perumahan kepada masyarakat awam dan *industry players* seperti berikut:

- (i) Seminar Perumahan Kebangsaan – mensasarkan orang awam dan pelajar universiti dengan objektif memberi kesedaran mengenai hak-hak pembeli rumah;
- (ii) Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata – mensasarkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) bagi meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kepentingan pengurusan bangunan berstrata; dan
- (iii) Roadshow Pemajuan Perumahan – meningkatkan kefahaman pemaju perumahan swasta berkenaan tanggungjawab dan peranan sebagai pemaju perumahan.

### 3. ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG

#### (a) Taklimat Berkenaan US Trafficking in Persons (TIP) Report terhadap Malaysia

##### (i) Penyeludupan Buruh

*Walaupun terdapat peningkatan pendakwaan terhadap kes pemerdagangan seks, pendakwaan kes yang melibatkan buruh paksa masih lagi rendah. Jabatan Tenaga Kerja masih terlalu baru dalam bidang penyiasatan dan pendakwaan yang melibatkan kes buruh paksa. Adalah dimaklumkan, jabatan tersebut juga enggan menyiasat kes buruh paksaan sebagai kes penyeludupan manusia kerana ia biasanya mengambil masa yang lebih lama untuk diselesaikan. Terdapat juga keimbangan bahawa, walaupun rampasan pasport oleh majikan adalah menyalahi undang-undang, Kerajaan terus membenarkan amalan ini berlaku dengan sewenang-wenangnya.*

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Bagi menangani isu eksloitasi buruh, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah mengguna pakai peruntukan Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] termasuk kriteria yang dinyatakan oleh Konvensyen No.29 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Selain itu, JTK juga turut melakukan 3 jenis pemeriksaan iaitu pemeriksaan statutori, pemeriksaan berdasarkan aduan dan pemeriksaan ladang bagi memastikan kepatuhan kepada peraturan dan perundangan sedia ada mengenai perburuhan. Berkaitan isu rampasan pasport oleh majikan, Kerajaan telah mengambil langkah pencegahan dengan memastikan semua MoU yang ditandatangani dengan negara sumber berkaitan dengan pengambilan pekerja asing perlu dikemas kini dengan menggugurkan syarat majikan perlu menyimpan passport pekerja.

## (ii) Kekurangan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan

*Agensi penguatkuasaan undang-undang dilihat tidak beroperasi di bawah prosedur atau garis panduan yang jelas semasa berhadapan dengan kes pemerdagangan orang. Prosedur dalam mengenal pasti mangsa juga berbeza dari satu agensi dengan agensi yang lain. Sebagai contoh, Jabatan Sumber Manusia mengenal pasti seseorang sebagai mangsa pemerdagangan buruh jika dia tidak menerima gaji selama lebih daripada tiga bulan. SUHAKAM mencadangkan supaya garis panduan yang konsisten diguna pakai oleh semua agensi penguatkuasaan dalam menangani isu-isu pemerdagangan orang.*

*Terdapat sesetengah mangsa tidak bersedia untuk bekerjasama dengan pegawai penguatkuasa dalam memberikan keterangan terhadap pesalah kerana mereka membimbangkan keselamatan ahli keluarga sama ada di Malaysia atau di Negara asal mereka. Dalam kes-kes lain, mangsa enggan melaporkan kes-kes seperti pemerdagangan manusia untuk mengelak ditahan di tempat perlindungan Kerajaan.*

## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) telah mengeluarkan *Standard Operating Procedure (SOP)* Jawatankuasa Penguatkuasaan. SOP ini menggariskan semua prosedur berkaitan siasatan dan agensi penguatkuasaan di bawah MAPO adalah tertakluk kepadanya. Garis Panduan berkaitan Kerja atau Buruh Paksa Dalaman telah disediakan oleh Jabatan Peguam Negara dan antara lainnya menggariskan kes-kes yang perlu dimulakan siasatan atau diklasifikasikan di bawah Akta 670.

Kegagalan pembayaran gaji bukanlah satu-satunya indikator untuk suatu pertuduhan di bawah Akta 670 bagi kes-kes buruh paksa. Antara indikator lain adalah mangsa tidak diberikan keperluan asasi yang mencukupi, mangsa dipaksa bekerja/dipukul/diugut/dikurung dan tiada tempat tidur yang sesuai.

Bagi menangani situasi keengganan mangsa untuk memberikan kerjasama, pegawai penguat kuasa dan pendakwa raya menjalin kerjasama dengan pihak NGO terutamanya bagi aspek sokongan psikososial dan khidmat penterjemahan. Pendekatan ini banyak membantu mangsa dalam memberikan kerjasama yang diperlukan selain mengeluarkan mangsa daripada situasi trauma yang dihadapi.

Sekretariat MAPO telah membuat pemantauan bagi memastikan rakaman keterangan dapat disegerakan dan tidak melebihi tempoh 3 bulan terutamanya bagi mangsa bukan warganegara. Terdapat cadangan untuk memberikan insentif kepada mangsa yang bekerjasama dalam memberikan keterangan. Namun begitu, pelaksanaannya bergantung kepada pindaan Akta sedia ada.

## (iii) Peranan MAPO

*Telah diperhatikan bahawa hanya terdapat beberapa rujukan mengenai MAPO dan fungsinya dalam laporan TIP Amerika Syarikat. Ini kerana laporan itu menggambarkan usaha*

*keseluruhan Kerajaan dalam memerangi penyeludupan dan tidak memfokuskan kepada agensi-agensi individu. Telah dipersetujui bahawa MAPO perlu mengambil inisiatif untuk menangani isu-isu kerana ia adalah sebuah badan penyelaras antara agensi yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian dan agensi-agensi yang diamanahkan untuk berhadapan dengan isu-isu pemerdagangan. SUHAKAM dimaklumkan bahawa cadangan telah dibuat kepada MAPO untuk berkembang menjadi badan penyelaras yang lebih kuat dan responsif.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) merupakan badan penyelaras antara agensi dan bertanggungjawab untuk menerajui segala usaha Kerajaan dalam menggubal polisi, mencegah jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, memberi perlindungan dan pemulihan kepada mangsa pemerdagangan orang serta menguatkuaskan Akta 670. Sekretariat MAPO berperanan untuk menyelaraskan segala keputusan dasar yang dipersetujui oleh Majlis termasuk memantau pelaksanaan program dan aktiviti Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Majlis. Dalam hal ini, Sekretariat MAPO telah menyediakan Pelan Tindakan 2012-2013 dan 2013-2014 sebagai indikator pencapaian program dan aktiviti selaras dengan Pelan Tindakan Nasional 2010-2015 dalam membanteras jenayah rentas sempadan.

Selain itu, Jabatan Audit Negara (JAN) juga telah melakukan auditan ke atas program-program MAPO sejak 2008-2012. Susulan daripada Laporan Audit tersebut, MAPO akan mengambil tindakan susulan kepada cadangan dan teguran di dalam laporan berkenaan.

### **(iv) Perlindungan Mangsa**

*Tiada peningkatan ketara terhadap keadaan di pusat perlindungan mangsa. Kebanyakan mangsa tinggal selama 3 hingga 6 bulan, walaupun sesetengahnya telah berada di tempat perlindungan selama lebih daripada setahun. Kerajaan menyediakan kaunseling yang terhad kepada mangsa serta mereka mempunyai akses yang terhad kepada bantuan perundangan atau psikologi terutama yang disediakan oleh NGO.*

*SUHAKAM telah menyatakan bahawa Kerajaan perlu memperbaiki keadaan di pusat perlindungan dan seharusnya mampu mengendalikan keadaan ini kerana bilangan mangsa adalah kecil. Kerajaan boleh membenarkan mangsa pemerdagangan untuk bekerja sementara berikut perintah perlindungan mereka telah tamat tempoh.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan kepada mangsa-mangsa agar selaras dengan amalan dan standard antarabangsa. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah bekerjasama dengan *International Organization for Migration* (IOM) bagi penambahbaikan kepada pengurusan Rumah Perlindungan serta pengurusan kes. Selain itu, *Coalition for Anti-Modern Slavery in Asia* (CAMSA) turut menawarkan perkhidmatan pengurusan kes (*case management*) termasuk khidmat penterjemah bagi mangsa warga Vietnam dan Cambodia. Sekretariat

MAPO memantau keberadaan mangsa di Rumah Perlindungan bagi memastikan tiada kes yang melebihi tempoh lebih 3 bulan bagi mangsa-mangsa pemerdagangan orang yang bukan warganegara.

Kerajaan telah membuat pengumuman mengenai polisi kebenaran bekerja kepada mangsa pemerdagangan buruh yang telah tamat tempoh Perintah Perlindungan Tetap (PO) pada 12 Januari 2012. Susulan daripada pengumuman tersebut, 32 mangsa warga Bangladesh telah dibenarkan bekerja pada 7 Mac 2012. Manakala pada 14 Januari 2013, 5 orang warganegara India turut diberikan kebenaran untuk bekerja.

#### **4. HAK ASASI ORANG ASAL/ASLI**

##### **(a) Perbincangan Meja Bulat (PMB) Mengenai Sistem Perundangan Orang Asal/Asli**

*Majlis Peguam mencadangkan agar Kerajaan atau agensi-agensi yang berurusan dengan hal ehwal yang berkaitan dengan Orang Asli harus mengadakan perbincangan dengan masyarakat dan bukan hanya bersama batin. Perbincangan haruslah menegakkan prinsip persetujuan awal, bebas dan dimaklumkan terlebih dahulu. Majlis Peguam juga mencadangkan, selain daripada Mahkamah Anak Negeri, tribunal perlu ditubuhkan untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian. Orang Asal/Asli yang pakar dan mahir mengenai adat masyarakat Orang Asli harus berkhidmat sebagai hakim dan peguam, sebagai mana diperuntukkan oleh Artikel 27 Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Orang Asal/Asli (UNDRIP).*

*SUHAKAM turut mencadangkan supaya undang-undang yang digubal perlu menggabungkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam UNDRIP demi untuk memperkasakan masyarakat Orang Asli. Malah Orang Asli dan wakil-wakil NGO menegaskan bahawa Mahkamah Orang Asli perlu diwujudkan seperti mana di Sabah dan Sarawak.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa mengadakan perbincangan serta konsultasi dengan masyarakat orang asli dalam apa-apa jua perkara yang menyentuh kehidupan mereka, termasuklah dasar dan program semasa Kerajaan yang akan dilaksanakan. Manakala penglibatan wakil atau peserta yang dijemput hadir adalah terdiri daripada tokoh orang asli berjaya seperti ahli akademik, usahawan, pemimpin politik serta NGO orang asli, pemimpin masyarakat yang berwibawa termasuklah JKKK serta Batin/Penghulu orang asli.

Berhubung cadangan penubuhan tribunal untuk orang asli, perkara ini masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan dan berkepentingan termasuk masyarakat orang asli sendiri.

### III. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA

#### 1. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

*Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan keputusan Kerajaan untuk membangunkan sebuah NHRAP. SUHAKAM berharap agar NHRAP yang dibangunkan merupakan sesuatu yang berwawasan dan praktikal. Walaupun bagaimanapun, SUHAKAM berasa bimbang atas kadar pembangunan NHRAP yang kurang memberangsangkan dan berharap agar pembangunan NHRAP akan menjadi satu keutamaan bagi Kerajaan.*

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (National Human Rights Action Plan-NHRAP) merupakan satu usaha jangka panjang Kerajaan dalam pemeliharaan hak-hak asasi manusia dengan memastikan elemen-elemen hak asasi manusia diserapkan dalam dasar-dasar Kerajaan sedia ada, dasar-dasar baru serta pelaksanaan program/aktiviti di sektor Kerajaan dan bukan Kerajaan. NHRAP akan memberi fokus kepada 5 teras iaitu hak sivil dan berpolitik, hak ekonomi, sosial, agama dan kebudayaan, hak golongan rentan, hak orang asal dan orang asli serta kewajipan antarabangsa.

Pembangunan NHRAP merangkumi 5 fasa, iaitu Persediaan, Pembangunan, Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian. Beberapa usaha dalam membangunkan NHRAP bagi Malaysia telah dilaksanakan. Antaranya penganjuran seminar yang melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan dan wakil-wakil daripada badan-badan bukan Kerajaan dengan menjemput penceramah-penceramah daripada *Office of the High Commissioners for Human Rights* (OHCHR) yang berpengkalan di Bangkok dan ahli akademik dari Filipina.

Selain daripada itu, kajian-kajian terhadap akta atau undang-undang dalam negara yang berkaitan hak asasi manusia juga telah dilaksanakan melalui geran penyelidikan Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang (JPUUM). Hasil kajian yang merangkumi 5 teras NHRAP ini akan menjadi sebahagian daripada kajian dasar (baseline study) NHRAP. Sebuah Jawatankuasa Pemandu juga ditubuhkan bagi menetapkan hala tuju, merancang dan memantau proses pembangunan NHRAP. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Agensi yang berkaitan serta ahli-ahli akademik yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang hak asasi manusia.


Usaha pembangunan NHRAP adalah merupakan usaha yang berpanjangan dan melibatkan pelbagai pihak. Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam pembangunan NHRAP agar sebuah NHRAP yang bersesuaian dan praktikal dapat dibangunkan.



---

**BAB** 4

**LAPORAN  
PEJABAT SABAH**



## LAPORAN PEJABAT SABAH

---

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	<b>TINDAKAN TERHADAP ADUAN</b>	75
	(a) Hal-hal Tanah	75
	(b) Isu Dokumentasi	79
	(c) Penggunaan Kekerasan Polis	80
	(d) Isu Pekerjaan	80
	(e) Isu Imigresen	81
2.	<b>PERBINCANGAN MEJA BULAT MENGENAI HAK WANITA</b>	81

---

## BAB 4

### LAPORAN PEJABAT SABAH

#### 1. TINDAKAN TERHADAP ADUAN

##### (a) Hal-hal Tanah

*Masyarakat Orang Asal tidak berpuas hati dengan tindakan Pejabat Tanah di atas kelewatan memproses permohonan untuk memiliki tanah. Segelintir daripada mereka menyatakan bahawa mereka tidak menerima sebarang jawapan daripada Pejabat Tanah tetapi kemudiannya mendapat tahu bahawa tanah tersebut telah diberi hakmilik kepada pihak lain, biasanya kepada syarikat-syarikat swasta. Pejabat Tanah turut didakwa tidak konsisten dalam memproses permohonan dan pemberi milikan tanah. Pengadu seterusnya mendakwa mereka tidak dimaklumkan mahupun dibawa berunding mengenai pembangunan yang melibatkan tanah adat Orang Asal.*

1. *Pejabat Tanah hendaklah memproses permohonan tanah secepat mungkin berdasarkan dasar ‘siapa cepat, dia dapat’ untuk mengelakkan berlakunya permohonan yang bertindih.*
2. *Satu kajian lapangan yang melibatkan pemohon tanah dan ketua kampung perlu dijalankan untuk mengenal pasti tanah adat Orang Asal.*
3. *Pejabat Tanah perlu membangunkan satu mekanisme yang cekap dalam memaklumkan pemohon dengan segera mengenai status permohonan agar tidak dibiarkan menunggu lama.*
4. *Kerajaan perlu mengeluarkan garis panduan yang mewajibkan persetujuan bebas, awal dan dimaklumkan dalam setiap rundingan awal yang diadakan sebelum menjalankan sebarang pembangunan tanah dalam usaha untuk melindungi hak Orang Asal.*

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sejak 2008 sehingga 2010, Jabatan Tanah dan Ukur Sabah telah memproses sebanyak 30,740 permohonan tanah (PT) dan berjaya disokong untuk kelulusan oleh Jawatankuasa Penggunaan Tanah daerah ialah sebanyak 11,189. Dari jumlah permohonan tanah yang disokong, 90% adalah permohonan tanah iaitu permohonan tanah orang asal (Anak Negeri Sabah).

Untuk mempercepatkan proses permohonan tanah, Jabatan Tanah dan Ukur telah membuat penambahbaikan melalui 2 pendekatan baru seperti berikut:

- (i) memendekkan prosedur pemerosesan permohonan tanah oleh orang asal (Anak Negeri Sabah) daripada 7 ulasan teknikal yang diperlukan kepada hanya 1 ulasan teknikal. Prosedur baru ini berkuatkuasa pada Januari 2010; dan

- (ii) membenarkan kerja lebih masa oleh kakitangan yang terlibat dengan proses permohonan tanah untuk menampung kekurangan kakitangan bermula Januari 2012 seperti jadual berikut:
  - (a) hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 5.00 petang hingga 7.00 malam; dan
  - (b) hari Sabtu dan Ahad bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Pendekatan tersebut telah memberi impak kepada jumlah permohonan tanah yang diproses sejak 2011 hingga Julai 2013. Jumlah keseluruhan permohonan tanah yang dapat diproses adalah sebanyak 113,808 dan berjaya disokong untuk kelulusan oleh Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah sebanyak 32,401. Daripada jumlah tanah yang disokong, 90% adalah permohonan tanah iaitu permohonan tanah orang asal (Anak Negeri Sabah).

Selain daripada pendekatan tersebut, Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Kewangan telah dan sedang memproses kelulusan dari semasa ke semasa pelantikan kakitangan baru untuk Jabatan Tanah dan Ukur bagi mengatasi kekurangan kakitangan di Pejabat Tanah Daerah.

Diharapkan dengan pendekatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah, isu kelewatan memproses permohonan tanah dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Sehingga Disember 2012, sebanyak 355,564 geran hak milik telah dikeluarkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 192,438 hak milik *Native Title* dengan kluasan 550,988 hektar telah dikeluarkan kepada orang asal (Anak Negeri Sabah). Jumlah tersebut merupakan 54% daripada keseluruhan jumlah geran hak milik yang telah dikeluarkan.

Untuk makluman, pemberimilikan tanah melalui proses permohonan tanah adalah salah satu daripada 7 kaedah untuk memelihara dan melindungi kepentingan orang asal (Anak Negeri Sabah) ke atas hak tanah adat dan pemilikan tanah di bawah Ordinan Tanah Sabah. 7 kaedah berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) pemilikan tanah melalui tuntutan hak tanah adat anak Negeri (NCR) oleh Anak Negeri Sabah di bawah Seksyen 13 hingga 16 dengan mengambilkira seksyen 5, 6(1), 65 dan 88 Ordinan Tanah Sabah;
- (ii) pemberimilikan tanah kepada Anak Negeri Sabah melalui proses permohonan tanah (PT) di bawah seksyen 9(1) Ordinan Tanah Sabah (direct alienation);
- (iii) pemberimilikan tanah melalui Geran Komunal di bawah pindaan seksyen 76 Ordinan Tanah Sabah;
- (iv) perizaban tanah simpanan Anak Negeri Sabah melalui perwartaan di bawah seksyen 78 Ordinan Tanah Sabah;
- (v) mengenakan syarat 30% atau 49% ekuiti untuk Anak Negeri Sabah dalam

pemberimilikan tanah pajakan pertanian melebihi 1,000 ekar di bawah seksyen 9(1) Ordinan Tanah Sabah;

- (vi) pemberimilikan tanah di bawah seksyen 9(1) Ordinan Tanah Sabah melalui pembangunan tanah ladang secara perkongsian pintar di antara Anak Negeri Sabah dengan agensi Kerajaan; dan
- (vii) perisytiharan tanah kerajaan di bawah seksyen 80 hingga seksyen 85 Ordinan Tanah Sabah Untuk penyelesaian tuntutan hak tanah adat oleh Anak Negeri Sabah (Proclamation of Settlement) untuk makluman, jumlah keluasan tanah kerajaan yang telah diperuntukkan kepada Anak Negeri Sabah melalui 7 kaedah tersebut sama ada dalam bentuk hakmilik tanah Native Title ekuiti dan pewartaan adalah seluas 890,626.5 hektar atau 45% daripada keseluruhan keluasan tanah Kerajaan yang telah diberimilik di negeri Sabah.

Mengikut amalan Jabatan Tanah dan Ukur, pemohon tanah hanya akan dimaklumkan oleh Pejabat Tanah apabila suatu permohonan tanah telah diluluskan atau ditolak.

Walau bagaimanapun, sejak tahun 2008 Jabatan Tanah dan Ukur Sabah telah mewujudkan Kaunter Pusat Berkomputer di Ibu Pejabat untuk pengurusan pelanggan. Perkhidmatan yang boleh diperolehi antara lainnya adalah maklumat seperti berikut:

- (i) maklumat Bahagian Tanah yang antara lainnya melibatkan status permohonan dan kelulusan permohonan tanah;
- (ii) maklumat Bahagian Ukur yang antara lainnya melibatkan maklumat berkaitan dengan pengukuran hak milik tanah; dan
- (iii) maklumat berkaitan dengan pengeluaran geran tanah.

Sejak Kaunter Pusat Berkomputer dilaksanakan pada tahun 2008 sehingga 9 Oktober 2013, seramai 27,540 pelanggan telah berurusan dengan kaunter tersebut. Jabatan sedang dalam perancangan untuk memanjangkan perkhidmatan tersebut ke Pejabat-Pejabat Tanah Daerah secara berperingkat agar masalah yang dihadapi oleh pemohon tanah berkaitan dengan maklumat permohonan tanah dapat diakses di Pejabat Tanah Daerah yang berkenaan.

Prosedur memproses permohonan tanah yang dilaksanakan di Negeri Sabah adalah konsisten seperti mana yang diperuntukkan di bawah Bab 68 Ordinan Tanah Sabah. Prosedur tersebut telah dipanjangkan ke Pejabat Tanah Daerah melalui pewartaan, surat pekeliling dan garis panduan melalui Arahan Pentadbiran Tanah kepada Pegawai-Pegawai Tadbir Tanah di Ibu Pejabat dan di daerah.

Semua permohonan tanah yang telah diproses dengan lengkap dan teratur akan dibentangkan dan dibincangkan secara telus melalui Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah sebelum perakuan permohonan tanah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Ukur. Semua permohonan tanah yang disokong dan dimajukan ke Ibu Pejabat akan diproses sekali lagi melalui Jawatankuasa Penapisan Permohonan Tanah untuk memastikan semua

prosedur yang telah ditetapkan dipatuhi sepenuhnya sebelum permohonan tanah diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Ukur atau diperakukan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan YAB Ketua Menteri atau Kabinet Negeri mengikut bidang kuasa masing-masing di bawah Seksyen 9(1) Ordinan Tanah Sabah.

Prosedur pemberimilikan tanah akan dibincangkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Teknikal Tanah untuk dinilai dari segi keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Dengan ini soal tidak konsisten dalam memproses permohonan tanah tidak timbul.

Terdapat 2 kaedah yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan tanah pertanian secara usaha sama di antara orang asal (Anak Negeri Sabah) dengan agensi Kerajaan di luar bandar seperti berikut:

- (i) pemberimilikan tanah kepada agensi Kerajaan melalui seksyen 9(1) Ordinan Tanah Sabah untuk pembangunan tanah pertanian melalui usaha sama di antara agensi Kerajaan dan orang asal (Anak Negeri Sabah) in-situ.Tawaran pemberimilikan tanah kepada agensi Kerajaan akan hanya diluluskan oleh Kabinet Negeri Sabah sekiranya orang asal (Anak Negeri Sabah) in-situ telah bersetuju dengan perancangan pembangunan tanah pertanian tersebut melalui surat perjanjian yang telah dimeterai oleh kedua-dua pihak yang terlibat; dan
- (ii) pembangunan tanah pertanian secara usaha sama di antara agensi Kerajaan atau Swasta dengan benefisiari geran komunal.

Cadangan untuk membangunkan tanah pertanian secara usaha sama di antara agensi Kerajaan atau Swasta dengan benefisiari geran komunal akan hanya diluluskan oleh YAB Ketua Menteri Sabah sekiranya benefisiari (orang asal) telah bersetuju melalui surat perjanjian yang dimeterai oleh kedua-dua pihak yang terlibat.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, cadangan pembangunan tanah secara usahasama telah melibatkan orang asal (Anak Negeri Sabah) in-situ atau benefisiari geran komunal.

Pertindihan permohonan tanah akibat dari dasar terbuka bukan merupakan suatu isu tetapi merupakan satu dasar yang memberi peluang kepada rakyat Malaysia khasnya yang berasal dari Sabah untuk mendaftar keinginan mereka memiliki tanah. Dasar terbuka tersebut telah juga membolehkan Kerajaan Negeri mempunyai pilihan yang lebih banyak untuk memberi kelulusan kepada pemohon-pemohon tanah yang layak sesuai dengan dasar pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri masa kini.

Walau bagaimanapun, permohonan tanah oleh orang asal (Anak Negeri Sabah) diberikan keutamaan untuk diproses dan dipertimbangkan sesuai dengan peruntukkan di bawah Seksyen 7D (1) Ordinan Tanah Sabah dan dasar pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri masa kini. Kecekapan untuk memproses adalah tertakluk kepada kapasiti Jabatan Tanah dan Ukur dalam memproses permohonan tanah.

Jabatan Tanah dan Ukur telah menubuhkan Unit Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah (PANTAS) pada Januari 2011 dengan tujuan seperti berikut:

- (i) untuk merakyatkan perkhidmatan Jabatan Tanah dan Ukur dengan menubuhkan satu pasukan kerja yang bergerak dari satu kawasan ke satu kawasan di seluruh daerah terutama di kawasan pedalaman;
- (ii) untuk menyampaikan perkhidmatan berkaitan dengan proses kelulusan permohonan tanah dan penyediaan geran tanah, urus niaga tanah dan tuntutan hak tanah adat; dan
- (iii) untuk menyebarkan informasi dengan lebih teratur dan tepat mengenai dasar terbaru Kerajaan yang berkaitan dengan tadbir urus tanah Anak Negeri.

Projek perintis Unit PANTAS telah diadakan di daerah Beluran pada 5 November 2011 untuk menyelesaikan isu tuntutan hak tanah adat sebanyak 161 kes di Kg. Nangoh dan Kg. Taviu serta menyelesaikan kelulusan permohonan tanah sebanyak 445 lot. Isu tuntutan hak tanah adat yang melibatkan 161 penuntut dan kelulusan permohonan tanah sebanyak 284 telah diselesaikan pada Mac 2013. Geran tanah untuk hak tanah adat dan permohonan tanah telah disampaikan oleh YAB Ketua Menteri pada 29 April 2013 di Dewan Telupid. Projek perintis perkhidmatan PANTAS telah diperluaskan ke daerah-daerah yang terdapat isu-isu permohonan tanah dan tuntutan hak tanah adat oleh orang asal (Anak Negeri Sabah).

Jabatan Tanah dan Ukur telah melancarkan “Facebook” Jabatan Tanah dan Ukur Sabah pada 1 Oktober 2013 untuk tujuan mendekatkan diri Jabatan dengan orang awam.

### **(b) Isu Dokumentasi**

*Kebanyakan aduan tertumpu kepada kelewatan JPN dalam memproses dokumen pengenalan, terutamanya yang melibatkan pendatang yang berkahwin dengan rakyat tempatan, kanak-kanak daripada ibu atau ayah yang merupakan pendatang dan Orang Asal yang tinggal di kawasan pedalaman. Ketiadaan dokumen pengenalan diri telah membawa kepada pelbagai masalah kepada pengadu seperti kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan mahupun mendaftarkan anak-anak di sekolah. Kanak-kanak tidak boleh mendapat kemudahan kepada pendidikan formal tanpa adanya sijil kelahiran.*

### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan amat prihatin berkaitan isu kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Seksyen 7 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian menyatakan bahawa setiap kanak-kanak yang lahir di Malaysia hendaklah didaftarkan kelahirannya sama ada warganegara mahupun bukan warganegara. Dalam memproses dan mengeluarkan sijil kelahiran yang sah kepada kanak-kanak terutamanya bagi kes salah seorang ibubapa adalah warganegara asing, perlu dipastikan bahawa kanak-kanak daripada pasangan warga asing ini benar-benar lahir di Malaysia.

Selain itu, dokumen pernikahan ibubapa yang sah diperlukan bagi menentukan taraf kewarganegaraan kanak-kanak di dalam sijil kelahirannya. Sekiranya ibubapa atau pemohon dapat mengemukakan semua dokumen bukti kelahiran beserta dokumen perkahwinan yang sah, permohonan tersebut akan diproses dengan segera. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, ibubapa daripada pasangan warga asing ini selalunya gagal mengemukakan dokumen yang lengkap semasa membuat permohonan daftar lewat kelahiran yang telah menyebabkan permohonan tersebut terpaksa ditangguhkan sehingga dokumen yang diperlukan lengkap sebelum keputusan dibuat dan sijil kelahiran dikeluarkan.

#### **(c) Penggunaan Kekerasan Polis**

*Terdapat aduan penggunaan kekerasan polis ketika individu berada dalam tahanan termasuklah kes seorang wanita yang mendakwa dipukul. Anggota polis tersebut didakwa turut mengugut beliau dengan menggunakan kekerasan agar suspek dipaksa untuk mengaku salah.*

*Apabila SUHAKAM meminta maklum balas daripada pihak polis mengenai kes tersebut, SUHAKAM dimaklumkan bahawa pihak polis sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard. Namun demikian, SUHAKAM menyeru agar siasatan rasmi dibuat ke atas aduan yang melibatkan penggunaan kekerasan. SUHAKAM turut berharap agar diberikan kuasa di sisi undang-undang untuk menjalankan lawatan mengejut ke pusat tahanan sebagai satu cara bagi membendung sebarang kejadian sedemikian.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Berkaitan kes yang dinyatakan di atas, adalah sukar bagi pihak Kerajaan untuk mengambil tindakan lanjut kerana tiada nombor repot, maklumat balai di mana pengaduan dibuat dan nama pengadu dikemukakan. Sekiranya berkehendakkan tindakan segera daripada pihak Kerajaan khususnya PDRM, maklumat tepat amat diperlukan bagi mengesan kes tersebut. Berkenaan cadangan supaya SUHAKAM diberi kuasa menjalankan lawatan mengejut ke pusat tahanan, ia merupakan soal dasar yang masih belum diputuskan.

#### **(d) Isu Pekerjaan**

*Kebanyakkan pengadu mendakwa majikan mereka gagal membayar atau menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Pejabat Sabah telah mengemukakan aduan-aduan tersebut kepada Jabatan Tenaga Kerja untuk tindakan selanjutnya.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Bagi majikan yang gagal mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pekerja perlu membuat aduan terus kepada pihak KWSP di pejabat KWSP yang berhampiran.

### (e) Isu Imigresen

Semakin ramai migran terus mendapatkan bantuan SUHAKAM berhubung isu imigresen dan kes ini telah dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk perhatian selanjutnya. Aduan yang sering diterima adalah berkaitan migran yang ditahan walaupun mereka memegang surat pengenalan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Menteri. SUHAKAM menyeru agar pendekatan yang lebih sistematik dan telus diguna pakai oleh agensi-agensi Kerajaan dan Jabatan Imigresen dalam mendokumentasikan pendatang haram di Sabah.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pejabat Ketua Menteri Sabah sentiasa mencari kaedah dan pendekatan yang lebih baik untuk mendokumentasikan pendatang haram ke Sabah. Antara kaedah yang digunakan adalah mengeluarkan Resit Pengenalan Sementara (dikenali juga sebagai kad Burung-Burung) oleh Jabatan Ketua Menteri di sekitar tahun 1983 dan 1984 untuk merekod kumpulan orang-orang pelarian dari Filipina pada masa berkenaan. Kemudian daripada itu, pihak Kerajaan telah bersetuju untuk menukar dan mengemas kini dokumen Resit Pengenalan Sementara tersebut kepada kad IMM13 sebagai satu dokumen rujukan yang sah dan diguna pakai sehingga kini.

## 2. PERBINCANGAN MEJA BULAT MENGENAI HAK WANITA

Satu Perbincangan Meja Bulat Mengenai Hak Wanita telah diadakan pada 5 Julai dan telah menarik penyertaan daripada agensi kerajaan dan pertubuhan NGO wanita di Sabah. Para peserta yang hadir turut mengetengahkan isu-isu seperti:

- diskriminasi yang dihadapi oleh wanita;
- dasar dan undang-undang yang melibatkan kes-kes keganasan ke atas wanita;
- penyalahgunaan alkohol sebagai salah satu punca keganasan ke atas wanita;
- tindakan dan siasatan polis ke atas laporan yang dibuat oleh wanita; dan
- sokongan bantuan untuk wanita miskin.

### Syor – Syor SUHAKAM

2. Anggota polis perlu dilatih untuk menjadi lebih sensitif dan menghormati dalam mengendalikan laporan yang dibuat oleh seseorang wanita, khususnya kes yang melibatkan rogol dan keganasan rumah tangga. Satu unit khas perlu ditubuhkan bagi menyiasat kes-kes tersebut yang bertujuan untuk mengurangkan birokrasi dan kelewatan bagi melindungi pengadu. Di samping itu, siasatan juga perlu berdasarkan kepada prosedur yang jelas dan konsisten.

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Atas keprihatinan dan sensitiviti terhadap kaum wanita dan kanak-kanak, Kerajaan telah menubuhkan Bahagian Siasatan Seksual dan Penderaan Kanak-kanak (D11) di PDRM untuk menyiasat serta mengendalikan kes-kes yang berkaitan keganasan rumah tangga,

kes-kes seksual dan penderaan kanak-kanak serta penderaan pembantu rumah. PDRM mengendalikan kursus penyiasatan seksual dan keganasan rumah tangga di Maktab PDRM Kuala Lumpur dan di Maktab Kuala Kubu Bahru bagi Pegawai Penyiasat dan Penolong Pegawai Penyiasat. Dalam modul tersebut peserta telah didedahkan dengan hak-hak wanita dan CEDAW.

Di bawah NKRA 1.0, PDRM telah mewujudkan perkhidmatan Triaj dan bilik Triaj di balai-balai polis di negeri *Hot Spot* bagi memberi perkhidmatan yang lebih mesra dan kondusif kepada mangsa khususnya kes rogol, keganasan rumahtangga, wanita hamil, OKU dan warga tua. Semua kes berkaitan rogol dan keganasan rumahtangga serta penderaan kanak-kanak disiasat berlandaskan prosedur dan peruntukan undang-undang. Selain itu, tatacara mengendalikan kes seksual, penganiayaan kanak-kanak dan keganasan rumahtangga yang dilaksanakan oleh D11 telah dianugerahkan Sijil MS ISO 9001:2000 PDRM sejak tahun 2008.

3. *Kerajaan perlu mewujudkan sistem yang lebih berkesan dalam merekrut wanita ke dalam sektor perkhidmatan awam berdasarkan kepada merit atau kuota yang membolehkan mereka melibatkan diri dalam peringkat pentadbiran tertinggi. Kerajaan juga perlu menggalakkan penyertaan wanita dalam proses membuat keputusan mengenai dasar dan undang-undang negara.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Semenjak Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Ogos 2004 untuk sektor awam, pelbagai usaha telah dijalankan untuk memastikan penglibatan wanita yang aktif dalam proses membuat keputusan. Pelaksanaan dasar ini juga telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan yang mana pada masa ini, wanita juga menyandang jawatan-jawatan tinggi dan penting yang sebelum ini hanya disandang oleh golongan lelaki.

Dasar ini telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan bila mana bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) telah meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 25.2% pada tahun 2006 dan terus melonjak kepada 31.7% pada penghujung 2012.

Penekanan dalam pembangunan golongan wanita juga telah diambil kira di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Model Ekonomi Baru (MEB) apabila salah satu fokus yang dikenal pasti di bawah Pembangunan Modal Insan, *Strategic Reform Initiatives* (SRIs) adalah *Leverage Women's Talents to Raise Productivity*. Pelbagai inisiatif juga telah diperkenalkan untuk meningkatkan penyertaan wanita dan mengekalkan mereka dalam pasaran tenaga buruh.

4. *Agensi Kerajaan dan NGO perlu bekerjasama dalam mendidik wanita mengenai hak mereka terutamanya wanita dari komuniti terpinggir, dengan menjalankan program-program yang menarik yang boleh membantu mereka. Komuniti sekolah*

*juga perlu menyediakan ruang untuk mendidik anak-anak dan remaja mengenai konsep seks, jantina dan juga bagi mencabar pemikiran yang stereotaip.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan telah menyediakan Geran Bantuan Khas Perbendaharaan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memperkasakan wanita dan membolehkan program pembangunan wanita dilaksanakan di peringkat akar umbi. Pada tahun 2012, sebanyak RM2.87juta telah diberikan kepada 39 pihak NGO wanita untuk melaksanakan program masing-masing. Antara tumpuan program berkenaan adalah seperti literasi undang-undang, latihan dan peningkatan kemahiran, kepekaan gender, teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan emosi.

Di bawah RMK-10, Jabatan Pembangunan Wanita juga telah melaksanakan beberapa program ke atas golongan wanita, lelaki, belia wanita dan lelaki, pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), Pertubuhan Bukan Kerajaan, ahli-ahli Komuniti Perwani, pemimpin masyarakat dan individu yang berminat seperti:

- (i) Program Wanita Anti Jenayah (WAJA);
  - (ii) Program Literasi Undang-Undang (LUU);
  - (iii) Program Kesejahteraan Emosi (*Bridge to a Better Life*);
  - (iv) Roadshow Akta Keganasan Rumahtangga (Pindaan) 2012; dan
  - (v) Persidangan Kebangsaan Intervensi Krisis dan Trauma.
5. *Sektor swasta juga harus mengambil inisiatif dengan mengadakan kursus keusahawanan dan program pembangunan kerjaya kepada wanita agar mereka boleh dilatih menjadi ketua perniagaan dan pengurus atasan. Ini dapat meningkatkan kesaksamaan gender dalam sektor korporat, mengurangkan jurang kemiskinan dan memperluaskan lagi sumber manusia melalui sumbangan wanita.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Susulan daripada pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30% Penyertaan Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Korporat oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011, pelbagai pendekatan secara persuasif (persuasive approach) telah diambil untuk mencapai sasaran tersebut di mana semua pihak yang terlibat perlu memainkan peranan yang lebih berkesan bagi memastikan golongan wanita yang berpotensi dicalonkan sebagai ahli lembaga pengarah syarikat.

KPWKM melalui agensinya iaitu *NAM Institute for the Empowerment of Women* (NIEW) juga telah melaksanakan Program Pengarah Wanita dari tahun 2012 bagi meningkatkan kemahiran teknikal dan kemahiran (*soft skills*) wanita yang berpotensi untuk dilantik sebagai pengarah syarikat.

Usaha bagi meningkatkan lebih ramai wanita sebagai ahli lembaga pengarah ini juga mendapat sokongan daripada Suruhanjaya Sekuriti di mana *Corporate Governance Blueprint 2011* yang telah dilancarkan menggariskan perkara yang perlu dipatuhi oleh syarikat awam seperti *board diversity* dari segi pengalaman, gender, kompetensi, kaum, budaya dan kewarganegaraan. Lembaga pengarah juga perlu melaporkan secara *explicit* mengenai pelaksanaan dasar kepelbagaian gender serta sasarannya dan langkah-langkah yang diambil untuk mencapai sasaran tersebut. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya semasa program *1 Million Women Purple Walk* pada 17 Mac 2013 menyarankan supaya setiap GLC melantik sekurang-kurangnya seorang wanita sebagai ahli lembaga pengarah.

MARA mempunyai seramai 11,036 warga kerja di mana 49 peratus iaitu 5,408 orang adalah terdiri daripada golongan wanita. Daripada jumlah tersebut, 38 peratus (2055 orang) merupakan anggota Kumpulan Pelaksana manakala 62 peratus (3353 orang) merupakan anggota Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P).

Sebagai inisiatif untuk mengukuhkan kompetensi, anggota Kumpulan Pelaksana telah mengikuti kursus-kursus dalam pelbagai bidang antaranya *English Communication Skills*, Seminar Pemerkaaan Wanita, Persidangan Resolusi Wanita dan *Towering Personality*. Manakala pegawai wanita di dalam Kumpulan P&P telah mengikuti kursus di dalam dan luar negara antaranya *Empowering Women, Business Women Forum and Exposition* dan *Asia Pacific Leadership Program*.

Mengenai laluan kerjaya, MARA turut memberi peluang kepada pegawai untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi secara sepenuh atau separuh masa. Pada tahun 2013, seramai 437 pegawai wanita sedang melanjutkan pengajian. 36 peratus daripada jumlah tersebut terdiri daripada Kumpulan Pelaksana yang melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda manakala 64 peratus pula adalah pegawai Kumpulan P&P yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah.

6. *Perkhidmatan kaunseling yang mudah diakses oleh kaum wanita yang sedang menghadapi kesukaran adalah penting untuk keselesaan mereka. Oleh itu, kaunselor perlu dilatih dalam mengendalikan isu-isu wanita secara profesional dan menunjukkan minat dalam memberikan bantuan.*


## MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan menerusi agensi-agensi di bawah KPWKM menyediakan perkhidmatan kaunseling secara berterusan. Dalam hal ini, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyediakan khidmat kaunseling melalui 15 buah Pusat Keluarga di seluruh negara dan ianya dikendalikan oleh 17 orang kaunselor tetap dan 62 orang kaunselor panel. Selain itu, JKM juga mempunyai seramai 191 orang kaunselor di seluruh negara, manakala JPW mempunyai 2 orang kaunselor di ibu pejabatnya.

**BAB** **5**

---

**LAPORAN  
PEJABAT SARAWAK**



## LAPORAN PEJABAT SARAWAK

---

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	<b>PERBINCANGAN MEJA BULAT MENGENAI HAK ORANG KURANG UPAYA</b>	89
	(i) Pengundi Dengan Keperluan Istimewa	89
	(ii) Kemudahan Perbankan	91

---

## BAB 5

### LAPORAN PEJABAT SARAWAK

#### 1. TINDAKAN TERHADAP ADUAN

##### (a) Hak Tanah Adat

Terdapat aduan yang sama bahawa Kerajaan Negeri tidak memberikan pengiktirafan yang sepenuhnya ke atas hak tanah adat dan telah gagal dalam mengeluarkan dokumen hak milik kepada pihak penuntut yang sah. Terdapat juga dakwaan bahawa syarikat pembalakan telah menceroboh ke atas tanah adat dan jumlah ganti rugi yang dibayar adalah tidak setimpal.

Pembangunan dan eksplorasi ke atas sumber hutan selalunya telah menyebabkan konflik di antara penduduk Orang Asal dengan agensi-agensi swasta atau separa kerajaan. Penyebab utama perkara ini berlaku apabila tiada dokumen tanda persempadanan yang rasmi dalam membezakan tanah adat dan tanah negeri; tiada pematuhan dari pihak syarikat swasta; dan penguatkuasaan yang tidak mencukupi.

Sehubungan dengan itu, para pengadu mendakwa:

- (i) pihak berkuasa tidak mengambil serius aduan yang dibuat dan ada kalanya tindakan diambil ke atas pengadu;
- (ii) jumlah pampasan yang tidak setimpal untuk pengambilan tanah atau tanaman yang musnah apabila sesebuah kawasan diambil untuk tujuan pembangunan
- (iii) tidak ada penyertaan yang bermakna dalam membuat keputusan atau peluang untuk menyertai kegiatan ekonomi melalui pembangunan projek-projek; dan
- (iv) Kerajaan tidak mengiktiraf pemilikan ke atas tanah adat seperti yang berlaku ke atas masyarakat Penan di Murum, Belaga

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

- (i) Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan yang wajar ke atas aduan yang diterima berkenaan isu hak tanah. Status berdasarkan Statistik Laporan Polis yang dibuat berkaitan isu Tanah Hak Adat (NCD) dari tahun 2005 hingga (Jun) 2013 adalah seperti berikut:

1. Jumlah Laporan Polis	: 3298 Laporan
2. Jumlah Siasatan	: 302 Kes
3. Jumlah Tangkapan	: 25
4. Jumlah Tuduh	: 13

Walau bagaimanapun, tidak semua laporan Polis akan disiasat oleh PDRM kerana kandungannya adalah berbeza bagi setiap kes. Sehubungan itu, laporan-laporan Polis yang diterima akan diklasifikasikan seperti berikut:

1. Rujuk agensi lain	: 1580
2. Rujuk laporan lain	: 95
3. Tiada apa-apa kesalahan	: 392
4. Tiada tindakan lanjut	: 392
5. Rujuk kepada Majistret	: 886

- (ii) Nilai pasaran semasa tanah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah, sebenarnya ditentukan oleh kuasa pasaran (*Market Forces*) dan bukannya dikawal oleh Kerajaan. Nilai pasaran semasa tanah ditentukan melalui kaedah penilaian secara perbandingan. Kaedah ini merupakan kaedah penilaian yang diguna pakai secara meluas dan diiktiraf di seluruh dunia. Rekod transaksi jual beli tanah semasa akan dikumpulkan dan dianalisis. Faktor-faktor yang mempengaruhi nilai-nilai pasaran seperti lokasi, kebolehcapaian (*accessibility*), topografi tanah, pegangan tanah (*land tenure*) akan turut diambil kira. Sebagai contoh tanah yang terletak berhadapan jalan raya nilainya tentulah lebih tinggi daripada tanah yang tidak mempunyai sebarang akses.

Pemilik tanah berhak milik dan penuntut tanah HAB yang tulen mempunyai ruang dan hak di sisi undang-undang untuk mengemukakan bantahan mereka ke Mahkamah Tinggi atau Timbangtara jika tidak bersetuju dengan nilai pampasan yang ditawarkan oleh kerajaan. Kerajaan akan akur dengan apa jua keputusan Mahkamah atau Timbangtara.

- (iii) Peluang untuk menyertai kegiatan ekonomi melalui pembangunan projek-projek adalah terkandung dalam Keputusan MMKN pada 16 Mei 2013 dalam Cadangan Pelan Tindakan Penempatan Semula Pakej 3: Menjana Pendapatan seperti berikut:
1. Program Pertanian - 0.5 ha setiap isi rumah
  2. Ladang atau wang tunai tanaman untuk 11 ha setiap isi rumah
  3. Kebun buah untuk 2.5 ha setiap isi rumah
  4. 2013-2015 : Sokongan pendapatan sementara sebanyak RM850.00 sebulan untuk setiap isi rumah (RM250.00 dalam bentuk wang tunai dan RM600.00 dalam bentuk barang)
  5. 2016 : Maksimum RM500 untuk setiap isi rumah
  6. 2017-2018 : berdasarkan penilaian terhadap penjanaan pendapatan daripada wang tunai tanaman
- (iv) Kerajaan mengiktiraf tanah HAB yang tulen yang diwujudkan selaras dengan peruntukan KTN yang sedia ada.

Dalam pada itu, Kerajaan juga mempunyai undang-undang lain yang berkaitan seperti Forest Ordinance Chapter 126 (1958 Edition) dan Natural Resources and Environment Ordinance Chapter 84 (1958 Edition), dasar dan kaedah perlaksanaan yang menjamin keutuhan kawasan-kawasan ini demi kepentingan rakyat.

### (b) Peluang Pekerjaan

*Pengadu turut mendakwa bahawa pihak majikan gagal membayar gaji atau mencarum ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sesetengah daripada mereka mendakwa tidak menerima sebarang bentuk faedah berkait dengan pekerjaannya. Pejabat Sarawak telah memanjangkan aduan tersebut kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk tindakan mereka selanjutnya.*

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Isu ini melibatkan sebahagian daripada pekerja yang bekerja dengan kontraktor yang menguruskan projek-projek di bawah Sarawak Energy Berhad (SEB). Kebanyakan kerja-kerja di bawah SEB telah di Kontrak keluar / Sub Kontrak kepada pembekal, maka pihak SEB tidak dapat mengawal segala operasi kontraktor yang terlibat dari segi pembayaran gaji dan lain-lain. Justeru, kontraktor yang gagal membayar gaji dan mencarum KWSP tidak dapat dikenal pasti. Untuk setiap pekerja SEB, gaji dan semua bayaran “statutory” dibayar sewajarnya melalui sistem SAP. Oleh itu, perkara berhubung kegagalan untuk membayar gaji atau caruman KWSP tidak akan timbul.

## 2. PERBINCANGAN MEJA BULAT MENGENAI HAK ORANG KURANG UPAYA

*Pejabat Sarawak telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (PMB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya pada 14 Jun 2013. Perbincangan tersebut telah mengambil kira dua isu semasa dan yang lama berlarutan, iaitu:*

### (i) Pengundi Dengan Keperluan Istimewa

*Menyedari bahawa pilihan raya akan diadakan pada tahun 2013, para peserta memaklumkan bahawa pusat mengundi negeri tidak mesra OKU. Mereka mencadangkan agar Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memperkenalkan sistem elektronik untuk menampung pengundi yang memerlukan keperluan istimewa. Mereka turut menggesa Kerajaan untuk memastikan bahawa semua pusat mengundi mudah diakses dan mesra OKU dalam masa yang terdekat.*

### MAKLUM BALAS KERAJAAN

OKU dari aspek pilihan raya merujuk kepada dua kategori seperti yang berikut:

- (a) OKU atau pengundi yang tidak berdaya oleh sebab buta atau kecacatan fizikal lain untuk mengundi mengikut kes yang ditetapkan oleh peraturan atau undang-undang; dan
- (b) OKU yang mampu mengundi secara sendiri atau orang sakit yang sukar untuk bergerak tetapi boleh melihat dan menggunakan tangan untuk mengundi.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi memudahkan OKU mengundi adalah seperti berikut:

(a) Aspek Undang-Undang

- (i) SPR telah meminda undang-undang dengan memasukkan peruntukan memberi kebenaran kepada “orang yang dipercayai dan dinamakan” oleh OKU untuk mengundi atau menanda kertas undi bagi pihaknya. Maksud “orang yang dipercayai dan dinamakan” ialah seseorang warganegara Malaysia dan berumur 21 tahun atau lebih;
- (ii) “orang yang dipercayai dan dinamakan” oleh OKU tidak perlu mendaftar sebagai pemilih; dan
- (iii) membenarkan KTM mengundi bagi pihak OKU yang tidak diiringi oleh “orang yang dipercayai dan dinamakan semasa datang mengundi.

(Sub peraturan 19(10) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981)

(b) Aspek Pengurusan Pilihan Raya

- (i) SPR telah menyediakan kemudahan kerusi roda bagi membantu OKU bergerak di setiap pusat mengundi;
- (ii) SPR telah melantik Penyelia Pusat Mengundi (PPM) dan Pemandu Arah Pusat Mengundi (PAPM) bagi membantu OKU di pusat-pusat mengundi; dan
- (iii) SPR telah menetapkan prosedur memberi kebenaran kepada pengundi tidak boleh bergerak sendiri yang namanya berdaftar di saluran di tingkat atas sesuatu Pusat Mengundi, mengundi tingkat bawah.

Selain daripada itu, cadangan-cadangan juga telah dikenal pasti bagi menambah baik kemudahan kepada OKU atau pengundi yang memerlukan kemudahan istimewa seperti berikut:

- (i) memastikan Pusat-pusat Mengundi mempunyai kemudahan ramp bagi memudahkan pergerakan kerusi roda;
- (ii) mendapatkan maklumat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, persatuan-persatuan atau individu-individu tertentu berhubung pemilih yang dikategorikan sebagai OKU yang telah berdaftar sebagai pemilih untuk dicatatkan sebagai pemilih OKU di mana-mana Pusat Mengundi. Maklumat ini membantu SPR menyediakan kemudahan sewajarnya kepada OKU yang datang mengundi;
- (iii) bagi Pendaftaran Pemilih yang akan datang, maklumat pemilih OKU akan dicatatkan dalam Daftar Pemilih bagi membolehkan SPR mengenai pasti pemilih OKU untuk disediakan kemudahan yang diperlukan;
- (iv) mempertingkatkan kesedaran pendidikan pengundi melalui ceramah dan taklimat kepada Persatuan-Persatuan OKU di seluruh Negara; dan

- (v) Mengedarkan lebih banyak maklumat mengenai Sistem Pilihan Raya melalui brosur, VCD dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, cadangan mengenai penggunaan Elektronik Dan Sistem “Braille” kepada Pengundi OKU memerlukan kajian yang mendalam kerana melibatkan kos dan kesesuaian dengan Sistem Pilihan Raya yang diamalkan pada masa ini. Sistem Pilihan Raya yang diamalkan sekarang tidak mempunyai masalah yang besar semasa mengundi dan OKU dapat mengundi secara berkesan.

#### **(ii) Membuat Keputusan Dalam Majlis Pihak Berkuasa Tempatan**

*Dengan adanya semakin ramai golongan OKU yang berpelajaran, mereka lebih berpengetahuan untuk mengenal pasti keperluan dan jalan penyelesaian kepada komuniti OKU. Oleh itu, peluang yang luas perlu diberikan ke atas penyertaan mereka di dalam proses membuat keputusan di peringkat tempatan.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Pihak Kementerian boleh mempertimbangkan untuk memberi peluang kepada OKU untuk terlibat dalam proses membuat keputusan dalam Majlis Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya mereka memenuhi kriteria pelantikan yang disebut dalam Seksyen 13, Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996.

##### **“Qualification for appointment”**

- 13. *Councillors of a local authority shall be appointed from amongst Malaysian citizens who are ordinarily resident in Sarawak and who in the opinion of the Yang di—Pertua Negeri have wide experience in local government affairs or who have achieved distinction in any profession, commerce or Industry, or are otherwise capable of representing the interest of their communities in the local authority area.”***

Pertimbangan tersebut tertakluk kepada penambahbaikan dasar pelantikan ahli-ahli majlis yang perlu diluluskan oleh MMKN.

#### **(iii) Kemudahan Perbankan**

*Terdapat aduan berhubung sesetengah bank yang menolak permohonan OKU untuk mendapatkan kad ATM.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Secara amnya, institusi perbankan tidak mengenakan sebarang sekatan atau larangan terhadap pembukaan akaun atau menolak permohonan untuk mendapatkan kad ATM oleh orang kurang upaya (OKU).

Walau bagaimanapun, sesetengah institusi perbankan mengenakan syarat-syarat bagi pembukaan akaun dan pengendalian kad ATM oleh OKU untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini serta memelihara kepentingan pelanggan OKU tersebut. Antara syarat-syarat tersebut ialah keperluan bagi OKU yang tidak boleh menulis dan membaca (seperti golongan cacat penglihatan) untuk membuka akaun secara bersama dengan pihak ketiga yang boleh menulis dan membaca yang dinamakan oleh OKU sendiri. Ini adalah untuk memastikan kepentingan perlindungan OKU dalam pengendalian akaun dan kad ATM.

Untuk memudahkan penggunaan mesin ATM oleh OKU, kebanyakan mesin ATM institusi perbankan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Akta Kurang Upaya Amerika (Americans with Disability Act 1990) bagi kemudahan pelanggan OKU yang berkerusi roda.

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia juga dalam perbincangan dengan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia bersetuju untuk memenuhi permintaan ahli-ahli mereka mengguna kemudahan ATM tanpa ditemani oleh pihak ketiga.

#### (iv) Akses Kepada Kemudahan Awam

*Kajian menunjukkan bahawa terdapat bangunan, perkhidmatan pengangkutan awam dan kemudahan awam masih lagi bersifat kurang mesra OKU walaupun terdapat peruntukan dalam undang-undang.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kebanyakan projek-projek baru bangunan pejabat Kerajaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Sarawak ada menyediakan kemudahan asas kepada OKU seperti tandas dan laluan jalan (ramp) kecuali untuk projek yang berada di lokasi yang agak terpencil yang mana kemudahan asas biasa disediakan. Untuk projek sekolah, projek dilaksanakan berpandukan kepada lukisan piawai yang disediakan oleh Kementerian Kerja Raya.

JKR, Sarawak sentiasa memastikan projek bangunan kerajaan yang dilaksanakan mematuhi peruntukan undang-undang di samping memberi keselesaan kepada pengguna dan mesra OKU.

Perkara ini telah dibincangkan di peringkat “Joint Technical Consultative Committee (JTCC) yang dianggotai oleh semua pegawai teknikal Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak (PBTS), wakil Sarawak Housing and Real Estate Developers’ Association (SHEDA) dan Persatuan Arkitek Malaysia Chapter (PAMSC).

JTCC telah bersetuju untuk menguatkuasakan peruntukan dalam Building Ordinance, 1994 & Building By-Laws yang berkaitan dengan keperluan atau kebajikan kumpulan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam proses memberi kelulusan pelan pembangunan oleh semua PBTS. Dalam mesyuarat JTCC pada 6 Julai 2012, beberapa rekomendasi telah dibuat seperti berikut untuk diterima dan dilaksanakan oleh ahli-ahli JTCC:

- (a) *The definition of public spaces/buildings are not as clear cut and therefore the meeting after deliberation agreed that to simplify the matter by proposing that the Councils adopt the following recommendations:*
- (i) *All institutional buildings and buildings specifically designed for access of the disabled persons must comply with By-law 110A.*
  - (ii) *In the case of shop houses, the meeting agreed that no handicap toilet is required. However, access ramp from car park is still required and the step ramps from the five-foot way to the ground floor of the shop unit need to be provided for other alternative solutions can be proposed for discussion at future JTCC meeting if need to.*
  - (iii) *It was further agreed to provide 1 car park space per block of shop houses to cater for the parking requirement of the disable person(s). However, in the case where two or more separate shop houses blocks are connected by a level five-foot way then this would be deemed as one block.*
- (b) *On the clarifications needed in By-law 110A on the particular requirements and compliance to MS 1184 and 1183, where the minimum of on staircase should have a maximum of 150mm riser, the Chairman commented that the Law (i.e. Ordinance) shall take precedent over these Standard. The meeting after discussion agreed that the risers of all staircase shall follow existing SBO i.e maximum riser of 180mm, unless the buildings is specifically designed to incorporate facilities for the disabled persons and for institutional buildings.*
- (c) *Toilet requirements for the disabled persons in the hotel.*  
*In the case of a new hotel, the provision of toilet shall be calculated based on 5% of the total number of guest rooms subject to a maximum of 5 toilets to be distributed on every floors depending on design requirements of the hotel. Foyer and reception spaces of hotels are considered as public spaces and therefore By-law 110 shall apply fully.*

### 3. MESYUARAT BERSAMA MASYARAKAT PENAN TERJEJAS AKIBAT PEMBINAAN EMPANGAN HIDRO MURUM DI BELAGA

Pada bulan Oktober, Suruhanjaya telah menerima satu memorandum daripada kumpulan masyarakat Penan yang terjejas akibat pembangunan Empangan Murum di Belaga. 6 buah kampung – Long Wat, Long Luar, Long Tanggau, Long Singu, Long Menapa dan Long Jaik – terpaksa dipindahkan.

Kumpulan masyarakat Penan mengatakan bahawa mereka tidak membantah pembangunan empangan tersebut semata-mata tetapi mereka bimbang kerana terpaksa berpindah dari kawasan hutan yang menjadi sumber kepada kehidupan mereka. Sebagai ganti rugi, mereka menuntut agar Kerajaan Negeri membayar RM500,000 kepada setiap keluarga yang terpaksa berpindah ke kawasan penempatan semula di Sungai Tegulang dan Sungai

*Metalong. Mereka turut melahirkan kebimbangan berhubung pengagihan bantuan kebajikan berjumlah RM750 untuk setiap keluarga selama 5 tahun selepas mereka dipindahkan. Apa yang membimbangkan mereka adalah jumlah bantuan tersebut akan ditolak daripada ganti rugi yang dituntut. Masyarakat itu juga mahu Kerajaan Negeri menjawab persoalan kepada tuntutan mereka.*

## **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Berdasarkan keputusan MMKN. Terdapat 5 Pakej telah dirangka bagi mengatasi kebimbangan penduduk tempatan dalam proses penempatan semula.

### **Pakej 1 : Pampasan / Compensation**

- Peruntukan 15 ha tanah untuk isi rumah
- Wang untuk kos upacara pengebumian untuk isi rumah
- Bayaran sagu hati (Ex-gratia) sebanyak RM10,000.00 untuk isi rumah
- Geran perpindahan sebanyak RM4,000.00 untuk isi rumah
- Peruntukan upacara RM1,000.00 untuk isi rumah

### **Pakej 2 : Pemulihan Kehidupan / Livelihood Restoration**

- Menggantikan rumah dan kemudahan kampung
- Pembangunan 0.5 hektar taman rumah untuk isi rumah

### **Pakej 3 : Menjana Pendapatan**

- Program Pertanian – 0.5 ha isi rumah
- Ladang atau wang tunai tanaman untuk 11 ha isi rumah
- Kebun buah untuk 2.5 ha isi rumah
- 2013-2015 : Sokongan pendapatan sementara sebanyak RM850.00 sebulan untuk isi rumah (RM250.00 dalam bentuk wang tunai dan RM600.00 dalam bentuk barang)
- 2016 : Maksimum RM500 untuk isi rumah
- 2017-2018 : berdasarkan penilaian terhadap penjanaan pendapatan daripada wang tunai tanaman

### **Pakej 4 : Pembangunan**

- Pembangunan Pusat Perkhidmatan Murum dan fasiliti – dua Sekolah Rendah, Klinik dan Pertanian

### **Pakej 5 : Pembangunan**

- Membina Sekolah Menengah dan kemudahan lain melalui bajet tahunan Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar

Penubuhan hutan simpan negeri ini dibuat di bawah Seksyen 3 *Forest Ordinance* (Cap. 126) dengan kelulusan Menteri. Warta pemberitahuan bagi cadangan penubuhan hutan tersebut akan dipamerkan di Pejabat Daerah dan juga disiarkan sekurang-kurangnya dalam satu (1) surat khabar harian edaran di Sarawak.

Pihak Jabatan Hutan juga akan mengadakan dialog dengan penduduk terbabit bagi memaklumkan hasrat kerajaan untuk menubuhkan hutan simpan dan menjemput mereka mengemukakan sebarang tuntutan sekiranya ada. Tempoh untuk mengemukakan tuntutan adalah selama 60 hari dari tarikh warta pemberitahuan dimaklumkan kepada penduduk.


Selepas tempoh 60 hari berakhir, Pegawai Hutan Wilayah akan mengadakan inkuiiri terhadap tuntutan oleh penduduk terlibat. Setelah inkuiiri disemak, laporan tuntutan akan dikemukakan kepada Pengarah Hutan. Pengarah Hutan akan membuat keputusan sewajarnya terhadap laporan tersebut sebelum tindakan pewartaan akhir dibuat di bawah Seksyen 14.

Sekiranya terdapat tanah NCR dalam kawasan yang dicadangkan, keputusan akan dibuat sama ada akan memasukkan sekali tanah NCR dalam kawasan hutan simpan atau tidak. Sekiranya tanah NCR ingin dimasukkan dalam kawasan hutan simpan, pampasan akan dibayar kepada pemilik tanah NCR. Sekiranya tanah NCR tidak dimasukkan dalam kawasan hutan simpan, tanah NCR tersebut akan dikeluarkan daripada kawasan cadangan hutan simpan sebelum kawasan berkenaan diwartakan di peringkat akhir.



**BAB** **6**

**LAPORAN INKUIRI NASIONAL  
MENGENAI HAK KE ATAS  
TANAH ORANG ASAL/ASLI  
DI MALAYSIA**



## LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK KE ATAS TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA

---

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	<b>ISU-ISU UTAMA NI</b>	99
(a)	Kegagalan Pengiktirafan Konsep Penggunaan dan Pemilikan Tanah	99
(b)	Proses Pentadbiran	99
(c)	Kesan Skim Perladangan	100
(d)	Skim Pembangunan Tanah OA	100
(e)	Kemasukan Tanah Adat OA dalam Kawasan Perlindungan	101
(f)	Projek Pembangunan Komersial	102
(g)	Pampasan ke atas Kehilangan Tanah Adat OA/Kawasan dan Tanaman	102

---

## BAB 6

### LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK KE ATAS TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA

#### 1. ISU-ISU UTAMA NI

*NI telah mengenal pasti isu-isu yang unik kepada wilayah yang tertentu.*

##### (a) Kegagalan Pengiktirafan Konsep Penggunaan dan Pemilikan Tanah

*Wakil-wakil OA berhujah bahawa undang-undang dan dasar-dasar telah gagal menghormati dan mengiktiraf sepenuhnya konsep penggunaan tanah dan pemilikan mereka, dan ini telah menghakis NCR mereka ke atas tanah.*

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Dasar Pemberimanian dan Pembangunan Tanah Kepada Orang Asli (DPPTOA) masih dalam penambahbaikan dan Laporan Inkuiiri Nasional Mengenai Hak Ke Atas Tanah Orang Asal/Asli oleh SUHAKAM akan diambil kira selepas menerima laporan tersebut.

##### (b) Proses Pentadbiran

*Isu-isu yang dibangkitkan terutamanya melibatkan proses dan prosedur pejabat-pejabat tanah. Isu yang paling biasa dikemukakan adalah kelewatan pejabat tanah untuk memproses permohonan tanah dari OA dan permohonan untuk pengiktirafan hak tanah dan wilayah mereka. Mereka juga mendakwa, disebabkan oleh kelewatan tersebut, permohonan berikutnya yang dibuat oleh pihak ketiga telah mengakibatkan permohonan bertindih ke atas tanah yang sama. Ada juga dakwaan bahawa pejabat tanah telah kehilangan fail-fail mereka. OA juga diarahkan untuk mengemukakan permohonan baru untuk tanah yang sama, yang menyebabkan kelewatan selanjutnya dalam proses pentadbiran.*

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

JAKOA telah sedaya upaya melaksanakan tugas-tugas sebagai pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan. Sejak ditubuhkan sehingga sekarang, pelbagai usaha telah dijalankan antaranya:

- (i) mewujudkan Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) bagi memperakarkan cadangan-cadangan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang mengenai pembangunan Orang Asli dan strategi untuk menyelesaikan atau mengatasi isu-isu yang dihadapi oleh mereka. Ahli-ahli MPKPMOA adalah terdiri daripada pengurusnya Y.B Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, individu dari kalangan Orang Asli dan bukan Orang Asli, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan ahli Akademik, Pemimpin Politik, dan Jabatan/Agensi Kerajaan yang berkaitan; dan

- (ii) mewujudkan *Focus Group* bagi pembangunan masyarakat Orang Asli yang terdiri dari 5 kumpulan utama iaitu Pendidikan, Pembangunan Ekonomi, Kemudahan Prasarana, Pengetahuan Tradisional & Warisan dan Kesihatan. Ahli-ahli *Focus Group* terdiri daripada individu dari kalangan Orang Asli dan bukan Orang Asli, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan ahli Akademik, Pemimpin Politik, dan Jabatan/ Agensi Kerajaan yang berkaitan

**(c) Kesan Skim Perladangan**

*Isu-isu utama yang berkaitan dengan pencerobohan skim perladangan ke atas tanah adat OA atau perkampungan adalah ketiadaan persetujuan bebas, awal dan dimaklumkan terlebih dahulu kepada OA. Terdapat juga dakwaan tiada pembayaran atau kekurangan dividen daripada agensi Kerajaan seperti RISDA dan FELCRA.*

*Kategori ini juga meneliti peraturan-peraturan yang berkaitan, khususnya berhubung kajian penilaian kesan sosial dan alam sekitar, lesen sementara yang diberikan kepada syarikat-syarikat dan tanggungjawab syarikat terhadap mana-mana bahagian kawasan berlesen yang dituntut oleh OA.*

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Skim perladangan yang dilaksanakan di kawasan Orang Asli telah melalui proses perundingan dengan OA. Pembayaran dividen di projek ladang adalah ditentukan dalam mesyuarat teknikal melalui persetujuan bersama antara JAKOA dengan agensi pelaksana. Kadar dividen bergantung kepada fasa pembangunan ladang dan prestasi hasil ladang di mana projek pra-matang akan membayar dividen kepada peserta secara interim manakala projek ladang yang matang akan dibayar dividen dalam kadar antara RM500 hingga RM800 sebulan.

**(d) Skim Pembangunan Tanah OA**

*Kebanyakan skim ini dilaksanakan di bawah inisiatif pengurangan kemiskinan Kerajaan. Apabila suatu kawasan dikenal pasti untuk dimajukan, kawasan tersebut diserahkan kepada agensi-agensi kerajaan atau syarikat berkaitan Kerajaan – sebagai contoh, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA) di Sabah dan Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) di Sarawak – untuk menyelia semua aspek pelaksanaan pembangunan. Walau bagaimanapun, kebanyakan OA mendakwa bahawa projek-projek pembangunan tanah telah dirancang dan dilaksanakan tanpa perundingan yang sesuai dengan mereka terlebih dahulu dan oleh sebab itu, ia gagal untuk menangani keperluan mereka.*

**MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Kerajaan melalui JAKOA telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bagi menyelaras dan membincangkan isu-isu tanah yang

diduduki dan diusahakan oleh masyarakat Orang Asli dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bersama JAKOA – JPSM.

#### (e) Kemasukan Tanah Adat OA dalam Kawasan Perlindungan

*Inkiri mendengar daripada pelbagai komuniti OA bahawa tanah mereka telah dimasukkan dalam persempadanan Taman Negara dan Negeri, kawasan tadahan air, kawasan lindungan hidupan liar dan Tapak Warisan Negara tanpa pengetahuan mereka. Penekanan adalah terhadap kurangannya atau tiada perbincangan dan perundingan dengan masyarakat mengenai cadangan mewujudkan taman dan kawasan-kawasan perlindungan. Kebanyakannya terkejut apabila menerima notis pengusiran, manakala yang lain mendakwa bahawa mereka telah ditangkap apabila memasuki tanah mereka yang terletak di kawasan-kawasan yang dilindungi. Ada juga yang terpaksa membayar yuran kemasukan untuk memasuki kawasan-kawasan ini.*

#### MAKLUM BALAS KERAJAAN

Tidak terdapat kenyataan bertulis berhubung istilah Tanah Adat/Warisan Orang Asli di dalam perundangan bertulis dan yang berkuat kuasa mengenai tanah. Perkara ini jelas tertakluk kepada Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), Perlembagaan Persekutuan atau Akta Orang Asli 1954 (Disemak 1974) [Akta 134]. Malah dalam Enakmen Rizab yang telah wujud sejak tahun 1913 dan *Federated Malay States Forest Enactment 918* (FMS 1918) juga tidak ada kenyataan mengenai Tanah Adat/Warisan Orang Asli. Jika dirujuk kepada Jadual Kesembilan Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan serta seksyen 40 dan seksyen 41 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) jelas menyatakan bahawa hal-hal berkaitan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Namun dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 89 ada ditulis mengenai Rizab Orang Asli Melayu dan Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan adalah berhubung “Peruntukan Khas mengenai Tanah Adat di Negeri Sembilan dan Melaka dan tanah pegangan Orang Melayu di Terengganu.

Kenyataan bertulis mengenai Kawasan Orang Asli dan Rizab Orang Asli mengenai tanah hanya terdapat di dalam Akta 134. Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri berhak mempertimbangkan dan mewartakan kawasan penempatan masyarakat Orang Asli sebagai Kawasan Orang Asli seperti mana tertakluk dalam seksyen 6 atau mewartakan sebagai Rizab Orang Asli seperti mana seksyen 7 atau Hak Menduduki mengikut seksyen 8 dalam akta yang sama.

Berdasarkan kenyataan berkaitan perundangan di atas maka, urusan pengistiharaan Kawasan Taman Negara dan Negeri, kawasan tadahan air, kawasan lindungan hidupan liar dan Tapak Warisan Negara adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Tidak menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri merundingkan mengenai perkara tersebut kerana kawasan penempatan Orang Asli yang terlibat adalah penempatan yang belum diwartakan sebagai Kawasan Orang Asli di bawah Seksyen 6 atau Rizab Orang Asli di bawah Seksyen 7 Akta 134. Kawasan-kawasan penempatan Orang Asli yang terlibat bukanlah Tanah Adat/Warisan Orang Asli.

Isu pengusiran, tangkapan dan terpaksa membayar yuran untuk memasuki kawasan-kawasan lindungan adalah tertakluk kepada perundangan bertulis dan berkuasa mengenai kawasan lindungan tersebut yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Persekutuan melalui Parlimen dan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri melalui Dewan Undangan Negeri. Penguatkuasaan perundangan bertulis mengenai kawasan lindungan akan dikuatkuasakan kepada semua rakyat Malaysia bukan hanya tertakluk kepada Orang Asli. Malah sebagai rakyat yang mendiami negara ini, perundangan bertulis dan berkuatkuasa yang ada dalam negara ini akan terpakai.

#### **(f) Projek Pembangunan Komersial**

*Isu utama daripada projek-projek ini, seperti empangan, kuari dan skim pembangunan bandar, adalah dakwaan kurangnya perundingan serta persetujuan yang bebas, awal dan dimaklumkan. OA yang membangkitkan isu ini mendakwa bahawa, apabila pihak berkuasa melakukan lawatan, mereka hanya diberitahu bahawa tanah mereka akan/atau telah diambil untuk projek tertentu dan mereka dikehendaki mengosongkan perkampungan mereka. Mereka tidak diberi peluang untuk membuktikan bahawa mereka adalah pemilik sah tanah yang akan membolehkan mereka mendapat hak remedи yang mencukupi.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Semua projek-projek pembangunan komersial di Jabatan ini adalah melalui proses perjumpaan dan perundingan dengan OA supaya semua OA yang terlibat boleh memahami objektif dan hala tuju projek pembangunan yang dilaksanakan. Dari segi proses rundingan, Kerajaan melalui JAKOA akan membuat kajian semula supaya setiap pihak berpuas hati dan mendapat hak remedи yang secukupnya.

#### **(g) Pampasan ke atas Kehilangan Tanah Adat OA/Kawasan dan Tanaman**

*Dakwaan turut dinyatakan bahawa pampasan tidak dibayar atau tidak mencukupi atas kehilangan tanah adat OA dan kawasan atau tanaman yang musnah setelah tanah itu diambil bagi projek dan perladangan oleh Kerajaan atau sektor swasta. Ramai juga mendakwa bahawa mereka hanya akan dibayar jumlah pampasan yang sederhana bagi tanaman mereka, manakala tiada pembayaran ditawarkan untuk kehilangan tanah.*

#### **MAKLUM BALAS KERAJAAN**

Berkaitan pemberian pampasan kepada Orang Asli sekiranya kawasan diduduki dan diusahakan oleh Orang Asli diambil balik oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri, maka ia adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk diputuskan. Perkara ini adalah jelas merujuk kepada seksyen 11 dan seksyen 12 Akta 134. Dalam seksyen 11 Akta 134, bayaran pampasan hanya akan dibuat ke atas pokok, dan bukan ke atas tanah kerana tanah bukan milik individu Orang Asli yang didaftarkan mengikut perundangan bertulis dan berkuat kuasa mengenai tanah yang ada di negara ini.

Sekiranya berlaku kawasan Orang Asli yang diambil balik oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri, sewajarnya perkara ini dimaklumkan kepada JAKOA di peringkat awal oleh masyarakat Orang Asli. Tanpa pemakluman adalah menjadi kesukaran kepada JAKOA untuk membantu bagi mendapatkan pampasan yang sewajarnya mengikut penilaian yang akan dibuat oleh Jabatan Penilaian.

Berhubung pengambilan balik tanah kawasan Orang Asli, perlindungan kepada Orang Asli adalah tertulis dalam Akta 134 di dalam seksyen 10. Manakala Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan juga memberikan perlindungan kepada semua rakyat Malaysia termasuk Orang Asli.


Penggunaan seksyen 10 Akta 134 telah membolehkan Orang Asli di Negeri Selangor memperoleh bayaran pampasan ke atas tanaman, rumah kediaman dan tanah dengan nilai yang melebihi apa yang diperoleh oleh masyarakat lain. Masyarakat Orang Asli yang tidak didaftarkan sebagai pemilik berdaftar tanah mengikut perundangan bertulis dan berkuat kuasa di negara ini dan hanya mendiami serta mengusahakan tanah milik Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri iaitu tanah yang diwartakan sebagai Kawasan Orang Asli dan Rizab Orang Asli, akan memperolehi 3 jenis pampasan sekiranya terlibat dengan pembangunan rumah kediaman. Manakala masyarakat lain yang didaftar sebagai pemilik mengikut perundangan bertulis dan berkuat kuasa di negara ini hanya memperoleh bayaran secara "lump sum" mengikut nilai berdasarkan Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].



---

**SENARAI  
SINGKATAN**

---



## **SENARAI SINGKATAN**

ATHAM	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
BOT	Bantuan Orang Tua
BPK	Bahagian Pendidikan Kesihatan
BPT	Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar
CAMSA	Coalition to Abolish Modern-day Slavery in Asia
CCTV	Kamera Litar Tertutup
CEDAW	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita
CRC	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak
CRPD	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya
DPPTOA	Dasar Pemberimanikan dan Pembangunan Tanah Kepada Orang Asli
DRN	Dasar Perumahan Negara
DSA	Data Sedia Ada
ECCE	Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak
EPRG	Kumpulan Pendidikan dan Perhubungan Awam
EPSAI	Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Negeri-negeri
EPU	Unit Perancang Ekonomi
FMS	Federated Malay States Forest Enactment
FTA	Perjanjian Perdagangan Bebas
GFP	Gender Focal Point
GLC	Government Linked Company
HSK	Hutan Simpanan Kekal
ICU	Unit Penyelarasaran Pelaksanaan
ILKAP	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
IOM	Pertubuhan Migrasi Antarabangsa
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
JAN	Jabatan Audit Negara
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
JMB	Badan Pengurusan Bersama
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPSM	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JPUUM	Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita

JTK	Jabatan Tenaga Kerja
JUSA	Jawatan Utama Sektor Awam
KEMTA	Kem Tahanan Kamunting
KD	Klinik Desa
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KK	Klinik Kesihatan
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KTN	Kanun Tanah Negara
KWAMP	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
KWK	Kumpulan Wang Kerajaan
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LCDA	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
LPS	Lembaga Pengurus Sekolah
LUU	Literasi Undang-Undang
MAKPEM	Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia
MAPO	Majlis Anti-Pemerdagangan Orang
MC	Perbadanan Pengurusan
MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
MMKK	Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia
MPKPMOA	Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli
NBOS 7	<i>National Blue-Ocean Strategy 7</i>
NCWO	Majlis Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia
NCR	Hak Tanah Adat
NGO	Badan Bukan Kerajaan
NHRAP	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan
NI	Inkuiri Nasional
NIEW	<i>NAM Institute for the Empowerment of Women</i>
OA	Orang Asli
OKU	Orang Kurang Upaya
OP-CEDAW	Protokol Pilihan CEDAW
OSC	Pusat Setempat
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas
PBM	Perbincangan Meja Bulat
PBR	Program Bantuan Rumah

PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PLC	<i>Public Listed Company</i>
PO	Perintah Perlindungan Tetap
PPA1M	Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPP	<i>Public Private Partnership</i>
PPR	Projek Perumahan Rakyat
PRK	Pakej Perangsangan Khas
PR1MA	Program Perumahan Rakyat 1Malaysia
PSC	Jawatankuasa Tetap Pemilih Parlimen Mengenai Hak Asasi Manusia
PT	Permohonan Tanah
RELA	Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RMR1M	Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia
SABK	Sekolah Agama Bantuan Rakyat
SAR	Sukolah Agama Rakyat
SEDAIA	Lembaga Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi Sabah
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPJB	Surat Perjanjian Jual Beli
SPK	Surat Pekeliling Kerajaan
SPNB	Syarikat Perumahan Negara Berhad
SPP	Skim Pinjaman Perumahan
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPT	Sistem Pendaftaran Terbuka
SRP	Skim Rumah Pertamaku
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TIP	Pemerdagangan Orang
TPC	<i>Teleprimary care</i>
TPPA	Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik
TSH	Hospital Tung Shin
TTPR	Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
UDHR	Perisyntiharhan Hak Asasi Manusia Sejagat
UNHCR	Pesuruhjaya Tinggi bagi Pelarian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
UNDRI	Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal
UPR	Penilaian Penggalan Sejagat
UPWE	Unit Penyayang Warga Emas
USNT	Ubah Suai Naik Taraf
WAJA	Program Wanita Anti-Jenayah





**DISELARASKAN OLEH:**  
**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62692 PUTRAJAYA  
Tel : 03-8885 1000  
Faks : 03-8885 1048 / 03-8885 1051  
Web : [www.bheuu.gov.my](http://www.bheuu.gov.my)

ISSN 2289-6562

9 772289 656001